



# PANDUAN UNTUK PARA WANITA

SebAgAI KUNCI bAgI meNTARbIAh PARA WANITA SeRTA memPer  
KebAhAgIAN DAIAm RUmAhTANggA

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI  
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION  
(MTCA)

- ISBN** : 978-983-44851-7-7
- Karangan** : BADIUZZAMAN SAID NURSI
- Penterjemah** : Ustaz Anwar Fakhri Omar  
Ustazah Marsufah Binti Jalil
- Senarai Penyunting** : Ustaz Asyrani Azni
- Cetakan Pertama** : 2011
- Cetakan Kedua** : 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

**Alamat menyurat di Malaysia** : A-8-4, Idaman Putera Condominium, Jalan Jernai 53100, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tel** : 0122769944 (Emre Yasar) **E-mail** : emreyasar@yahoo.com  
0176626110 (Ali Aydogan) aydogan6366@gmail.com

**Alamat Cetakan di Malaysia** : Kencana Snd. Bhd. No:7, Jalan Lengkongan Brunei, Off jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

PANDUAN UNTUK  
PARA WANITA



*Badiuzzaman Said Nursi*



***Penterjemah:***

*Ustaz Anwar Fakhri Omar*

*Ustazah Marsufah Binti Jalil*





# Kandungan Buku

Satu Perbualan Bersama Saudari-Saudari Akhiratku.....17

Sesungguhnya antara asas penting Risalah an-Nur ialah belas kasihan dan para wanita yang sangat mulia dalam sifat belas kasihan. Oleh sebab itu, pergantungan mereka iaitu kaum hawa dengan Risalah an-Nur adalah secara fitrah. Tetapi beberapa golongan telah menyalah gunakan sifat yang berharga ini. Hanya terdapat satu cara sahaja untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat kepada para wanita iaitu melalui tarbiah agama. Risalah yang bernilai ini menjelaskan perkara tersebut.

Khabar Gembira Dan Satu Perhatian..... 31

Risalah ini adalah mengenai satu berita gembira untuk wanita dalam kalangan warga emas dan juga satu peringatan kepada wanita yang mengutamakan hidup membujang.

Isyarat Ringkas Bagi Hakikat Yang Penting..... 36

Sabda Rasulullah S.A.W: *'Hendaklah kamu mengikut agama orang-orang tua.'*

Hadith tersebut mengisyaratkan kita supaya mencontohi mereka dari segi agama. Ini bererti bahawa iman yang teguh di akhir zaman ada pada diri orang-orang yang telah berusia.

#### Menepati Sunnah Rasulullah S.A.W Dalam Hal Perkahwinan.....38

Ini merupakan jawapan kepada persoalan yang disiarkan dalam media di luar negara iaitu: “ *Aku telah membaca banyak buku daripada koleksi Risalah an-Nur dan juga tentang kehidupan diri tuan. Aku mendapati bahawa antara perkara khusus mengenai diri tuan ialah tentang hidup membujang dan tidak mewujudkan hubungan dengan sesuatu yang ada di dunia ini. Sikap ini juga menjalar dalam kalangan para pelajar Risalah an-Nur.*” Oleh sebab itu ia tidak sesuai dengan firman Allah S.W.T di dalam Surah An-Nisa’ ayat-3: “*...berkahwinlah kamu dengan wanita yang baik...*” serta sabda Rasulullah S.A.W: “*Tidak ada pendita-pendita dalam Islam*” dan sabdanya lagi: “*Berkahwinlah kamu supaya kamu menjadi ramai, kerana aku berbangga dengan ramainya umatku di hari kiamat nanti*”. Oleh sebab itu aku memohon supaya tuan dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini.

#### EMBUN PENGHARAPAN DAN KEDINGINAN IMAN..... 45

##### Harapan Pertama: Iman Adalah Sumber Harapan..... 45

Harapan sesuatu yang sangat bernilai dan padat. Ia menerangkan bahawa asas, cahaya, sumber dan dasar bagi segala sesuatu adalah keimanan. Ianya menjadi keperluan insan yang berusaha keras untuk memperoleh cahaya keimanan yang suci dan kudus itu sebelum bermulanya urusan yang lain.

ini adalah satu hakikat yang penuh bercahaya bagi menyampaikan berita gembira kepada warga emas. Sesungguhnya mereka umpama kanak-kanak sebagaimana kanak-kanak dianugerahkan mendapat nama *al-Rahman* (Pemurah) dan *al-Rahim* (Penyayang), orang-orang tua juga akan dianugerahkan sedemikian dengan keimanan, kebergantungan dan ketaatan kepada *al-Khaliq* (Pencipta) dan *al-Rahim* (Penyayang) pada usia tua.

#### Harapan Ketiga: Cahaya Rasulullah S.A.W.....47

Harapan ini mengisytiharkan bahawa sesungguhnya manusia akan menuju ke alam barzakh dan akan menyaksikan putaran alam akhirat.

Syarat untuk mendapat kesejahteraan dan kebebasan dari kesusahan kedua-dua alam tersebut adalah dengan mengikuti sunnah Nabi S.A.W kerana Nabi kita yang mulia Muhammad S.A.W adalah pemimpin di dunia dan akhirat, baginda penghulu bagi para nabi dan menjadi simbol teladan bagi kerahmatan Ilahi serta kasih sayang Allah S.W.T.

#### Harapan Keempat: Al-Qur'an Yang Bijaksana..... 50

Bahagian ini menunjukkan satu pintu harapan yang sangat kuat iaitu;

Orang-orang tua merasakan pintu kubur semakin menghampiri mereka dan hubungan mereka dengan dunia akan mula terpisah. Mereka membayangkan seolah-olah alam akhirat seperti sebuah dunia yang diselubungi kegelapan. Sesungguhnya kunci bagi khazanah kerahmatan di sana kelak adalah *al-Quran al-Mu'jiz al-Bayan* yang mengganjarkan sepuluh atau seratus, malahan beribu-ribu pahala dan kebaikan kepada sesiapa yang membacanya. Al-Quran juga akan memancarkan dan menyinari alam tersebut dengan cahayanya serta menyampaikan

---

khobar gembira kepada orang yang beriman dengan kitab Allah S.W.T.

*Barangsiapa mendengar al-Quran dengan cahaya keimanan dan mentaati perintah dan menjauhkan diri dari amaran-amarannya akan memperoleh kebahagiaan di alam akhirat yang kekal abadi.*

Harapan Kelima: Beriman Dengan Hari Akhirat..... 53

Setiap orang memerlukan hiburan walaupun sedikit seperti beriman dengan Hari Akhirat. Beriman dengan Hari Akhirat memberi satu hiburan dan harapan yang amat kuat khususnya kepada orang-orang tua. Bahagian ini memberi satu penjelasan bahawa zaman tua diibaratkan seperti kapal “*Rabbani*” yang selamat untuk belayar ke suatu destinasi yang dijanjikan iaitu akhirat, maka kita hendaklah merasa redha dan bersyukur kepada Allah S.W.T serta memuji-Nya.

Harapan Keenam: Cahaya Beriman Dengan Allah S.W.T.....58

Bahagian ini menunjukkan satu jalan harapan;

Melalui cahaya keimananlah, maka segenap alam semesta ciptaan Allah yang Maha Pencipta lagi Maha Penyayang bagi alam semesta, benda-benda yang terkandung di dalamnya seperti makhluk-makhluk dan tumbuh-tumbuhan menjadi bukti betapa sayangnya Allah S.W.T kepada hamba-hambanya. Cahaya keimanan juga menghapuskan rasa sunyi, bosan dan kegelapan yang menyelubungi hambanya. Maka pada zaman tua, waktu perpisahan adalah suatu yang menjadi teman kepada orang tua yang akan menjadi saksi sebanyak himpunan surat alam dan juga akan mempunyai dalil kerahmatan mencakupi segala keperluan dalam kehidupan, makanan, kenikmatan dan juga pertolongan Ilahi, semuanya adalah sandaran kepada belas kasihan dan kerahmatan bagi makhluk yang mempunyai ruh. Adapun melalui kelemahan dan keda'ifan adalah syafaat yang paling makbul, dan juga mata ketuaan, maka orang tua sepatutnya



tidak merasa bersedihan daripada ketuaan bahkan menyayangi ketuaan itu.

Harapan Ketujuh: Iman Adalah Satu Kemanisan.....61

Di ibu kota kerajaan terdapat satu kesamaran yang boleh digambarkan dengan sebuah rumah pangsa yang telah menghiasi dunia fana ini dengan tanggapan bahawa dunia ini akan kekal selama-lamanya adalah satu tanggapan bodoh. Bahagian ini menghancurkan kesamaran tersebut dengan enam cara.

Sesungguhnya rahsia keimanan dan cahaya al-Quran menyinari kegelapan yang amat luas yang muncul dari kesesatan serta membebaskan orang tua yang berada dalam kelemahan daripada kesesatan lembah-lembah keraguan dan kesamaran ke arah pantai yang telah diselamatkan. Harapan ini membawa mereka kepada *al-Rahman* (Pemurah) dan *al-Rahim* (Penyayang).

RISALAH HIJAB.....68

Risalah ini mengandungi empat hikmah.

*“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar)”* Al-Ahzab: 59

Seperti ayat-ayat ini, al-Quran al-Hakim memberi amaran supaya memakai hijab. Tamadun yang penuh dengan kemaksiatan dan kehinaan menentang hukum kalam Allah S.W.T, tidak melihat hijab itu sebagai fitrah.

*“Hijab itu adalah satu perhambaan.”* Kata-kata mereka yang menolak hijab seolah-olah cuba menjauhi agama. Sesungguhnya hukum al-Quran ini amat sesuai dan pemakaian hijab ini bukanlah suatu perhambaan bahkan pakaiannya telah membuktikan bahawa ia adalah keperluan fitrah yang

dapat diteladani melalui pengalaman yang luas, melalui contoh-contoh dan penjelasan yang kebanyakannya bertentangan dengan tamadun tersebut. Al-Quran telah menolak pandangan mereka serta memberi arahan kepada pemakaian hijab.

### Hikmah Pertama: Hijab Dan Menjaga Kehormatan Adalah Fitrah Wanita.....69

Fitrah para wanita memerlukan hijab kerana sifat kedaifan dan kelemahan pada diri mereka. Secara fitrah, kaum hawa mempunyai satu kecenderungan memberi perlindungan dan mengutamakan anak-anak mereka daripada diri mereka sendiri.

Selain itu, para wanita mempamerkan kecantikan diri mereka kepada pelindung mereka dan cuba untuk menjauhkan diri daripada kebencian dan tuduhan daripada pihak lain. Enam daripada sepuluh wanita yang tua atau kurang cantik enggan mempamerkan kekurangan mereka kepada semua orang, di samping satu atau dua wanita yang cantik daripada kalangan wanita mempamerkan kecantikan mereka tanpa segan silu kepada orang lain manakala yang lain merasa berat untuk mempamerkan kecantikan diri mereka daripada pandangan-pandangan orang hina, kebinatangan dan kekotoran. Kerana itu mereka tidak suka menyerlahkan diri mereka kepada orang lain.

Risalah ini menolak tamadun kezaliman itu dengan jawapan yang amat teguh serta menjelaskan bahawa amaran hijab *al-Quran al-Hakim* itu berasal daripada fitrah wanita dan hikmah daripada amaran itu bertujuan untuk menyelamatkan para wanita yang mempunyai sifat kedaifan dan kelemahan yang ada pada diri mereka daripada kesukaran dan perhambaan maknawi serta membebaskan mereka daripada kehinaan zahir dan batin agar mereka menjadi teman-teman kepada suami mereka di alam akhirat.

---

Hikmah Kedua: Seorang Wanita Adalah Sahabat Kepada Suaminya di Dunia Dan Akhirat.....	72
---	----

Kasih sayang yang tidak terhingga di antara lelaki dan wanita tidaklah terhad kepada keperluan untuk kehidupan dunia ini bahkan sebaliknya, supaya mereka menjadi teman di alam akhirat kelak. Maka dengan itu, sifat kasih sayang itu perlu diteruskan hingga ke akhir hayat. Oleh kerana itu Al-Quran mengajar bahawa hijab itu secara mutlak adalah keperluan dari segi fitrah dan tidak menyekat hubungan suami isteri malah suami bakal menjadi teman untuk selama-lamanya. Al-Quran telah menggugurkan kata-kata tamadun yang kianat, zalim dan penuh dengan kemaksiatan yang mendokong “*hijab itu tidak bersifat fitrah dan suatu perhambaan kepada kaum hawa*” di samping ia mengisyaratkan kepada pemakaian hijab dengan mutlak.

Hikmah Ketiga: Hijab Menambah Kepercayaan Dan Kasih Sayang.....	73
---	----

Hikmah ini membuktikan satu penjelasan dengan mutlak tentang kebahagiaan dalam rumahtangga.

Kebahagiaan keluarga akan berkekalan, jika suami dan isteri saling mempercayai dan berkasih sayang di antara satu sama lain. Pengabaian pemakaian hijab dapat menghilangkan kepercayaan dan kasih sayang serta mengeruhkan lagi hubungan antara suami dan isteri. Satu daripada sepuluh wanita yang tidak memakai hijab tidak memandang orang lain lebih baik daripada suaminya dan dia enggan mempamerkan dirinya kepada orang lain, manakala hanya satu daripada dua puluh lelaki yang tidak memandang wanita cantik kecuali isterinya. Meninggalkan hijab dan pandangan yang bersifat kebinatangan itu akan menghilangkan kepercayaan dan kasih sayang sesama mereka. Menolak pemakaian hijab adalah satu bentuk kehinaan, keburukan yang dapat menghilangkan kepercayaan dari

kaum kerabat, kelihatan seperti tidak memakai kain untuk kaum kerabat walaupun kaum kerabat itu mahramnya.

Hikmah Keempat: Membuka Hijab Menjauhkan Perkahwinan.....75

Bahagian ini menjelaskan satu perkara yang penting secara mutlak:

Sesungguhnya mempunyai keturunan yang ramai adalah dituntut dari segala aspek. Setiap bangsa dan setiap kerajaan menyokong penyataan itu hinggakan Nabi S.A.W bersabda:

*“Berkahwinlah kamu supaya kamu menjadi ramai, kerana aku berbangga dengan ramainya kamu sebagai umatku dihari kiamat nanti”.*

Persoalan Penting Yang Tiba-Tiba Terlintas Pada Hatiku.....79

Firman Allah S.W.T:

*“... supaya tidak ada keberatan atas orang- orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka.”* Al- Ahzaab:37

*“Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari kamu, tetapi dia adalah Rasulallah dan penyudahan segala nabi-nabi.”* Al-Ahzaab:40

Ayat-ayat di atas ini diturunkan mengenai kebebasan Nabi S.A.W daripada tuduhan golongan munafiq. Risalah ini menafsirkan satu rahsia yang penting dalam ayat-ayat tersebut. Sepertimana ucapan dan perbuatan Rasulullah S.A.W adalah sunnah maka apa jua keadaannya atau diamnya adalah hukum-hakam syariat. Perkahwinan Nabi S.A.W bukanlah disebabkan nafsu bahkan isteri-isteri baginda berperanan sebagai murid dalam kehidupannya yang khusus dan seterusnya mereka (isteri-isteri

Nabi S.A.W) menyampaikan hukum-hakam syariat tersebut. Tambahan pula, risalah ini juga menjelaskan mengenai perkahwinan baginda S.A.W dengan Zainab r.a. yang hanya merupakan satu perintah daripada Tuhan dan qadar Rabbani. Secara mutlakny, risalah ini menghilangkan tuduhan yang dikatakan oleh golongan sesat pada masa kini seperti perbuatan golongan munafiq terdahulu.

Menolak Perkara-Perkara Syubhah..... 85

Risalah ini merupakan satu jawapan bagi persoalan yang disengajakan oleh sekelompok orang asing yang cuba menimbulkan keraguan berkaitan poligami dan hamba abdi yang mana ia menggambarkan seolah-olah tidak seiring dengan arus kemodenan, maka mereka pun menimbulkan keraguan terhadap syariah. ` Ustaz Nursi menjawab dengan satu jawapan yang muktamad melalui dua hukum Islam.

Rahsia Kecelakaan Orang Yang Sesat Dan Kebahagiaan Seorang Mukmin .....87

Firman Allah S.W.T: “... dan (*ingatlah bahawa*) kehidupan di dunia ini (*meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya*) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.” Al-Imran: 185

“Dan (*ingatlah bahawa*) kehidupan dunia ini (*meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat*) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (*hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat*).” al-Ankaabuut: 64

Terdapat seratus ayat yang menyamai dengan ayat-ayat di atas di dalam al-Quran.

Bahagian ini memaparkan salah satu perikop. Risalah ini menunjukkan bahawa kehidupan di dunia ini membawa kepada kesan yang begitu buruk bagi golongan yang sesat dan membawa kepada kesan serta kesudahan kehidupan yang amat baik bagi mereka yang beriman. Sesungguhnya hasil untuk dunia dan akhirat berkisar tentang kasih sayang yang membuktikan betapa baiknya orang-orang yang diberi petunjuk dan betapa peritnya kepada golongan orang-orang yang sesat.

Beberapa pekara yang saudara teliti tentang risalah ini: “ *Seandainya risalah-risalah lain seperti bintang, maka risalah ini adalah seperti matahari.*” Manakala saudara yang lain mendapat jawapan seperti ini: “*Setiap risalah yang diumpamakan sebagai satu matahari di langit sebenarnya dikhususkan kepada dirinya sendiri. Adapun yang berjauhan dari risalah-risalah itu umpama bintang, maka yang berdekatan dengannya umpama matahari.* ”

Bahagian ini menjawab soalan yang penting tentang kasih sayang dan menunjukkan bagaimana cara untuk memanfaatkan segala kelazatan dan kesakitan dalam kehidupan kerana Allah S.W.T, melalui tingkatan *al-Asma al-Husna* dan kesannya di dunia dan akhirat.

Tambahan lagi risalah ini juga menjelaskan kesan sifat kecintaan dan berkasih sayang di dunia dan akhirat, dari segi kelazatan makanan, keinginan, keremajaan, teman hidup, ibu-bapa, anak-anak, rakan-taulan, saudara mara yang soleh, para nabi dan wali.

Satu Soalan Penting .....106

Kamu berkata: Kasih sayang bukanlah suatu perkara yang kita mempunyai pilihan padanya. Ia tidak berada di bawah kehendak kita. Berdasarkan keperluan fitrah, saya sukakan makanan-makanan yang

lazat dan buah-buahan yang enak. Saya cintakan ibu bapa, anak-anak dan isteri saya yang merupakan teman hidup saya. Saya cintakan para nabi yang dimuliakan dan para wali yang salih. Saya cintakan zaman muda dan kehidupan saya. Saya cintakan musim bunga dan semua benda yang indah. Dengan perkataan yang lebih ringkas, saya cintakan dunia ini. Bukankah saya boleh mencintai semua ini? Tetapi bagaimana saya boleh menukar semua jenis cinta ini kepada Allah S.W.T kepada nama-namaNya yang indah, sifat-sifatNya yang mulia dan zat diriNya yang suci? Apakah maknanya ini?

Takziah di Atas Kematian Anak Kecil..... 143

Takziah kecil ini ditulis khusus atas kematian seorang saudaraku. Walaupun kandungan surat ini pendek tetapi faedahnya amatlah besar, maka semua orang juga memerlukan warkah seperti ini. Takziah ini membawa satu berita gembira yang penting kepada ibu-bapa yang mana anak-anak mereka meninggal sebelum mencapai usia matang. Melalui takziah ini hati yang sangat berdukacita dan gundah gulana akan menggarap satu hiburan yang berkekalan dan kebahagiaan yang sebenar. Menurut rahsia ayat berikut:

*“Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka.”* Al-Insaan: 19

Risalah ini membuktikan anak-anak kecil yang meninggal dunia akan menjadi anak-anak yang dikasihi di *alam Baqa'*, mereka akan dikembalikan ke pangkuan ibu-bapa mereka dan juga mengumumkan bahawa mereka akan mendapat kebahagiaan dan kegembiraan selama-lamanya.

Tentang Anak-Anak Muda di Dalam Syurga..... 153

Firman Allah S.W.T: *“Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka.”* Al-Insaan: 19

Menurut ayat ini dan beberapa buku tafsir yang lain menjelaskan setiap orang dari kalangan anak kecil sehingga orang tua akan berusia 33 tahun. Risalah ini merupakan satu penjelasan yang bernilai kepada pengertian ayat dan hadith tersebut.

#### Persoalan Penting Yang Tiba-Tiba Muncul..... 155

Dalam persoalan ini Ustaz Bediuzzaman menegaskan akan fitnah akhir zaman bagi golongan wanita yang suka mempamerkan aurat mereka tanpa mempedulikan lagi batas-batas agama atas alasan modenisasi dan ketamadunan yang berpaksiakan kepada idea-idea Barat. Baginda S.A.W juga bersabda bahawa fitnah wanita pada akhir zaman akan membawa kepada peranan yang cukup bahaya kepada umat kini serta balasan yang setimpal bagi mereka di akhirat kelak. Manakala wanita yang memiliki kesedaran yang tinggi akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghindarkan diri mereka daripada menjadikan kecantikan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T padanya sebagai satu jalan untuk menempa kesalahan dan dosa dengan mengikuti jalan yang telah disyariatkan oleh Islam.

#### Keperluan Fitrah..... 159

Ustaz Bediuzzaman Said Nursi menerangkan kepada para pelajarnya tentang Risalah an-Nur dari segi zaman dan fitrah iaitu bermula dari kalangan anak-anak, seterusnya para wanita dan akhirnya orang-orang tua. Risalah ini menjelaskan hakikat-hakikat keimanan tentang sejauh mana kepentingan terhadap kelompok-kelompok tersebut.



## Satu Perbualan Bersama Saudari-Saudari Akhiratku

Dipetik Daripada Risalah Yang Bertajuk ‘ *al-Lamaat*  
Sinaran Kedua Puluh Empat.

Tatkala aku hadir buat kali ketiga ke *Sekolah al-Zahra’ al-Maknawiyah*<sup>1</sup> di bandar Isparta; tatkala aku menyaksikan perhatian yang murni dan penuh kesungguhan daripada para wanita terhadap Risalah an-Nur (mereka merupakan saudari-saudari akhiratku yang diberkati); tatkala aku mengetahui pergantungan mereka terhadap pelajaran yang aku sampaikan tentang an-Nur; aku terdengar bahawa mereka menanti-nanti sebuah pelajaran daripadaku, sepertimana pengajian berbentuk peringatan dan petunjuk yang biasa diadakan di masjid-masjid. Meskipun aku menghidap pelbagai penyakit, ditambah pula dengan rasa lemah dan letih yang bersangatan sehingga aku tidak mampu untuk bercakap dan berfikir, namun satu lintasan ~~yang aku telah~~ detik di hatiku pada malam ini iaitu:

*menulis 15 tahun yang lalu risalah “Panduan Untuk Para Pemuda (Murshid al-Shabab)”*, di atas permintaan mereka sendiri dan telah ramai yang mendapat faedah daripadanya, 1. Sebuah universiti yang diusahakan oleh Bediuzzaman sepanjang hidupnya. Ia diasaskan di timur Antolia. Di sana diajar subjek- subjek agama dan sains moden. Walaupun Bediuzzaman menerima dana daripada Sultan Rasyad dan berjaya mendirikan asasnya di pinggir Tasik Van pada tahun 1913 namun universiti itu tidak dapat disiapkan kerana Perang Dunia Pertama. Dengan penyebaran Risalah an-Nur pada dekad awal Republik, “Risalah an-Nur Medreses”; iaitu tempat di mana Risalah an-Nur dikaji atau disalin dibuka di seluruh Turki. Bediuzzaman kemudian menggelar pelajar-pelajar Risalah an-Nur sebagai penuntut Medreset-uz Zehra. – Penterjemah Bahasa Melayu.

---

---

*sedangkan wanita-wanita*

*ini lebih memerlukan kepada panduan (murshid) seperti itu pada zaman ini.*

Melalui lintasan ini, meskipun aku berasa tidak tenteram, tidak berdaya dan lemah, namun aku catatkan dengan ringkas untuk saudari-saudariku yang diberkati dan untuk anak-anaku para pemudi yang suci beberapa masalah yang berkaitan dengan mereka. Ia terdiri dari tiga perkara:

#### Perkara Pertama:

Oleh kerana asas yang paling utama di antara asas-asas Risalah an-Nur ialah belas kasihan dan kasih sayang dan wanita merupakan peneraju belas kasihan dan serikandi kasih sayang, maka mereka lebih terikat dengan Risalah an-Nur secara fitrahnya. Alhamdulillah, hubungan fitrah ini dirasai di banyak tempat.

Sesungguhnya pengorbanan yang berdasarkan kasih sayang dan belas kasihan itu sangat penting pada zaman ini kerana ia menggambarkan keikhlasan yang hakiki serta pengorbanan tanpa mengharapkan sebarang ganti atau balasan.

Ya! Sesungguhnya pengorbanan hidup seorang ibu untuk menyelamatkan anaknya dari kemusnahan tanpa menanti balasan, serta pengorbanan dirinya dengan keikhlasan yang sebenar demi anak-anaknya sebagai satu fitrah semulajadi, menunjukkan wujudnya pengorbanan yang mulia lagi tinggi pada kaum wanita. Mereka dapat menyelamatkan kehidupan dunia dan akhirat mereka dengan sifat ini serta menzahirkannya pada diri mereka. Namun demikian, arus yang rosak telah menghalang kemunculan sifat yang berharga dan mulia ini,

atau telah memesongkannya ke tempat yang salah lalu disalahgunakan.

Kami sebutkan di sini satu daripadadari ratusan contoh yang ada:

Seorang ibu yang penyayang memberi sepenuh pengorbanan demi menghalang anaknya dari musibah dan kemusnahan agar dengan itu dia akan selamat di dunia. Maka dia akan mendidik anaknya di atas pegangan ini, lalu membelanjakan seluruh hartanya agar anaknya menjadi seorang yang hebat serta cemerlang. Kamu lihat ibu tersebut memindahkan anaknya dari sekolah sains agama lalu menghantarnya ke Eropah tanpa memikirkan kehidupan abadi anaknya yang akan menjadi terancam.

Ketika dia berusaha membebaskan anaknya dari penjara dunia, dia tidak menghiraukan kejatuhannya ke penjara Jahannam yang abadi. Dia telah melakukan sesuatu yang sama sekali bertentangan dengan fitrahnya. Dia sepatutnya menjadikan anaknya yang baik itu sebagai seorang yang beryafaat untuknya di hari Kiamat, namun sebaliknya dia telah menjadikan anak itu sebagai seorang yang akan mendakwanya. Di sana nanti dia akan berkata kepada ibunya,

*“Kenapa ibu tidak mempertingkatkan keimanan saya dahulu sehingga menyebabkan kemusnahan saya ini?”*

Oleh kerana dia tidak mendapat pendidikan Islam yang secukupnya maka dia tidak menghargai kasih sayang ibunya yang luar biasa itu, dan secara tidak langsung akan mengabaikan hak-hak ibunya.

untuk membebaskan anaknya yang telah berbuat jahat penjara neraka abadi iaitu Jahannam, serta kemusnahan yang abadi iaitu mati dalam kesesatan, dengan kasih sayangnya yang sejati yang dikurniakan Allah S.W.T tanpa menyalahgunakannya, maka anaknya itu akan sentiasa mengirim cahaya kepada roh ibunya setelah kematiannya. Di lembaran buku amalan ibunya itu akan tertulis segala kebaikan yang dilakukan oleh anaknya. Dia juga akan menjadi seorang anak yang baik dan diberkati kerana dia dan ibunya akan beroleh nikmat dalam kehidupan yang berkekalan. Dia membantu ibunya di sisi Allah S.W.T dengan apa sahaja yang boleh serta tidak akan mengadu tentangnya atau mendakwanya.

*Ya! Sesungguhnya guru yang pertama memberi kesan kepada seorang manusia ialah ibunya.*

Berkaitan hal tersebut ingin aku jelaskan rasa hatiku yang cukup kuat mengenainya:

*Aku bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya pelajaran yang paling teguh aku perolehi, yang seolah-olah sentiasa diperbaharui, ialah ulangan kata-kata ibuku serta pelajaran rohaninya. Ia kekal di sanubariku, seperti biji benih di dalam jasadku, dalam lipatan umurku yang menjangkau 80 tahun. Meskipun aku telah belajar dari 80 ribu orang namun aku berasa yakin bahawa semua yang ku pelajari itu terbina di atas biji-biji benih tersebut.*

*Ertinya aku menyaksikan pengajaran ibuku – semoga Allah merahmatinya – serta didikannya untuk fitrahku dan ruhku di awal umurku sebagai benih-benih asas dari hakikat agung*

*yang dapat aku lihat sekarang ketika umurku 80 tahun.*

Contohnya: Sesungguhnya sifat belas kasihan merupakan asas terpenting di antara empat asas dalam aliranku, serta sifat rahmat dan kasih sayang yang merupakan hakikat agung dalam Risalah an Nur sebenarnya sifat-sifat itu telah diperolehiku daripada pemerhatianku terhadap tindakan dan tingkah laku ibuku.

Ya! Sesungguhnya belas kasihan serta kasih sayang yang wujud dalam sifat keibuan itu, yang dibawanya dengan penuh keikhlasan serta pengorbanan tetapi telah disalah gunakan pada waktu ini, yang mana si ibu tidak lagi berfikir tentang apa yang akan diperolehi oleh anaknya yang suci di akhirat yang lebih berharga dari bergudang-gudang berlian. Malahan dia memalingkan muka anaknya kepada dunia ini yang nilainya tidak menyamai pun nilai sekeping kaca yang hanya sementara. Kemudian dia berasa kasihan terhadap anaknya itu serta menyayangnya pada sisi kehidupan ini yang merupakan penyalahgunaan sifat belas kasihan tersebut.

Bukti jelas yang menunjukkan kepahlawanan seseorang wanita itu dalam pengorbanannya yang agung, yang tidak mengharapkan balasan atau ganjaran, juga tanpa faedah yang diperolehi untuk dirinya, tiada pula sikap riya' atau menunjuk-nunjuk akan pengorbanannya itu ialah kesediaannya untuk mengorbankan jiwanya untuk si anak. Buktinya dapat dilihat pada seekor ayam yang mempamerkan satu contoh kecil dari sifat belas kasihan tersebut, dan kasih sayang seorang ibu. Demi anaknya, dia sanggup menyerang seekor singa serta mengorbankan jiwa raganya untuk menjaga mereka.

*Sekarang ini, perkara yang wajib serta asas yang penting dalam pendidikan Islam dan amalan-amalan akhirat ialah keikhlasan.*

Contohnya kepahlawanan yang tinggi dalam sifat belas kasihan ini terkandung di dalamnya keikhlasan yang hakiki.

Sekiranya dua perkara ini lahir dari kalangan golongan yang diberkati itu, iaitu para wanita, maka sesungguhnya ia akan menjadi sumber kebahagiaan yang besar dalam persekitaran Islam.

Malah dilakukan orang-orang yang memaharapkan apa-apa balasan, bahkan ia menginginkan bayaran dan balasan dalam seratus bentuk. Sekurang-kurangnya mereka menginginkan kebanggaan dan kemegahan. Namun apa yang dikesali terdapat juga para wanita yang diberkati itu masuk ke dalam sifat riya' ini dalam jenisnya yang lain, hasil dari kelemahan dan ketidakupayaan mereka dan itu merupakan cara mereka melepaskan diri dari kejahatan serta penguasaan para suami ke atas diri mereka.

#### Perkara Kedua:

Meskipun aku sedang mengasingkan diri dari manusia dan menjauhkan diri dari kehidupan bermasyarakat pada tahun ini, namun aku tetap juga memberikan perhatian kerana permintaan saudara dan saudariku para pelajar Risalah an-Nur. Aku mendengar daripada ramai kawan yang menziarahiku, keluhan mereka tentang kehidupan berkeluarga mereka. Aku berasa amat sedih dan kecewa dalam lubuk hatiku dan berkata:

*“Apakah kerosakan juga telah menular dalam kehidupan berkeluarga? Sesungguhnya kehidupan berkeluarga adalah merupakan kubu pertahanan insan yang kukuh, apatah lagi bagi seorang muslim. Ia ibarat syurga dan dunia kecilnya. ”*

Aku meneliti tentang punca yang membawa kepada kemusnahan ini. Aku mendapat tahu bahawa di sana terdapat pertubuhan-pertubuhan rahsia yang berusaha untuk menyesatkan para pemuda dan merosakkan mereka.

Mereka membuka jalan-jalan untuk melakukan maksiat, menjerumuskan mereka ke dalam kejahilan dan kesesatan.

Tujuan mereka adalah untuk merosakkan masyarakat Islam dan memudaratkan agama Islam. Aku juga berasakan bahawa terdapat pertubuhan-pertubuhan yang bekerja secara sembunyi serta berusaha dengan bersungguh-sungguh dan efektif untuk menjerumuskan golongan yang lalai dari kalangan wanita yang lemah lembut ke jalan yang salah dan berdosa. Aku juga mengetahui bahawa pukulan yang kuat terhadap umat Islam ini berpunca daripada pihak yang sama.

Aku ingin menerangkan sejelas-jelasnya, wahai saudari-saudariku, anak-anak perempuanku dan para pemudi yang seagama!

Sesungguhnya satu-satunya ubat yang paling berkesan untuk menyelamatkan kebahagiaan para wanita daripada kemusnahan di dunia dan akhirat dan satu-satunya cara yang dapat memelihara kesucian fitrah mereka dari kerosakan ialah dengan mendidik mereka dengan didikan Islam yang lengkap.

Kamu pastinya pernah mendengar tentang keadaan yang dilalui oleh golongan wanita di Rusia!.

Telah disebut dalam satu bahagian Risalah an-Nur bahawa:

Sesungguhnya *seorang suami yang baik* tidak akan membina cinta terhadap isterinya berdasarkan kecantikan lahir yang akan hilang, yang tidak akan kekal setelah sepuluh tahun, tetapi dia sepatutnya membina cintanya berdasarkan sikap penyayang dan belas kasihan isterinya yang merupakan kecantikan yang paling baik dan paling kekal. Dia mempercayainya berdasarkan sifat kewanitaannya yang baik. Dengan itu cintanya terhadap isterinya akan berkekalan meskipun usianya kian bertambah. Ini kerana baginya seorang isteri itu bukanlah sekadar sahabat dan temannya di dunia yang sementara ini sahaja bahkan akan menjadi temannya yang dicintai dalam kehidupan yang abadi dan kekal kelak. Jadi seharusnya semakin tua, semakin bertambah rasa hormat mereka dan semakin mendalam rasa cinta mereka.

Manakala, keluarga yang dididik dengan kemodenan pula diancam kerapuhan dan kemusnahan kerana hubungan mereka terbina atas dasar persahabatan yang sementara dan akan diikuti dengan perpisahan yang abadi.

Disebut juga dalam satu bahagian Risalah an-Nur:

*Suami yang bahagia* ialah suami yang dapat mencontohi isterinya yang solehah, lalu dia menjadi soleh sepertinya agar dia tidak kehilangan temannya dalam kehidupan yang abadi dan berkekalan kelak.

*Alangkah bahagianya si isteri* apabila dia melihat kesolehan suaminya lalu dia pun berpegang teguh dengan ajaran-ajaran agama agar dia tidak kehilangan temannya yang abadi. Maka



dia pun berjaya menggapai kebahagiaan akhiratnya dalam kebahagiaan dunianya!

*Sebaliknya, betapa malangnya seorang suami yang mengikut jejak langkah isterinya yang bergelumang dengan dosa lalu turut serta tanpa berusaha untuk menyelamatkannya!*

*Alangkah malangnya juga seorang isteri yang melihat kemungkaran dan dosa-dosa suaminya lalu dia mencontohinya dalam bentuk yang lain!*

*Maka celakalah bagi pasangan suami isteri yang saling membantu untuk ke neraka. Kedua-duanya saling mendokong agar pasangannya tenggelam dalam arus kemodenan.*

Makna ini seperti yang terkandung dalam Risalah an-Nur adalah seperti berikut:

*Di zaman ini tidak mungkin kehidupan berkeluarga dapat dinikmati, kebahagiaan dunia dan akhirat dapat dicapai dan sifat-sifat mulia pada wanita dapat disingkap melainkan melalui didikan dengan adab-adab Islam yang telah ditentukan oleh syariat.*

Perkara serta sisi yang paling penting dalam kehidupan berkeluarga kini ialah:

Apabila seorang isteri melihat kemungkaran suaminya, pengkhianatannya, serta ketidaksetiaannya maka sebagai balasannya dia pun meninggalkan kewajipan-kewajipan kekeluargaannya iaitu kesetiaan dan kepercayaan lalu menghancurkannya. Maka pada saat itu pincanglah aturan

keluarga tersebut lalu hilang lenyap seperti debu-debu yang berterbangan seperti mana rosaknya aturan dalam pasukan tentera.

Apalah berguna sepatutnya di kalangan isteri-isteri yang memperbaiki kelemahannya agar dia dapat menyelamatkan sahabat abadinya. Jika tidak maka dia akan rugi dan mendapat mudarat dari semua segi sekiranya dia cuba mempamerkan dirinya dan membuat orang lain jatuh cinta kepadanya dengan cara memperlihatkan kecantikannya. Orang yang tidak setia akan mendapat balasannya di dunia lagi.

Sebab secara fitrahnya, seorang wanita akan menjauhkan diri daripada bukan muhrimnya dan merasa tidak selesa terhadap pandangan 18 orang daripada 20 orang lelaki yang bukan muhrimnya. Manakala seorang lelaki pula, mungkin berasa tidak selesa memandang seorang sahaja dari 100 wanita yang bukan muhrimnya.

Sebagaimana seorang isteri menderita di sudut ini, dia juga telah mendedahkan dirinya terhadap tuduhan tidak setia dan tidak boleh dipercayai. Di samping sifatnya yang lemah, dia juga tidak mampu lagi untuk menjaga hak-haknya.

## Rumusan

Sebagaimana wanita tidak menyerupai lelaki – dari sudut belas kasihan dan kasih sayang – dalam melakukan pengorbanan dan juga keikhlasan, dan sesungguhnya kaum lelaki itu tidak akan dapat sampai ke tahap pengorbanan kaum wanita. Begitu juga kaum wanita tidak mampu menandingi

kaum lelaki dari sudut kemaksiatannya dengan apa cara pun. Disebabkan fitrah dan kejadiannya yang lemah itu dia berasa takut terhadap lelaki asing serta dia berasakan perlu berlindung dengan cara berhijab. Ini kerana seorang lelaki sekiranya terpesong demi mendapatkan kelazatan sekadar lapan minit dia tidak akan rugi apa-apa melainkan sekadar beberapa sen. Sedangkan seorang wanita membayar harga kenikmatan lapan minit tersebut dengan bebanan selama lapan bulan serta menggalas tanggungjawab mendidik anak tanpa ayah tersebut selama 8 tahun. Maksudnya kemaksiatan seorang wanita tidak sampai ke tahap kemaksiatan lelaki tetapi dia dibalas berkali ganda daripada balasan yang diterima oleh lelaki.

Kejadian-kejadian ini bukanlah sesuatu yang luar biasa dan ia menunjukkan bahawa;

itu ~~Wanita~~ merupakan satu makhluk yang diberkati yang diciptakan sebagai tempat tumbuhnya akhlak-akhlak yang mulia. Hampir tidak ada dari kalangan mereka yang melakukan kejahatan dan maksiat hanya kerana keinginan untuk menikmati dunia. Ertinya wanita adalah makhluk yang baik dan diberkati yang diciptakan untuk menjalani kehidupan berkeluarga yang bahagia yang dibentuk dengan didikan Islam.

Celakalah dan musnahlah pertubuhan-pertubuhan yang berusaha merosakkan para wanita yang baik ini. Aku bermohon ke hadirat Allah S.W.T agar menjaga dan memelihara saudari-saudariku dari kejahatan orang-orang yang bodoh dan rosak itu. Amin.

Wahai saudari-saudariku! Secara khusus aku berpesan

buat kalian semua: Bekerjalah sendiri untuk mencari nafkah sebagaimana yang dilakukan oleh wanita-wanita yang baik di kampung-kampung. Hiduplah kamu dengan sifat berjimat cermat di samping sifat qana'ah yang sememangnya tertanam dalam fitrahmu. Ia adalah lebih baik daripada menghina diri kalian disebabkan kesedihan hidup dan tunduk pada kekuasaan seorang suami yang jahat, buruk perangai dan berfikiran sekular. Namun sekiranya ditakdirkan salah seorang dari kamu mendapat jodoh yang tidak sesuai dengannya, maka hendaklah dia redha dan menerima nasibnya itu. Mudah-mudahan Allah S.W.T akan memperbaiki keadaan suaminya disebabkan oleh redhanya. Jika sebaliknya, terjadilah apa yang sering aku dengar di waktu ini, si isteri ke mahkamah untuk menuntut cerai. Ini tidaklah layak dengan keagungan Islam dan kemuliaan umatnya.

### Perkara Ketiga:

Saudari-saudariku yang mulia! Ketahuilah betul-betul! Sesungguhnya kelazatan dan keseronokan di luar batas-batas syariat itu terkandung di dalamnya pelbagai kesakitan dan kesusahan yang berkali ganda lebih susah berbanding keseronokan dan kelazatannya. Risahlah laktif yang kuat dan peristiwa yang benar-benar berlaku.

Kalian boleh mendapatkan penjelasannya dalam Risalah an-Nur.

Sebagai contoh: Kalimah yang keenam, ketujuh dan kelapan daripada *al-Kalimat al-Saghirah* (Beberapa Kalimah Ringkas) dan *Mursyid al-Shabab* (Panduan Untuk Para

Pemuda) menjelaskan kepada kalian hakikat ini dengan terang sebagai pengganti diriku.

Oleh itu hendaklah kalian berpadu-pada serta berasa puas dan cukup dengan keseronokan dan kelazatan yang terdapat di dalam batasan syarak. Melayani anak-anak kamu yang tidak berdosa dan duduk bersama serta bergurau senda dengan mereka di rumah kamu merupakan keseronokan yang sebenarnya. Ia ratusan kali lebih seronok dari menonton wayang di panggung.

Dan ketahuilah dengan yakin! bahawa kelazatan yang hakiki di dunia ini terdapat pada keimanan dan dalam batasan iman. Sesungguhnya dalam setiap amalan soleh terdapat keseronokan jiwa, sedangkan di dalam kesesatan dan kejahatan terdapat kesakitan dan kesengsaraan yang sangat menyakitkan di dunia ini. Hakikat ini telah dibuktikan oleh Risalah an-Nur dengan beratus-ratus dalil yang kuat. Aku sendiri secara peribadi telah melihat dengan mata kepala sendiri melalui pengalaman yang luas dan peristiwa yang pelbagai: bahawa di dalam keimanan ada benih syurga, manakala di dalam kesesatan dan kemaksiatan pula terdapat benih neraka.

Sesungguhnya aku telah menuliskan hakikat ini berkali-kali dalam Risalah an-Nur sehinggakan penentang-penentangku yang keras, pakar-pakar yang rasmi dan mahkamah-mahkamah pun tidak mampu lagi menyangkal hakikat ini.

Sekarang, hendaklah dijadikan *Risalah al-Hijab* sebagai pengenalan dan *Murshid al-Shabab* (Panduan Untuk Para Pemuda) dan *al-Kalimat al-Saghirah* (Beberapa Kalimah Ringkas) sebagai pengganti diriku dalam menyampaikan

pelajaran buat kalian, wahai saudari-saudariku yang diberkati, yang aku anggap sebagai anak-anak perempuanku yang kecil. Aku telah mendengar keinginan kalian untuk aku menyampaikan pelajaran di masjid, tetapi penyakitku berat, tubuhku juga sangat lemah di samping sebab-sebab lain yang menghalang. Aku telah memutuskan wahai saudari-saudariku yang membaca pelajaran yang telah aku tulis ini agar turut berkongsi ganjaran dari segala usaha-usaha kerohanianku serta mendapat tempat dalam doaku sebagaimana halnya para pelajar Risalah an-Nur yang lain.

Sekiranya kalian boleh mendapatkan Risalah an-Nur, kemudian kalian membacanya atau mendengarnya, sebagai pengganti diriku, maka dengan itu kalian juga turut serta bersama-sama dengan saudara-saudara kalian para pelajar Risalah an-Nur dalam setiap usaha kerohanian dan doa mereka berdasarkan cara dan kaedah yang telah kami tetapkan. Aku berhasrat untuk menulis lebih banyak lagi untuk kalian namun cukuplah sekadar ini kerana penyakitku berat, tubuhku sangat lemah, usiaku yang lanjut serta banyak lagi kewajipan lain yang masih menantiku seperti memeriksa risalah-risalah.

Yang kekal hanyalah Allah.

Saudaramu yang memerlukan doa darimu.

Said Nursi

## Khabar Gembira Dan Satu Perhatian

*Perutusan khas kepada petugas-petugas semasa Medresetuz Zehra.*

- Berita gembira yang amat penting untuk wanita warga emas.
- Peringatan kepada wanita yang mengutamakan hidup membujang.

سَعَىٰ لِي لِيَسِيَّبِيكَ كُرُوءِي رَبِّهِمْ ۖ أَفَلَا يُعَقِّبُكُم مِّنَ الْغَمِّ لِيَتَلَقَّكُم بِلَهُجَّةٍ مِّنَ السَّمَاءِ كَقَوْلِ قَدِ احْتَمَمْتُ ۚ فَرِحْتُم بِهَا لِيَسِيَّبِيكَ كُرُوءِي رَبِّهِمْ ۖ أَفَلَا يُعَقِّبُكُم مِّنَ الْغَمِّ لِيَتَلَقَّكُم بِلَهُجَّةٍ مِّنَ السَّمَاءِ كَقَوْلِ قَدِ احْتَمَمْتُ ۚ فَرِحْتُم بِهَا

(Hendaklah kamu mengikut agama orang-orang tua) ini menggalakkan kita supaya mencontohi mereka dari segi beragama. Ini bererti bahawa iman yang teguh di akhir zaman ada pada orang-orang tua.

Oleh kerana salah satu dari empat asas2 Risalah an-Nur ialah belas kasihan ... dan para wanita adalah peneraju kepada sifat belas kasihan dan kasih sayang itu – sehinggakan yang paling penakut pun di kalangan mereka sanggup mengorbankan jiwanya demi menyelamatkan anaknya. Sememangnya anak-anak dan para wanita saudariku yang mulia menghadapi situasi yang besar ketika ini. Maka terilham di hatiku:

*Menjadi satu kewajiban untuk aku menjelaskan kepada mereka akan hakikat fitrah semulajadi di kalangan para andartu di kalangan para pelajar Risalah an-Nur, meskipun 2. Ustaz Nursi telah menerangkan asas-asas yang empat itu (kedaifan, kekafiran, belas kasihan dan tafakkur) dalam Risalah al-Kalimat.*

*ia tidak sepatutnya dihebahkan kerana ia adalah sesuatu yang khusus untuk mereka yang ingin atau terpaksa terus hidup membujang.*

Aku mengatakan: Wahai anak-anak dan saudara-saudara perempuanku!

Sesungguhnya zaman kita ini tidak seperti zaman dahulu.

Dalam tempoh setengah kurun, pendidikan baru (Eropah) telah berjaya bertapak menggantikan pendidikan dalam masyarakat. Ketika mana orang yang berkahwin kerana menurut ajaran Islam melakukannya untuk menjaga dirinya dari melakukan dosa dan menjadikan pasangannya itu sebagai sahabatnya yang abadi dan sumber kebahagiaan duniawinya, pendidikan barat pula melihat perkahwinan itu sebagai meletakkan seorang isteri kekal berada di bawah kekuasaan dan kawalan suaminya. Dia hanya menyintainya ketika muda sahaja dan boleh jadi dia akan menyusahkannya serta membebaninya melebihi kerehatan yang dinikmatinya. Maka dia pun menjalani kehidupannya dalam azab dan kesakitan. Lebih-lebih lagi sekiranya suami itu tidak sekufu – istilah syara'nya – atau tidak setaraf dengannya dimana hak-hak syara' tidak diambil kira. Ditambah pula dengan sikap saling berlumba, cemburu dan suka meniru maka balanya pun berganda.

Dan begitulah, adapun yang mendorong kepada perkahwinan itu ada tiga sebab:

Sebab Pertama:

Hikmah Ilahi telah meletakkan dalam diri manusia



kecenderungan dan keinginan untuk meneruskan keturunan. Menjalankan kewajipan fitrah itu juga dijanjikan ganjaran berupa kenikmatan. Seorang lelaki mungkin menanggung kesusahan untuk satu jam demi kenikmatan yang cuma bertahan selama sepuluh minit – melalui perkahwinan yang sah – sedangkan seorang wanita membawa anak itu diperutnya selama sepuluh bulan akibat hasil kenikmatan sepuluh minit tersebut. Dia juga turut menanggung kesusahan sepuluh tahun berikutnya demi anak itu. Ertinya kenikmatan yang dinikmati selama sepuluh minit tersebut akan menghilangkan kepentingan kecenderungan fitrah itu, di mana ia akhirnya membawa kepada kesusahan yang banyak serta kepenatan yang berpanjangan.

Oleh itu janganlah hendaknya seorang wanita itu berkahwin disebabkan perasaannya atau jiwanya dan kecenderungan fitrahnya.

#### Sebab Kedua:

Seorang wanita secara fitrah memerlukan seseorang yang dapat membantunya dalam urusan kehidupan kerana fitrah kejadiannya yang lemah. Sesungguhnya lebih baik baginya untuk berusaha sendiri mencari nafkah sebagaimana yang dibuat oleh para wanita di kampung-kampung. Itu berpuluh-puluh kali ganda lebih baik baginya dari tunduk kepada seorang suami – demi memenuhi keperluan tersebut – yang tidak membesar di dalam pendidikan Islam – seperti di zaman kita ini – di mana dia terbiasa melakukan paksaan dan kerosakan. Si isteri mungkin akan berusaha memperoleh redha suaminya dengan cara berpura-pura dan mencuaikan ibadah dan akhlaknya yang merupakan asas kehidupannya dunia dan

---

akhirat. Semua itu dilakukannya demi kehidupan yang rendah dan murah itu.

Oleh kerana Allah SWT yang Maha Penyayang, Maha Pemberi Rezeki serta Maha Pencipta dan Maha Pemurah sebagai mana Dia kepada mereka rezeki memberikan susu kepada seorang bayi dari dada ibunya. Oleh sebab itu janganlah hendaknya mana-mana pelajar Risalah an-Nur mencari seorang suami yang meninggalkan solat, tidak berakhlak, serta mengambil hatinya dengan cara berpura-pura demi sesuap rezeki.

### Sebab Ketiga:

Fitrah seorang wanita itu mempunyai rasa cinta terhadap anak-anak dan suka bermesra dengan mereka. Kecenderungan semulajadi yang mendorong perkahwinan ini dikuatkan lagi dengan khidmat anak itu terhadapnya di dunia ini, syafaatnya di hari kiamat kelak serta kebaikan yang akan dikirimkan kepadanya setelah kematiannya.

Namun kini pendidikan barat telah mengambil tempat pendidikan Islam. Ia hanya menjadikan satu atau dua daripada sepuluh orang anak, sebagai anak yang berbakti kepada ibunya dan mencatatkan kebaikan di dalam lembaran amalan baik ibunya dengan doa-doanya yang baik serta amalan-amalan kebajikannya. Anak itu juga bakal memberi syafaat kepadanya – sekiranya dia seorang yang soleh – di hari Kiamat nanti, maka dengan itu dia benar-benar membalas kasih sayang ibunya sedangkan yang selebihnya lagi mengabaikan semua perkara ini.

Oleh yang demikian kecenderungan fitrah dan kerinduan

jiwa terhadap kecintaan dan bergurau senda dengan mereka ini tidak sewajarnya menyebabkan wanita di zaman ini menanggung segala kesusahan hidup ini seandainya mereka tidak benar-benar memerlukannya.

Bertitik tolak dari hakikat ini maka saya menasihati anak-anak saya dari kalangan para pelajar an-Nur yang lebih suka hidup membujang, saya katakan:

Tidak wajar mereka menjual diri mereka dengan harga yang rendah dengan cara membuka dan mempamerkan aurat mereka apabila mereka tidak menemui seorang lelaki mukmin yang soleh serta memiliki akhlak yang baik serta sesuai dengan mereka, malah hendaklah mereka kekal membujang sekiranya mereka tidak menemui seorang lelaki yang sekufu dengan mereka sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian pelajar lelaki an-Nur, sehinggalah datang kepada mereka seseorang yang bersesuaian dengan mereka dari kalangan yang ditarbiyah dengan tarbiyah Islam, serta memiliki jiwa yang hidup untuk menjadi teman abadi yang layakbaginya. Agar dengan itu kebahagiaan akhiratnya tidak musnah disebabkan kelazatan dunia yang segera lalu tenggelam dalam keburukan kemodenan.<sup>3</sup>

Said Nursi

---

3. Saudari-saudari akhirat dan para pemuda hendaklah membaca Risalah al-Hijab.  
– Penulis.

## Isyarat Ringkas Bagi Hakikat Yang Penting

Terdapat beberapa isyarat di dalam hadith-hadith yang mulia bahawa:

Sesungguhnya hakikat iman akan tampak lebih nyata di kalangan wanita pada akhir zaman, sehingga ia dapat menjaga diri mereka – ke satu peringkat – dari kebinasaan dan kesesatan pada waktu itu. Begitu juga di sana terdapat galakan untuk mencontohi orang-orang tua di akhir zaman sepertimana di dalam hadith (عَمَّا عَلَيْنَا بِأَنْ نَحْتَمِلَ مِثْلَ مَا كَانُوا يَحْتَمِلُونَ) Hendaklah kamu mengikut agama orang-orang tua).

Ini bermakna para wanita yang merupakan serikandi belas kasihan dan peneraju kasih sayang dan kelembutan ini, keikhlasan yang terbit dari sikap semulajadi itu telah berjaya menghalang mereka dari kemusnahan dan kesesatan yang hina akibat sikap berpura-pura dan riya' di waktu itu, malah mereka kekal dapat menjaga keislaman mereka.

Di sana juga terdapat satu hadith lain yang menyatakan:

(إن أبا البنات مرزوق) (Sesungguhnya bapa kepada anak-anak perempuan itu beroleh rezeki.

Maksudnya di akhir zaman anak-anak perempuan akan lebih ramai dari anak lelaki, dan mereka itu bakal menjadi orang-orang yang baik serta Allah S.W.T akan memberkati rezeki-rezeki mereka.

Dahulu saya tidak tahu rahsia hadith-hadith seperti ini tetapi segala pujian bagi Allah S.W.T kerana akhir-akhir ini saya mula memahami rahsia-rahsianya, saya ungkapkan dengan ringkas seperti berikut:

*Sememangnya anak-anak manusia bukanlah seperti anak-anak haiwan. Ketika mana anak-anak haiwan ini sudah boleh berdikari selepas dua atau tiga bulan, tetapi anak-anak manusia memerlukan penjagaan dan pemerhatian yang penuh dengan kasih sayang selama sepuluh tahun atau lebih.*

Oleh itu, berterusanlah belas kasihan dan penjagaan para ibu terhadap anak-anaknya dan ia merupakan satu fitrah yang tertanam di dalam jiwa insan yang berbeza dengan haiwan. Adapun pada kaum lelaki maka hikmah Ilahi telah menanamkan di dalam diri mereka fitrah kemuliaan dan sikap cemburu agar dengan itu mereka dapat membantu para ibu yang lemah dan anak-anak yang tidak berdaya.

Terkandung di dalam sifat ini – kemuliaan – sikap berani luar biasa yang tidak menerima sebarang ganti atau bayaran tetapi – sekarang ini – telah menyelinap ke dalamnya kerosakan yang telah melemahkan keberanian tersebut tetapi fitrah seorang wanita – iaitu belas kasihan dan kasih sayang – tetap tidak rosak.

Kaum wanita dengan sifat fitrah ini memberikan khidmat yang mulia di kalangan para muslimin di akhir zaman. Hadith-hadith tersebut melambangkan kepentingan sifat fitrah ini serta peranannya di dalam masyarakat dan bagaimana ia menjadi tumpuan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam.



Soalan: Kenapa tuan hidup membujang sedangkan ianya menyalahi sunnah Nabi S.A.W?

Jawapan: Kami telah membacakan surat kamu kepada ustaz kami yang sedang menderita sakit, maka beliau pun berkata:

*SeKiranya aku tidak berada dalam keadaan sakit yang berat nescaya aku akan menuliskan jawapan terperinci untuk tatapan saudara-saudaraku yang mulia, tetapi oleh kerana keadaan kesihatanku yang semakin merosot tidak memungkinkan aku berbuat demikian. Sekarang tuliskanlah bagiku dengan ringkas, dalam beberapa perkara sebagai jawapan kepada saudara-saudaraku yang ikhlas dan baik dan para sahabatku yang turut sama berkhidmat kepada Al-Quran.”*

Pertama:

Ketika mana perjuangan untuk menolak serangan fahaman ateis yang amat menakutkan sejak empat puluh tahun yang lampau telah menyebabkan para pejuang mengorbankan segala apa yang ada pada mereka, aku memutuskan untuk berkorban demi kebenaran Al-Quran. Bukan setakat mengorbankan

adalah tuntutan bagi pelajar-pelajar Risalah an-Nur, lelaki dan perempuan hingga ke tahap umur tertentu, supaya dapat meluangkan masa sepenuhnya untuk memberi sumbangan kepada menyemarakkan Al-Quran dan keimanan pada tahap umur muda remaja. Namun aku berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu dibincangkan, begitu juga dalam penentuan had umur perkahwinan pelajar-pelajar tersebut apabila telah sampai waktunya. Apapun aku hanya ingin menghantar jawapan yang saksama daripada pihak tuan, dengan izin Allah S.W.T”.

Surat ini dinukilkan dari catatan-catatan yang diterbitkan di Baghdad tahun 1953.

kebahagiaan duniaku bahkan turut melibatkan kebahagiaan akhiratku. Agar aku dapat berkhidmat untuk Al-Quran dengan cara yang betul serta keikhlasan yang hakiki maka aku mesti meninggalkan perkahwinan dunia yang sementara – meskipun aku mengetahui bahawa itu adalah sunnah Nabi S.A.W – malah sekiranya aku diberikan sepuluh bidadari syurga di dunia ini, aku akan merasakan diriku terpaksa meninggalkan mereka semua, demi hakikat tersebut iaitu kebenaran Al-Quran. Ini adalah kerana organisasi-organisasi ateis yang kufur dan menakutkan ini telah melancarkan serangan-serangan hebat serta merancang penipuan-penipuan yang tercela. Maka untuk menghalangnya perlu kepada pengorbanan yang tinggi dan menjadikan seluruh amalan yang dilakukan hanyalah untuk menyebarkan agama, ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T dan bukannya untuk mencapai apa-apa matlamat yang lain meskipun apa bentuknya.

Sesetengah ulama' yang terkena bencana dan mereka yang bertakwa telah berfatwa menyebelahi perkara-perkara bid'ah atau berpura-pura menyokong mereka disebabkan kesusahan hidup anak-anak dan keluarga mereka, maka ini memerlukan pengorbanan yang tinggi, keteguhan yang jitu serta tidak bergantung dengan manusia atau sesuatu yang lain bagi melawan serangan yang ganas terhadap agama. Apatah lagi setelah pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah dihapuskan dan azan yang syar'ie telah ditukar serta hijab dilarang dengan kuasa undang-undang. Oleh itu saya meninggalkan perkahwinan meskipun saya mengetahui bahawa ia merupakan sunnah Nabi S.W.T, supaya saya tidak terjatuh ke dalam perkara-perkara haram dan agar saya mampu melakukan banyak kewajipan serta menunaikan tuntutan-tuntutan. Adalah tidak mungkin melakukan perkara-perkara



haram demi menunaikan satu perkara sunnah. Malah terdapat para ulama yang menjalankan sunnah tersebut mendapati diri mereka terjerumus ke dalam dosa-dosa besar dan melakukan perkara yang haram serta meninggalkan sebilangan besar sunnah dan perkara fardhu yang lain dalam tempoh empat puluh tahun ini.

Kedua:

Terdapat ayat Al-Qur'an yang mulia **فَالآن نُنَبِّئُكُم بِالَّذِي كُنْتُمْ تُكَذِّبُونَ** surah al-Nisa', ayat:3 dan Hadith **وَأَن تَنْتَبِهُوا** dan seumpamanya

yang berupa perintah, *yang berlaku dalam suruhan yang wajib dan berkekalan tetapi ianya adalah sunnah yang sangat digalakkan dan tertakluk kepada wujudnya beberapa syarat dan kadangkala syarat-syarat itu tidak ada pada semua orang pada setiap ketika.*

bermaksud *“berkahwin dan فَاذْكُرُونِي يَوْمَ يُصْعَقُونَ* bermaksud *“berkahwinlah dan kelak akan berbangga dengan kamu sebagai umatku di hari kiamat nanti”*. Diriwayatkan secara mursal oleh Abd Razak dan al-Baihaqie daripada Said bin Abi Hilal dengan lafaz **وَأَن تَنْتَبِهُوا** bermaksud *“berbahwinlah supaya kamu menjadi ramai, sesungguhnya aku akan berbangga dengan kamu sebagai umat di hari kiamat”*. Berkata Said bin Abi Hilal di dalam kitab **(المقصد ص 5)** makna hadith ini telah disebut oleh sekumpulan sahabat, Abu Daud, al-Nase'i, al-Baihaqie dan selainnya telah mengeluarkan hadith ini daripada Ma' aqal bin Yaser secara marfu': **وَأَن تَنْتَبِهُوا** bermaksud *“berkahwinlah kamu dengan wanita yang subur dan mempunyai sifat kasih sayang, kerana aku akan berbangga dengan ramainya kamu sebagai umatku di hari kiamat nanti.”* Bagi Ahmad dan Said bin Mansur dan al-Tabrani di dalam kitab **وسط** dan al-Baihaqie dan lain-lainnya daripada Anas katanya: *“Rasulullah menuruh berkahwin dan melarang keras hidup membujang dan Rasulullah bersabda بكم أبيه يوم القيامة”* Ibnu Hibban dan Al-Hakim menganggap hadith ini sebagai sahih ... sehingga akhir disebut dengan ringkas daripada kitab **كشف الخفاء** ditulis oleh al-'Ajluny 1021.

Kemudian mengenai hadith <sup>لَا تَلْمِزُوا أُمَّةً قَدِ افْتَرَقَتْ فِيهَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الَّذِينَ اتَّخَذُوا آلِهَتَهُمْ آلِهَةً كَمَا اتَّخَذَ اللَّهُ آلِهَةً لَّهُمْ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ</sup> 6 bermaksud bahawa mengasingkan diri atau hidup membujang – seperti yang terdapat di kalangan para rahib – diharamkan atau ditolak tanpa asas tetapi hadith ini menggalakkan manusia supaya melibatkan diri dalam kehidupan bermasyarakat seperti yang boleh difahami dalam pengertian hadith

<sup>بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</sup> *Sebaik-baik manusia adalah yang “7 paling memberi manfaat kepada manusia lain”*. Jika tidak demikian maka pastilah ribuan para salafus soleh terdahulu telah memisahkan diri mereka daripada orang ramai serta memilih untuk mengasingkan diri di gua-gua untuk satu-satu tempoh, meninggalkan perhiasan dunia yang fana serta menjauhkan diri daripadanya supaya mereka dapat membina kehidupan akhirat mereka dengan cara yang betul.

Oleh kerana telah ramai daripada kalangan orang-orang soleh terdahulu meninggalkan dunia dan perhiasannya demi mencapai kesempurnaan yang kekal dan khusus untuk diri mereka, maka sudah tentulah orang-orang yang bekerja untuk kebahagiaan yang berkekalan ramai sekali yang terkena bencana. Mereka menjaga diri mereka dari jatuh ke dalam jurang kesesatan serta berusaha untuk merpertingkatkan keimanan mereka, sebagai suatu khidmat yang sebenar terhadap al-Quran dan keimanan. Mereka teguh menghadapi

6. Berkata Ibn Hajar “Aku tidak pernah melihatnya dengan lafaz ini, tetapi hadith yang diriwayatkan oleh Saad Ibn Waqqas daripada al-Baihaqi <sup>بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</sup> *أُذِّنُكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي أَنزَلَ عَلَى رُسُلِهِ الْقُرْآنَ يُرِيدُ لِيُخْرِجَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنَ الْأَرْضِ مَدِينًا لِلَّذِينَ ظَلَمُوا* bermaksud bahawa Allah menggantikan agama yang bersifat Rahbaniyyah <sup>بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</sup> *الْحَقُّ وَالْأَعْدَاءُ لِلَّهِ*

dengan agama yang lurus (agama Islam), daripada kitab 3154 *كشاف الخفاء*.”

7. Hadith ini adalah hadith hasan, dikeluarkan oleh al-Qada’ei di dalam Musnad al-Shihab dan Ibn ‘Asakir di dalam kitab 2/420/2 *تاريخ دمشق* rujuklah di dalam kitab *الصحيح للجامع* (الصحیح للجامع) halaman 426 dan *الصغير* (الصغیر) dan lampirannya bilangan 6538.



keimanan maka itu merupakan suatu nikmat yang besar. Perkahwinan tidak memudaratkan khidmat dan kerjanya untuk al-Quran. Segala puji bagi Allah S.W.T kerana di dalam kalangan para pelajar an-Nur terdapat ramai yang seperti itu. Para isteri mereka tidak mengurangkan khidmat mereka terhadap al-Quran dan keimanan, malah boleh jadi mereka berjaya mengatasi dan mendahului para suami mereka disebabkan fitrah mereka yang rela berkorban tanpa bayaran lalu mereka menjalankan tanggungjawab mereka dengan keberanian yang semulajadi serta penuh keikhlasan.

Sesungguhnya para pelajar Risalah an-Nur yang terdahulu kebanyakannya berkahwin dan mereka telah menjalankan sunnah Rasulullah S.A.W ini dengan sebaiknya. Risalah an-Nur berbicara dengan mereka: “Jadikanlah rumahtangga kamu sebagai madrasah an-Nur yang kecil, sebagai tempat ~~imuedana~~ pengetahuan, agar anak-anak hasil pelaksanaan sunnah ini akan membesar di dalam iman, bakal memberikan syafaat buat kalian di Hari Kiamat kelak dan merupakan anak-anak yang baik di dunia ini. Ketika itu terlaksana sunnah yang mulia ini secara yang benar di dalam hidupmu. Ini berlainan pula sekiranya anak-anak tersebut terdidik dengan cara barat sahaja – sepertimana yang berlaku tiga puluh tahun kebelakangan ini – Sesungguhnya anak-anak yang sedemikian itu tidak akan memberi faedah bagi kamu di dunia – dari satu segi – malah akan mendakwa kamu di hari akhirat kelak. Mereka akan berkata: “*Kenapa kamu tidak menyelamatkan iman kami?*” Lalu kamu pun menyesal dan bersedih kerananya. Di hari itu tidak berguna lagi penyesalan dan ini sebenarnya adalah menyalahi hikmah sunnah Nabi S.A.W yang mulia itu sendiri.”

# Embun Pengharapan Dan Kedinginan Iman

*Dipetik Daripada Risalah Yang Bertajuk  
"Panduan Berguna Untuk Warga Tua"*

Harapan Pertama:

Wahai mereka yang telah mencapai umur kesempurnaan! Wahai saudara-saudaraku yang telah tua dan mulia sama ada dari kalangan lelaki mahupun wanita! Sesungguhnya saya sama seperti kamu, juga sudah berumur lanjut. Saya akan menulis bagi kamu beberapa keadaan yang berlaku kepada saya, beberapa pintu pengharapan yang saya dapati dari masa ke semasa dan beberapa kilatan pengharapan pada zaman tua ini. Mudah-mudahan kamu boleh menyertai saya menikmati cahaya hiburan yang bergemerlapan daripada pengharapan dan cita-cita tersebut. Sesungguhnya sinaran yang saya lihat dan segala pintu cahaya serta pengharapan yang Allah S.W.T bukakan kepada saya, kesemuanya itu saya saksikan berdasarkan persediaan saya yang sedikit dan penerimaan saya yang terganggu. Tetapi persediaan ikhlas dan suci yang ada pada diri anda akan menjadikan – dengan izin Allah – cahaya tersebut lebih memancar dan lebih berkilat daripada apa yang dapat saya lihat. Kerana pengharapan anda adalah lebih besar, lebih kuat dan lebih mantap daripada apa yang ada pada saya.

Tidak layak sumber sinaran dan punca pengharapan yang saya akan sebutkan nanti tidak lain dan tidak bukan ialah daripada keimanan itu sendiri.

## Harapan Kedua:

Ketika saya hampir memasuki usia tua, pada suatu hari pada musim gugur, pada waktu asar, saya melihat dunia dari puncak sebuah gunung. Tiba-tiba, saya mengalami satu suasana yang amat menusuk kalbu dan sedih di samping kegelapan yang meliputi. Saya melihat diri saya: Bahawa saya telah mencapai umur yang amat tua. Hari siang sudah bertukar menjadi seorang tua. Tahun juga sudah berusia lanjut. Dunia juga sudah berumur... Keadaan tua dan berusia yang menyelubungi setiap benda di sekeliling saya menggoncangkan saya sehebat-hebatnya. Waktu perpisahan dengan dunia sudah terlalu hampir. Waktu perpisahan dengan para kekasih juga sudah terlalu hampir untuk menjelang ... Ketika saya resah dan gelisah dalam keadaan berputus asa serta berdukacita, tiba-tiba rahmat Ilahi terbongkar di hadapan saya sehingga menukar keadaan kedukacitaan yang menyakitkan itu kepada kegembiraan hati yang bersinar. Ia juga menukar perpisahan dengan para kekasih yang menyakitkan itu kepada majlis pengucapan takziah yang menyinari keseluruhan jiwa saya.

Ya, Wahai orang-orang tua seumpamaku! Sesungguhnya Allah S.W.T mempersembahkan zat-Nya yang Mulia kepada kita dan memperkenalkan-Nya kepada kita pada lebih daripada seratus tempat di dalam al-Quran, dengan sifat-Nya sebagai *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani) ... Dia juga menghantarkan rahmat-Nya sehingga sentiasa meliputi muka bumi ini dengan pelbagai jenis nikmat, sebagai bantuan dan pertolongan kepada sesiapa yang meminta rahmat-Nya daripada orang-orang yang hidup. Dia juga mengutus hadiah-hadiah dari alam ghaib lalu meliputi musim bunga pada setiap tahun dengan nikmat yang tidak terkira dan

terhitung. Dia mengutusnyanya kepada kita yang amat berhajat kepada rezeki, memperlihatkan jelmaan-jelmaan rahmat-Nya yang merangkumi dengan jelas sekali, berdasarkan martabat kelemahan dan darjat kedaifan yang tersembunyi pada diri kita. Maka rahmat Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mengasihani lebih-lebih lagi amat diharapkan dan dicita-citakan ketika kita sedang berada pada zaman tua ini, bahkan cahayanya lebih bersinar lagi bagi kita ketika ini.

Sesungguhnya perkara yang melayakkan kita untuk memperoleh rahmat ini ialah hanya dengan kita menghubungkan diri kita dengan Tuhan yang Maha Mengasihani itu dengan keimanan dan ketaatan kepada-Nya dengan melaksanakan segala kefarduan dan kewajipan yang ditetapkan-Nya.

Harapan Ketiga:

Ketika saya terjaga pada waktu pagi zaman ketuaan saya, daripada tidur malam zaman muda saya, saya melihat dan memerhati kepada diri saya. Lalu saya dapati seolah-olah diri saya sedang laju menuruni tanah tinggi ke kawasan rata tanah perkuburan, sebagaimana digambarkan oleh Niyazi al-Misri<sup>8</sup>:

*“Tubuh badan semakin kecut dan layu dari masa ke semasa. Kealpaan sentiasa menyelubungi diri, meskipun jasadnya sudah hampir reput.”*

---

8. Niyazi al-Misri ialah seorang penyair Turki (1618-1694) yang dilahirkan di sebuah kampung berdekatan dengan wilayah Malatiyyah. Beliau menamatkan pengajiannya di al-Azhar lalu diberi gelaran al-Misri. Beliau mempunyai sebuah antologi syair dan beberapa tulisan lain. Antaranya: Risalat al-Hasanayn, Mawa'id al-'Irfan wa 'Awa'id al-Ihsan dan Hidayat al-Ikhwān. Beliau menjawat jawatan penasihat di beberapa buah sekolah di Istanbul. – Penterjemah.

Badan saya yang merupakan tempat tinggal bagi ruh, sudah mula runtuh dan batu batanya sudah mula gugur satu persatu dari masa ke semasa. Harapan-harapan saya yang mengikat saya dengan dunia dengan kuat dan tali temalnya sudah mula melonggar dan terburai. Terlintas dalam fikiran saya suatu perasaan bahawa waktu untuk berpisah dengan semua para kekasih dan rakan taulan yang tidak terkira ramainya itu sudah terlalu hampir. Lalu saya mencari-cari penawar bagi membalut luka saya yang dalam itu yang nampaknya tidak ada ubat yang mujarab setakat ini! Saya tidak berupaya menemukan ubat yang boleh menyembuhkan luka saya itu. Lalu saya juga berkata sebagaimana diucapkan oleh Niyazi al-Misri:

*“ Hikmat Tuhan menjadikan jasad akan binasa. Sedangkan hati amat cintakan keabadian. Jiwaku meratapi bala bencana dan kesakitan. Hatta Luqman pun kebingungan mencari penawar dan ubatan.”*

Sedang saya berada dalam keadaan demikian, tiba-tiba terpancar nur (cahaya) Rasulullah S.A.W yang merupakan rahmat kepada sekalian alam. Baginda S.A.W adalah rahmat Allah S.W.T dan baginda sendiri pernah mengungkapkan demikian. Baginda juga adalah penyeru kepadanya dan pembicara tentangnya. Tiba-tiba dengan syafaat yang dibawa oleh baginda dan dengan hadiah berbentuk hidayah kepada seluruh kemanusiaan, nur baginda menjadi balsam dan penawar serta ubat yang amat berkesan bagi penyakit melarat yang saya sangka tidak mempunyai penawar itu. Nur baginda juga menukarkan kekecewaan kelam yang menyelubungi saya kepada cahaya pengharapan yang terang benderang.

Ya! Wahai orang-orang tua dan lemah yang dihormati!



Wahai orang yang merasa dirinya tua sepertiku! Sesungguhnya

tidak telapak merengai kita dari dirinya. Kita tidak akan dibenarkan untuk tinggal di sini untuk terus memperdayakan diri dan menutup mata. Kita pasti akan diheret kepada kesudahan yang pasti. Tetapi alam barzakh tidaklah sebagaimana tergambar kepada kita sebagai kegelapan angan-angan yang timbul daripada kealpaan dan sebagaimana digambarkan oleh ahli kesesatan. Ia bukanlah alam yang memisahkan, bukanlah alam yang gelap, bahkan ia adalah tempat perhimpunan dan pertemuan para kekasih serta rakan taulan, dan yang berada di barisan paling hadapan ialah kekasih Tuhan sekalian alam dan pemberi syafaat kepada kita di sisi Allah S.W.T pada hari kiamat, selawat dan salam ke atas baginda S.A.W.

Ya! Sesungguhnya Rasulullah S.A.W adalah penguasa kepada 350 juta manusia pada setiap zaman, sepanjang 1,350 tahun. Baginda mendidik ruh mereka, memberi petunjuk kepada akal mereka, dan menjadi kekasih hati mereka. Pada setiap hari, pahala semua kebaikan yang dilakukan oleh umatnya diangkat kepada lembaran kebaikan baginda, kerana baginda adalah sebab kepada segala kebaikan tersebut, sedangkan sebab adalah sama dengan orang yang melakukannya sendiri. Baginda juga adalah paksi dan dasar kepada segala kehendak rabbani dan keinginan Ilahi yang murni di alam raya ini. Baginda juga adalah sebab ketinggian nilai segala benda yang wujud. Baginda adalah rasul yang mulia. Baginda berkata ketika melalui detik-detik pertama yang memuliakan alam barzakh: *“Umatku! Umatku!”* sebagaimana dinyatakan oleh beberapa riwayat yang sahih dan kasyaf yang benar. Baginda S.A.W juga akan berkata di Padang Mahsyar kelak: *“Umatku! Umatku!”* Baginda akan berusaha dengan syafaat yang

---

dimilikinya untuk membantu dan menolong umatnya dengan rahmat paling besar, paling mulia, paling suci dan paling tinggi, sedangkan pada waktu itu setiap orang hanya berkata:

“*Alahai diriku! Alahai diriku!*” Maka kita pasti akan pergi kepada alam yang telah dimasuki oleh baginda S.A.W. Kita akan berpindah kepada alam yang mendapat cahaya melalui pelita bercahaya tersebut (Rasulullah S.A.W) dan melalui pendamping di sekitar baginda yang terdiri daripada para *asfiya'* (orang pilihan) dan *awliya'* (para wali) yang tidak terhitung bilangan mereka.

Ya, sesungguhnya mengikut sunnah Nabi yang mulia ini S.A.W, akan melayakkan kita untuk bernaung di bawah syafaatnya dan memetik daripada cahaya-cahayanya, serta menyelamatkan diri kita daripada kegelapan *alam barzakh*.

#### Harapan Keempat:

Ketika kaki saya mula memijak bendul zaman tua, ketika itu kesihatan tubuh badan saya yang melabuhkan tali kealpaan juga telah mengalami zaman tua. Zaman tua dan penyakit telah berpakat melancarkan serangan terhadap saya dalam masa yang sama. Kedua-duanya terus menerus menjatuhkan pukulan bertalu-talu ke atas kepala saya sehingga menghilangkan rasa mengantuk yang mengalpaan daripada diri saya. Saya tidak mempunyai apa-apa yang boleh mengikat saya dengan dunia seperti harta, anak-anak dan seumpamanya. Hanya yang ada ialah dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan. Lalu saya menjerit memohon pertolongan sebagaimana jeritan yang dilaungkan oleh Niyazi al-Misri:

*“Umur telah lenyap dengan sia-sia. Aku tidak mendapat apa-apa daripadanya. Aku datang sebagai tawanan, tetapi kenderaan melarikan diri jauh daripadaku. Ia tetap berada di sana. Di tempat yang jauh lagi dagang. Ia menangis. Aku merungut-rungut sendirian. Dalam kesesatan aku mengharungi perjalanan. Mataku bergengang, dadaku kepanasan lantaran kerinduan. Akalku kebingungan!”*

Saya pada ketika itu merasa amat terasing. Lalu saya merasa amat dukacita, nestapa, pilu dan menyesal terhadap umur saya yang telah berlalu. Saya menjerit di dalam lubuk hati agar saya diberikan bantuan dan cahaya pengharapan. Tiba-tiba al-Quran yang bersifat hikmah, mempunyai mukjizat dan penuh penjelasan menghulurkan bantuannya kepada saya. Ia membuka pintu pengharapan yang besar di hadapan saya. Ia juga menganugerahkan kepada saya cahaya sinaran harapan yang mampu menghilangkan berganda-ganda kekecewaan yang ada pada diri saya. Ia juga mampu menghilangkan kegelapan pekat yang berada di sekitar saya.

Ya! Wahai orang-orang tua yang lemah lagi dihormati! Wahai orang yang segala tali hubungannya dengan dunia ini mula melonggar dan mengendur sepertiku! Sesungguhnya Allah S.W.T adalah Tuhan yang Maha Membuat lagi Maha Mulia, yang telah mencipta dunia ini dalam bentuk sebuah bandar yang paling sempurna dan tersusun, seolah-olah ia adalah sebuah istana yang tersergam indah. Adakah Allah S.W.T yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia itu tidak akan berbicara dengan para kekasih dan tetamu-Nya yang paling mulia ketika berada di bandar atau istana tersebut? Adakah Dia tidak mahu menemui mereka?

Oleh kerana Dia telah mencipta istana yang tersergam indah ini berdasarkan ilmu pengetahuan-Nya yang tinggi, dan Dia telah menyusunnya berdasarkan kehendak-Nya, dan Dia menghiasinya berdasarkan pilihan-Nya sendiri, maka sudah pasti Dia akan berkata-kata. Sebagaimana seseorang yang membuat binaan sesebuah bangunan mengetahui apa yang dibinanya, maka sudah pasti seseorang yang mengetahui akan berkata-kata. Oleh kerana Dia telah mencipta istana ini sebagai gedung pertemuan yang indah dan menggembirakan, dan Dia menjadikan bandar ini sebagai kompleks perniagaan yang mengagumkan, maka sudah pasti Dia mempunyai kitab-kitab dan lembaran-lembaran siaran yang menjelaskan apa yang dikehendakinya daripada kita dan menjelaskan hubungan-Nya dengan kita.

Tidak syak lagi bahawa kitab paling sempurna di antara kitab-kitab suci yang diturunkan kepada kita ialah al-Quran al-Karim yang mengandungi mukjizat itu. Kemukjizatnya terbukti melalui 40 bentuk. Pada setiap saat, paling kurang ia dibaca oleh lidah 100 juta orang. Ia juga menyebarkan cahaya dan memberikan petunjuk kepada jalan yang lurus. Pada setiap hurufnya terdapat 10 kebaikan dan 10 pahala paling kurang. Kadang-kadang 10 ribu kebaikan, bahkan 30 ribu kebaikan, sebagaimana ketika Lailatul Qadar. Demikianlah bagaimana ia mengurniakan sebahagian daripada buah-buahan syurga dan cahaya alam barzakh sebagaimana dikehendaki Allah S.W.T untuk dikurniakannya kepada kita. Adakah di alam ini seluruhnya terdapat sebuah kitab lain yang menyamainya dari sudut ini? Atau adakah wujud seseorang yang boleh mendakwa bahawa dia juga berupaya berbuat demikian?

Oleh itu, al-Quran yang berada pada tangan kita ini adalah

kalam Tuhan sekalian alam. Ia juga adalah arahan-arahan-Nya yang disampaikan kepada kita. Ia juga adalah rahmat-Nya yang amat luas yang meluasi segala sesuatu. Ia datang daripada Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Mulia. Ia datang daripada sudut rububiyah-Nya yang mutlak dan daripada uluhiyyah-Nya yang agung. Ia datang daripada rahmat-Nya yang meliputi dan luas. Maka anda hendaklah berpegang teguh dengannya. Padanya penawar bagi segala penyakit. Padanya cahaya bagi segala kegelapan. Padanya pengharapan bagi setiap kekecewaan. Kunci bagi memperoleh khazanah yang abadi ini hanyalah keimanan, penyerahan diri kepadanya semata-mata, mendengar kepadanya, mematuhiya dan mendapat kelazatan dengan membacanya.

#### Harapan Kelima:

Pada permulaan zaman tua, saya merasa berkeinginan untuk memencilkan diri dan berada berjauhan daripada orang ramai. Ruh saya mencari-cari kerehatan dengan memencilkan diri dan berada berseorangan di atas tanah tinggi Yusha' yang mengunjur ke arah Selat Bosfour. Pada suatu hari, ketika menerawang pandangan ke kaki langit dari puncak tanah tinggi tersebut, saya ternampak berdasarkan pandangan amaran ketuaan bahawa salah satu daripada kepingan kehilangan dan perpisahan sedang menangis dalam keadaan dukacita dan pilu. Ketika itu saya menerawang pandangan saya bermula daripada puncak pohon umur saya, iaitu daripada dahan ke 45 hingga berakhir dengan lapisan paling bawah kehidupan saya. Lalu saya nampak pada setiap dahan daripada dahan-dahan yang ada pada pohon tersebut, dan pada setiap tahun, terdapat jenazah para kekasih dan sahabat saya juga orang yang mempunyai hubungan dengan saya yang tidak terhitung

bilangannya. Lalu saya amat bersedih kerana berpisah dengan para kekasih saya itu. Lalu saya merungut dengan rungutan *Fuduli al-Baghdadi*<sup>9</sup> ketika beliau berpisah dengan para kekasihnya dengan berkata:

*“Setiap kali kerinduan untuk bertemu memuncak, air mata mengazabkanku, pernafasan pula mencungapkanku.”*

Melalui kekecewaan-kekecewaan yang mendalam itu, saya mencari-cari pintu pengharapan dan tettingkap cahaya yang boleh menghiburkan diri saya. Tiba-tiba cahaya keimanan dengan akhirat menyelamatkan dan memberikan pertolongan kepada saya dengan kepada saya yang beramal yang tidak terpadam dan pengharapan yang tidak dikecewakan sama sekali.

Ya! Wahai saudara-saudara dan saudari-saudariku yang telah tua! Selagi mana akhirat wujud, selagi mana ia kekal, selagi mana ia lebih indah daripada dunia, selagi mana Tuhan yang Mencipta kita adalah Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani, maka kita berkewajipan untuk tidak mengadu dan merasa sempit dada dengan zaman tua ini. Kerana umur tua yang dibasahi dengan keimanan dan ibadat yang menyampaikan seseorang kepada umur kesempurnaan, ia menjadi tanda dan alamat berakhirnya kewajipan dan tugas kehidupan. Ia juga menjadi isyarat kepada perpindahan kepada alam rahmat kerana akan berkekalan di dalam kerehatan. Oleh itu, kita mestilah reda dengan keadaan tersebut dengan

---

9. Fuduli al-Baghdadi adalah seorang penyair yang hidup pada abad keenam belas Masihi. Beliau adalah pengasas Kesusasteraan ‘Uthmani Azeri. Beliau mempunyai beberapa antologi dalam bahasa Turki, Arab dan Parsi. Beliau meninggal dunia pada tahun 1555. Antara karyanya yang masyhur ialah *Laila Majnun*. Nama sebenarnya ialah Muhammad. – Penterjemah.

---

keredaan yang sebesar-besarnya.

Ya! Sesungguhnya perkhabaran yang dibawa oleh 124 ribu orang yang terpilih lagi mulia dari kalangan para Nabi dan Rasul<sup>10</sup> sebagaimana disebutkan oleh hadis adalah perkhabaran yang bersandarkan kepada ijmak secara mutawatir, juga berdasarkan kepada penyaksian sebahagian mereka serta *haqqul yaqin* oleh sebahagian yang lain. Mereka semua mengkhabarkan tentang kewujudan hari akhirat. Mereka juga mengisytiharkan dengan sepakat bahawa semua manusia akan diheret kepadanya dan bahawa Allah S.W.T Tuhan yang Maha Mencipta tidak syak lagi pasti akan mewujudkan hari akhirat, sebagaimana dijanjikan-Nya secara pasti dan putus.

Perkhabaran yang disampaikan oleh para Nabi di atas dibenarkan pula oleh 124 ribu juta para wali, sama ada melalui kasyaf dan penyaksian. Para wali tersebut menyaksikan dengan sebenar-benarnya terhadap kewujudan akhirat dengan *'ilmul yaqin*. Semua ini menjadi dalil yang putus terhadap kewujudan akhirat.

Demikianlah bagaimana *Asma' al-Husna* bagi Tuhan yang Mencipta alam ini tercerna pada seluruh pelusuk alam ini secara mudahnya menunjukkan kewujudan sebuah alam lain yang kekal abadi. Ia juga secara jelas menunjukkan kepada kewujudan hari akhirat.

Demikian bagaimana kudrat Ilahi dan hikmah

---

10. Daripada Abu Umamah, Abu Zarr berkata: "Aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Berapa bilangan para Nabi?" Baginda menjawab: "120 ribu orang. Daripada mereka terdapat 315 orang rasul, iaitu suatu jumlah yang besar." Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (Mishkat al-Masabih 3/122 t 5737. Muhaqqiq berkata: Hadis sahih. Lihat juga Zad al-Ma'ad, 1/43.) – Penterjemah.

kebijaksanaNya yang mutlak bertindak tanpa cuai dan bukan secara sia-sia. Ia menghidupkan pohon-pohon yang telah mati, yang hanya tinggal tunggulnya sahaja, ia menghidupkannya dengan bajunya adalah petak tumbuhan bumi pada setiap musim bunga, pada setiap tahun hanya dengan perintah '*kun fayakun*'. Ini menjadi tanda tentang kebangkitan semula selepas mati. Sebanyak 300 ribu jenis spesies tumbuhan dan binatang dibangkitkan di merata tempat. Pembangkitan ini memperlihatkan ratusan ribu bentuk kebangkitan dan menjadi dalil kewujudan akhirat.

Rahmat Allah S.W.T yang luas mengekalkan kehidupan keseluruhan makhluk bernyawa yang memerlukan rezeki.

Rahmat ini juga meneruskan kehidupan makhluk tersebut dengan perasid hidusan yang menakutkan. Rahmat itu juga memperlihatkan penjagaan rapi berterusan yang menampilkan pelbagai jenis perhiasan dan dandanan yang tidak terhitung banyaknya dalam tempoh waktu yang amat pendek pada setiap musim bunga. Tidak syak lagi bahawa rahmat tersebut mewajibkan kewujudan hari akhirat.

Manusia berkeinginan untuk hidup kekal selama-lamanya.

Mereka rindu kepada keabadian dan bercita-cita untuk memperoleh keberkekalan. Perasaan ini tertanam kukuh di dalam fitrah mereka dan tidak mungkin tercerai daripada mereka. Manusia pula adalah hasil paling sempurna bagi penciptaan alam ini, dan makhluk paling dikasihi oleh pencipta alam ini. Manusia juga mempunyai hubungan paling erat dengan segala makhluk yang wujud di atas permukaan alam ini. Tidak syak lagi, kesemua perasaan di atas secara mudah dan jelas menunjukkan kepada kewujudan satu alam yang



kekal selepas alam yang binasa ini. Ia menunjukkan kepada kewujudan alam akhirat, iaitu negeri kebahagiaan abadi.

Maka kesemua bukti-bukti yang dinyatakan di atas adalah bukti yang diyakini sepenuhnya sehingga ia wajib dan mesti diterima. Ia menunjukkan kepada kewujudan akhirat sama seperti menunjukkan kepada kewujudan dunia ini, tanpa memerlukan pemikiran yang banyak.<sup>11</sup>

Pengajaran terpenting yang diajarkan oleh al-Quran kepada kita ialah keimanan kepada akhirat. Pengajaran ini adalah pengajaran yang amat mantap dan teguh. Dalam keimanan tersebut, terdapat nur yang bersinar, pengharapan yang tinggi dan hiburan yang besar, dan jika 100 ribu ketuaan berhimpun pada diri seorang individu pun, nescaya nur, pengharapan dan

11. Betapa mudahnya untuk memberitakan tentang sesuatu yang 'sudah sedia wujud' dan betapa sukar dan sulit untuk menafikannya dapat dilihat dengan jelas melalui perumpamaan di bawah:

Jika ada orang berkata: *“Di atas permukaan bumi ini terdapat sebuah taman yang amat menakjubkan. Buah-buahannya seperti kotak-kotak susu.”* Tetapi kenyataannya itu dinafikan oleh orang lain, dengan berkata: *“Tidak. Tidak ada taman seperti itu.”* Maka orang pertama boleh membuktikan dakwaannya itu dengan mudah, dengan hanya dia memperlihatkan di mana taman itu berada atau memperlihatkan sebahagian daripada buah-buahannya. Manakala orang kedua iaitu orang yang tidak mempercayainya, mestilah melihat dan memperlihatkan kepada orang lain seluruh pelosok dunia bagi membuktikan kebenaran penafian yang dibuatnya, iaitu tidak wujudnya taman seumpama itu.

Begitulah keadaannya dalam masalah orang-orang yang memberitahu tentang syurga. Mereka telah menampilkan ratusan ribu tanda-tanda kecilnya, dan mereka telah menjelaskan hasil dan kesannya. Perlu dinyatakan bahawa hanya dua sahaja tanda dan bukti sudah mencukupi untuk membuktikan dakwaan mereka. Manakala golongan yang tidak percaya kepada kewujudan syurga, maka mereka tidak berupaya untuk membuktikan penafian mereka melainkan selepas menyaksikan seluruh alam yang tidak terbatas ini, pada masa dan zaman yang tidak terbatas, di samping membuat kajian dan eksperimen mendalam. Ketika mereka tidak menemuinya, barulah mereka boleh membuktikan kebenaran dakwaan mereka!

hiburan daripada keimanan tersebut sudah memadai baginya. Oleh itu, kita – orang-orang tua – berkewajipan untuk merasa gembira dan bahagia dengan ketuaan kita dengan berkata:

*“Segala puji bagi Allah di atas kesempurnaan iman.”*

Harapan Keenam<sup>12</sup>:

Ketika saya berada di tempat buangan saya, iaitu tempat saya ditawan berseorangan dan terpencil daripada manusia, di atas puncak gunung Cham yang mengunjur ke atas ladang ternakan Barla ... saya ketika itu sedang mencari-cari nur (cahaya) di dalam keterasingan tersebut. Pada suatu malam, ketika saya berada di dalam bilik kecil yang tidak berbumbung, yang dibina di atas pohon pain yang tinggi di atas kemuncak tanah tinggi tersebut, tiba-tiba ketuaan saya menyebabkan saya merasa pelbagai jenis keterasingan yang saling bersilang – sebagaimana terdapat di dalam Maktub Keenam dengan jelas. Di kala keheningan malam itu, iaitu ketika tiada bunyi dan kesan yang kedengaran kecuali gemaan dukacita daripada siulan kesedihan pohon-pohon sahaja, saya merasa gemaan dukacita yang menyakitkan itu telah menembusi lubuk perasaan saya dan menyentuh lembah ketuaan dan keterasingan saya. Lalu ketuaan saya mem- bisikkan ke telinga saya memberikan amaran:

Sesungguhnya waktu siang sudah bertukar menjadi kubur yang gelap. Dunia pula telah memakai kain kafannya yang berwarna hitam. Siang umur engkau juga akan bertukar menjadi malam. Siang dunia juga akan bertukar menjadi

<sup>12</sup> Wahai orang yang sudah mencapai umur tua! Wahai saudara- saudaraku! Keta-huilah bahawa alangkah besar dan mantapnya kekuatan keimanan dengan akhirat! – Penulis.

malam barzakh. Siang musim panas kehidupan juga akan bertukar menjadi malam musim sejuk kematian.

Lalu dengan keberatan diri saya menjawab:

Ya, diri saya terasing di sini, terasing daripada kampung halaman saya dan jauh daripada tanah air saya, tetapi perpisahan saya dengan para kekasih saya yang ramai sepanjang umur saya yang melebihi 50 tahun yang ketika berpisah dengan mereka saya hanya memiliki air mata yang berhamburan, keterasingan saya kerana berpisah dengan mereka itu adalah keterasingan yang mengatasi keterasingan saya daripada tanah air saya. Sesungguhnya pada malam ini, saya merasa lebih dukacita dan lebih sedih daripada kesedihan saya kerana keterasingan saya berada di atas gunung ini yang memakai pakaian keterasingan dan kedukacitaan. Ini kerana ketuaan saya memberikan amaran kepada saya bahawa masa perpisahan terakhir saya dengan dunia dengan segala yang ada di dalamnya sudah hampir tiba. Melalui keterasingan yang diseliputi dengan kedukacitaan, dan melalui kedukacitaan yang digauli oleh pelbagai kedukacitaan, saya mula mencari-cari nur (cahaya), cebisan peluang dan pintu pengharapan. Tiba-tiba keimanan kepada Allah S.W.T dengan segera datang bagi menyelamatkan saya dan memperteguh kedudukan saya. Ia memberikan kepada saya satu ketenangan yang amat hebat, yang jika kesakitan dan kesunyian saya berkali-kali ganda lagi lebih besar, nescaya ketenangan itu sudah mencukupi untuk menghilangkannya.

Ya! Wahai orang-orang tua dan lemah! Oleh kerana kita memiliki Tuhan Yang Maha Mengasihani, kita sekali-kali tidak akan ditimpa keterasingan.. Oleh kerana Allah S.W.T

adalah Tuhan yang wujud, maka segala sesuatu adalah juga wujud bagi kita. Jika Allah S.W.T wujud, maka para malaikat-Nya juga wujud. Oleh itu, dunia ini tidaklah kosong dan sunyi daripada teman yang boleh menghibur dan menemani kita. Gunung-ganang yang kosong dan padang pasir yang sunyi sebenarnya penuh dihuni oleh para hamba Allah S.W.T yang Mulia dan para malaikat. Ya, sesungguhnya nur (cahaya) keimanan kepada Allah S.W.T dan pemerhatian kepada alam ini kerana-Nya, menjadikan semua pohon bahkan batu batan sebagai sahabat yang sentiasa menemani kita, apatah lagi jika ia adalah makhluk yang mempunyai perasaan seperti kita yang terdiri dari kalangan para hamba-Nya. Ini kerana makhluk-makhluk tersebut boleh berbicara dengan kita melalui lisan hal mereka sehingga berjaya menghibur dan menenangkan hati kita.

Ya, sesungguhnya dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan Allah S.W.T terlalu banyak bilangannya, sama bilangannya dengan bilangan para makhluk-Nya yang terdapat di dalam permukaan alam ini, sama banyak dengan bilangan huruf-huruf kitab alam yang luas ini. Terdapat juga bukti-bukti dan petunjuk-petunjuk yang mengisyaratkan kepada rahmat-Nya sebanyak bilangan peralatan yang ada pada makhluk yang bernyawa di samping nikmat dan makanan yang dikhususkan untuk mereka yang menjadi paksi belas kasihan, rahmat dan penjagaan rapi. Kesemuanya menunjukkan kepada pintu Tuhan kita yang Maha Mencipta, lagi Maha Pemurah dan lagi Maha Mengasihani. Menunjukkan kepada Tuhan yang Membuat dan Mendampingi kita, yang Menjaga dan Mengasihi kita. Tidak syak lagi bahawa kelemahan dan kedaifan kita adalah pemberi syafaat paling diharapkan ketika berhadapan dengan pintu-Nya yang maha tinggi. Sesungguhnya zaman tua adalah

masa kita lemah dan daif. Oleh itu, kita hendaklah mengasihi dan mencintai ketuaan kita, bukan kita bertindak menolak dan tidak boleh menerimanya, kerana ia adalah pemberi syafaat yang diharapkan ketika berhadapan dengan pintu Allah S.W.T yang Maha Tinggi dan Maha Mulia.

### Harapan Ketujuh

Ketika kegembiraan dan senyuman Said Lama bertukar menjadi tangisan dan esakan Said Baru<sup>13</sup> yang berlaku padapermulaan zaman tuanya, segolongan yang mempunyai kedudukan duniawi di Ankara mengundang saya agar datang ke sana kerana mereka menyangka saya masih lagi sebagai Said Lama, lalu saya menerima undangan mereka.

Pada suatu hari, iaitu pada hari-hari terakhir musim luruh, saya mendaki ke kemuncak kota Ankara yang lebih tua dan lebih berumur daripada diri saya sendiri. Lalu saya menggambarkan kota yang tersergam di hadapan saya itu sebagai peristiwa-peristiwa sejarah yang membatu. Saya diselubungi oleh kedukacitaan dan kesedihan yang mendalam terhadap zaman yang sudah tua pada musim luruh ini, juga terhadap kota ini yang sudah terlalu berumur, juga terhadap kemanusiaan serta Daulah 'Uthmaniyyah yang sudah tua, juga terhadap kematian kerajaan khilafah, serta dunia ini yang sudah lanjut usia.

Keadaan tersebut memaksa saya ketika berada di kemuncak kota yang tinggi itu untuk melihat kepada perlembahan masa silam dan kemuncak masa depan. Saya mencari-cari cahaya, pengharapan dan hiburan yang boleh menyinarkan kegelapan pekat yang saya rasakan telah menyelubungi ruh saya di sana

13. Ustaz Bedizzaman Said Nursi menggelar dirinya sebagai Sa'id Lama sebelum beliau mula menulis Risalah an-Nur, manakala selepas itu beliau menggelar dirinya sebagai Sa'id Baru. – Penterjemah.

---

yang tenggelam di dalam kegelapan malam yang sudah tua dan berada di mana-mana.<sup>14</sup>

Ketika saya memandangi ke sebelah kanan yang merupakan zaman yang telah berlalu, bagi mencari cahaya dan pengharapan, dari jauh kelihatan tanah perkuburan besar bagi ayah, datuk nenek dan manusia keseluruhannya. Pandangan ini tidak menghibur dan menggembirakan saya, sebaliknya menjadikan saya merasa takut.

Kemudian saya memandangi ke sebelah kiri yang merupakan zaman masa depan bagi mencari ubat dan penawar. Lalu kelihatan juga sebuah tanah perkuburan besar yang gelap bagi saya, orang-orang yang seperti saya dan generasi-generasi akan datang. Pandangan ini tidak menggembirakan saya sebaliknya menjadikan saya bingung.

Kemudian saya melihat kepada zaman semasa saya setelah hati saya dipenuhi dengan kesunyian di sebelah kanan dan kiri. Lalu kelihatanlah hari tersebut pada pandangan saya yang kepenatan dan penuh sejarah seperti keranda jenazah yang membawa badan saya yang sedang bergoncang antara hidup dan mati seperti sedang disembelih.

Setelah kecewa terhadap sudut ini juga, saya mengangkat kepala melihat pokok umur saya. Lalu saya ternampak di atas pokok tersebut terdapat sebiji buah sahaja. Buah tersebut sedang melihat kepada saya. Ia adalah jenazah saya. Lalu saya menundukkan kepala melihat kepada akar pokok umur saya, lalu saya ternampak tanah yang berada di situ ialah tulang

14. Keadaan rohani seperti ini telah berlaku dalam bentuk munajat kepada hati dalam bahasa Parsi, lalu saya menuliskannya sebagaimana ia datang, kemudian ia dicetak bersama-sama dengan Risalah 'Habab' di Ankara. – Penulis.

saya yang telah hancur dan tanah yang menjadi permulaan penciptaan saya yang telah bercampur baur di antara satu sama lain. Kedua-duanya hanya dipijak-pijak. Lalu saya menjadi bertambah sakit, bukannya bertambah sihat kerana diberikan ubat penawar.

Kemudian dalam keadaan keberatan, saya memalingkan pandangan pula ke arah belakang. Lalu saya ternampak dunia yang fana' dan binasa ini sedang bergulung-gulung di dalam lembah kesia-siaan dan sedang menjunam ke dalam kegelapan kebinasaan. Lalu pandangan ini mencurahkan racun ke atas luka-luka yang saya alami, bukan memberikannya ubat dan penawar yang menyembuhkan.

Saya tidak menjumpai pada semua arah tersebut sebarang kebaikan dan pengharapan. Lalu saya memalingkan pandangan saya ke arah hadapan dan merenung jauh ke sana. Lalu saya ternampak kubur sedang menunggu saya di persimpangan jalan sedang mengangakan mulutnya dengan merenung tajam ke arah saya. Di belakangnya terdapat jalan yang amat panjang. Ketika berhadapan dengan musibah-musibah dahsyat yang datang dari keenam-enam penjuru ini, saya tidak mempunyai sebarang tempat sandaran dan tidak mempunyai sebarang senjata yang boleh mempertahankan diri saya kecuali sebahagian daripada kehendak saya yang kecil itu. Ketika berhadapan dengan para musuh yang tidak terkira dan segala benda memudaratkan yang tidak terbatas itu, saya tidak mempunyai melainkan satu-satunya senjata kemanusiaan iaitu senjata usaha dan ikhtiar. Tetapi oleh kerana senjata ini hanyalah senjata yang tidak sempurna dan lemah, tidak mempunyai kekuatan untuk mewujudkan sesuatu, yang ada hanyalah usaha, kerana ia tidak mampu untuk pergi ke

zaman lampau lalu menghilangkan kedukacitaan, dan ia juga tidak mampu untuk pergi ke zaman hadapan lalu menghalang segala kebimbangan dan ketakutan yang akan berlaku, maka saya yakin bahawa ia juga tidak memberikan faedah terhadap kesakitan dan pengharapan masa lalu dan masa hadapan yang menyelubungi saya.

Sedang saya merasa serba salah berhadapan dengan keenam-enam penjuru itu, saya didatangi oleh pelbagai rasa kesunyian, keseorangan, kedahsyatan, kekecewaan dan kegelapan. Sekonyong-konyong datang cahaya keimanan yang bergemerlapan di hadapan al-Quran yang penuh **Tauhid** menghulurkan kepada saya cahaya-cahaya yang terang dan bersinar yang sekira-kira jika pelbagai jenis kesunyian dan kegelapan yang saya hadapi itu berlipat ganda 100 kali pun, maka cahaya tersebut sudah mencukupi bagi menghilangkannya.

Lalu cahaya tersebut menukar segala kesunyian yang panjang itu kepada kegembiraan dan pengharapan. Ia menukarkan satu demi satu ketakutan dan kebimbangan kepada kejinakan hati dan pengharapan ruh.

Ya, iman telah menarik segala gambaran menakutkan bagi masa lalu yang seperti tanah perkuburan besar lalu menukarnya kepada satu majlis bercahaya yang menyenangkan dan menjadi seperti pertemuan para sahabat. Keadaan tersebut kelihatan secara *'ain al-yaqin* dan *haqq al-yaqin*.

Kemudian iman juga turut memperlihatkan dengan *'ilm al-yaqin* bahawa masa hadapan yang kelihatan melalui pandangan kelalaian seperti sebuah tanah perkuburan yang besar dan luas,



tidak lain dan tidak bukan hanya merupakan majlis sambutan Ilahi yang diadakan di istana kebahagiaan yang kekal abadi.

Keimanan juga telah menghancurkan gambaran keranda dan jenazah bagi masa sekarang pada pandangan kelalaian. Ia memperlihatkan kepada saya bahawa zaman sekarang adalah tempat perdagangan akhirat dan tempat sambutan Ilahi yang amat menarik.

Keimanan juga memperlihatkan dengan *'ilm al-yaqin* bahawa satu-satunya buah yang kelihatan melalui pandangan kelalaian di atas pokok umur dalam bentuk keranda dan jenazah tidak lagi dalam gambaran sedemikian. Tetapi ia adalah langkah permulaan bagi ruh saya yang layak untuk hidup abadi dan mendapat kebahagiaan yang berkekalan daripada sarangnya menuju kepada ufuk bintang bagi bersiar-siar dan melancung.

Keimanan juga menerangkan dengan rahsia-rahsianya, bahawa tulang belulang saya yang telah hancur itu dan tanah permulaan penciptaan saya bukanlah tulang yang hina dan binasa serta dipijak-pijak dengan kaki sahaja, tetapi ia adalah tanah yang menjadi pintu kerahmatan dan langsir kepada khemah besar syurga.

Dengan kelebihan rahsia al-Quran, keimanan juga memperlihatkan kepada saya bahawa hal ehwal dan keadaan dunia yang sedang runtuh di dalam kegelapan ketiadaan pada pandangan kelalaian sebenarnya tidak jatuh ke dalam lembah ketiadaan, sebagaimana disangka pada permulaannya, bahkan ia adalah sejenis risalah rabbani dan tulisan kudus Ilahi yang telah menyempurnakan segala tugasnya, merealisasikan

segala pengertiannya dan meninggalkan hasil di alam nyata ini. Dengan demikian keimanan memberitahu saya tentang hakikat dunia dengan *'ilm al-yaqin*.

Dengan cahaya al-Quran, keimanan menjelaskan kepada saya bahawa perkuburan yang sedang merenung tajam kepada saya bukanlah sebuah perigi yang sedang mengangakan mulutnya, tetapi ia adalah pintu bagi sebuah alam cahaya. Ia juga menjelaskan bahawa jalan yang membawa kepada keabadian bukanlah jalan yang terbentang dan berakhir dengan kegelapan dan ketiadaan, tetapi ia adalah jalan yang lurus ke arah alam cahaya, alam kewujudan dan alam kebahagiaan yang kekal abadi. Dengan demikian, keadaan tersebut dengan jelasnya dan yakin menjadi ubat dan penawar kepada penyakit saya.

Keimanan yang mengurniakan secebis ikhtiar melalui usaha yang amat sedikit itu memberikan satu dokumen yang bersandar kepada kekuatan mutlak. Ia juga bersandar kepada kerahmatan Ilahi yang maha luas bagi menentang pihak musuh dan kegelapan yang menyelubungi, bahkan keimanan itu sendiri menjadi dokumen di tangan sudut ikhtiar pada diri manusia. Kemudian sudut kecil ikhtiar yang merupakan senjata manusia, meskipun ia adalah lemah dan tidak berkuasa, tetapi jika ia digunakan dengan nama Allah S.W.T, dan jika ia dikorbankan demi kerana-Nya semata-mata, maka ia mungkin menjadikan seseorang boleh mencapai syurga yang abadi seluas 500 tahun. Perumpamaan seorang mukmin dalam hal ini samalah seperti seorang tentera yang menggunakan sedikit kekuatannya dengan nama negara, yang memudahkannya untuk menunaikan banyak tugas yang memerlukan kekuatan ribuan kali ganda lebih tinggi daripada kekuatan peribadinya.

Keimanan juga mengurniakan sedikit ikhtiar kita itu satu dokumen yang merampas pengemudiannya daripada genggamannya jasad yang tidak mampu untuk menembusi zaman lampau dan tidak juga zaman akan datang, lalu menyerahkannya kepada hati dan ruh. Oleh kerana lingkungan kehidupan ruh dan hati yang tidak terbatas hanya pada zaman sekarang sahaja sebagaimana halnya jasad, juga kerana masuknya beberapa tahun daripada zaman dahulu dan beberapa tahun umpamanya daripada zaman akan datang dalam lingkungan kehidupan ruh dan hati, maka sedikit bahagian ikhtiar yang dimiliki manusia itu bertukar sehingga mempunyai sifat menyeluruh. Dengan kekuatan iman, sedikit bahagian ikhtiar itu dapat memasuki hingga ke bahagian lembah masa lampau yang paling dalam bagi menghancurkan kegelapan kedukacitaan. Begitu juga ia dapat menerawang dengan cahaya iman hingga puncak masa depan yang paling tinggi bagi menghilangkan segala kebimbangan dan ketakutan.

lalaMaiaa penelapuaaMaiaa yang keka yang ma, rasa sakit dan kepenatan kerana umur yang lanjut sepertiku! Selagi mana kita terdiri daripada ahli iman, alhamdulillah, sedangkan di dalam iman terdapat khazanah manis, bercahaya, lazat dan amat disukai, dan selagi mana umur kita yang lanjut masih mendorong kita untuk menimba daripada khazanah ini, maka tidak sepatutnya kita mengadu dan merasa tidak senang dengan umur yang lanjut. Bahkan kita berkewajipan untuk mengucapkan ribuan kesyukuran kepada Allah S.W.T dan memuji-Nya di atas umur lanjut kita yang disinari dengan keimanan.

## RISALAH HIJAB

*Ini adalah merupakan permasalahan kedua dan ketiga dari “Peringatan Ke Lima Belas” tetapi kepentingannya menjadikannya “Cahaya yang ke dua puluh empat”.*



Firman Allah S.W.T :

*“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar).” Al-Ahzab, 59*

Ayat ini memerintahkan untuk berhijab tetapi kemodenan yang palsu telah menyalahi hukum Rabbani ini, di mana hijab tidak lagi dilihat sebagai suatu fitrah bagi wanita, malah ia dianggap sebagai halangan dan sekatan bagi mereka.<sup>15</sup>

<sup>15</sup> Perenggan ini dari bingkai yang digantung di Mahkamah at-Tamyiz, Ia telah disampaikan di depan mahkamah dan telah membuatnya diam, maka ia menjadi nota kaki di dalam bab ini.

Lalu saya mengatakan kepada Mahkamah Keadilan! Sesungguhnya menyanggah orang yang mentafsirkan perlembagaan Ilahi yang merupakan sesuatu yang benar pada hakikatnya dan menjadi sumber hukum bagi tiga ratus lima puluh juta orang Islam sepanjang zaman dalam kehidupan mereka bermasyarakat, selama seribu tiga ratus lima puluh tahun. Ahli tafsir ini telah menyandarkan tafsirannya kepada apa yang telah disepakati dan diakui oleh

Saya akan menerangkan empat sahaja dari hikmah- hikmah yang banyak yang menunjukkan bahawa hukum al-Quran ini sememangnya diperlukan oleh fitrah wanita itu sendiri dan melanggarnya adalah berlawanan dengan fitrah.

### Hikmah Pertama:

Sesungguhnya hijab merupakan fitrah bagi wanita kerana fitrah wanita itu sendiri penuh dengan kelembutan dan kelemahan maka di dalam jiwa mereka wujud rasa berhajat kepada lelaki yang dapat melindungi mereka dan anak-anak mereka yang mereka utamakan lebih dari diri mereka sendiri. Mereka secara semulajadinya suka membuatkan diri mereka disayangi serta mengelakkan sesuatu yang akan membuatkan mereka dijauhi, disisihkan atau dibenci.

Kemudian enam atau tujuh daripada sepuluh wanita merupakan: samaada telah lanjut usia, atau buruk rupa ~~plakinya serta~~ zahirkan ketuaan atau keburukan rupa paras mereka, atau mereka itu berasa cemburu terhadap teman-teman mereka yang barangkali lebih cantik dari mereka, atau mereka takut seandainya kecantikan mereka mengatasi kecantikan yang lain itu lalu mendedahkan mereka kepada tohmahan-tohmahan. Maka mereka semua itu secara fitrahnya perlu kepada hijab sebagai langkah berjaga-jaga dari mendedahkan diri serta mengelakkan perbuatan yang tidak sepatutnya ke atas diri mereka. Ia juga menjauhkan mereka ~~tiga ratus lima puluh ribu mufassir, serta berpandukan aqidah yang dianuti oleh nenek moyang kita semenjak seribu tiga ratus lima puluh tahun yang lampau.~~ Aku menegaskan bahawa menyanggah mufassir ini merupakan satu keputusan yang zalim, yang mesti ditolak oleh prinsip keadilan, sekiranya masih terdapat lagi keadilan di muka bumi ini. Keadilan mestilah menolak hukuman itu dan membatalkannya.” – Pengarang.

dari menjadi tohmahan di mata suami mereka. Bahkan dalam konteks ini kita dapati bahawa wanita-wanita tua itu lebih perlu menjaga hijab dari wanita yang lain.

Boleh jadi tidak lebih dua atau tiga per sepuluh sahaja wanita yang benar-benar cantik di mana mereka langsung tidak risau mendedahkan rupa paras mereka! Ya sebagaimana dimaklumi bahawa seseorang itu tidak suka dengan pandangan-pandangan orang yang dibencinya. Malah seandainya seorang wanita yang cantik jelita itu suka dilihat oleh dua atau tiga orang yang bukan muhrimnya, namun dia pasti berasa rimas berat dan terganggu dengan pandangan tujuh atau lapan orang dari mereka malah akan mengelakkannya.

Oleh kerana wanita itu lemah lembut sifatnya serta mudah terpengaruh maka sudah pasti mereka akan melarikan diri – sekiranya akhlak mereka masih terpelihara – dari pandangan-pandangan keji yang dihalakan kepadanya yang mana ia memberi kesan seakan racun – sepertimana yang telah dicuba – sehinggakan kita mendengar: ramai dari wanita Eropah yang merupakan tempat wanitanya membuka aurat dan suka berhias, mengadu kepada pihak polis tentang pandangan-pandangan yang mengekori mereka. Kata mereka:

*“Mereka yang hina itu menyekori kami dengan mata mereka menarik kami ke dalam penjara penglihatan mereka!”*

Kemodenan yang jahil yang telah menghapuskan hijab serta membuka ruang yang luas untuk berhias berlawanan dengan fitrah manusia. Sesungguhnya perintah al-Quran untuk berhijab – di samping ianya merupakan satu fitrah – memelihara wanita dari kehinaan dan kehancuran, dari

kekejian dan penjara maknawi serta kerendahan. Mereka itu merupakan tempat lombong kasih sayang dan belas kasihan serta teman yang mulia kepada suami mereka selamanya.

Dan wanita – selain dari apa yang telah kami sebutkan – membawa di dalam diri mereka rasa takut terhadap lelaki asing dan rasa takut ini memerlukan mereka berhijab serta tidak mendedahkan aurat mereka. Ini kerana kelazatan melanggar syariat selama sembilan minit akan menyebabkan mereka menanggung kesakitan mengandungkan janin selama sembilan bulan, dan setelah itu pula harus menjaga seorang anak tanpa bapa selama sembilan tahun! Oleh kerana perkara ini sering terjadi maka wanita secara semulajadinya sangat takut kepada bukan muhrimnya, serta menjauhkan diri dari mereka secara fitrah. Kejadian mereka yang lemah mengingatkan diri mereka untuk menjaga diri serta mendorong mereka menutup aurat agar tidak mencetuskan keinginan syahwat yang bukan muhrim, serta menghalang perlakuan yang tidak sepatutnya ke atas mereka. Fitrah mengajar mereka bahawa hijab itu adalah pertahanan mereka yang kukuh serta benteng yang amat mahal.

*Seorang pengilat kasut yang bawanya telah mengganggu isteri kepada seorang lelaki berpangkat besar. Wanita itu mempamerkan kejelitaannya. Pengilat kasut itu mengajaknya berbuat dosa di waktu siang secara terbuka di tengah ibukota Ankara! Bukankah perbuatan keji ini merupakan satu tamparan hebat kepada mereka yang tidak tahu erti malu dari kalangan yang memusuhi kehormatan dan hijab?*

## Hikmah Kedua:

Sesungguhnya ikatan yang teguh dan cinta yang mendalam antara lelaki dan wanita bukanlah timbul dari kehendak kehidupan dunia semata-mata. Wanita bukanlah sahabat lelaki sekadar di dunia ini sahaja bahkan adalah merupakan temannya dalam kehidupan yang kekal abadi.

Oleh kerana wanita itu akan menjadi sahabat suaminya dalam kehidupan yang kekal maka sepatutnya dia tidak menaruh perhatian terhadap kecantikan lelaki yang kekal itu terhadap kecantikannya, serta tidak wajar dia mengganggunya atau menyebabkannya marah atau cemburu.

Oleh kerana suaminya yang mukmin itu – disebabkan keimanannya – tidak menghadkan kasih sayang untuknya setakat kehidupan dunia ini sahaja. Dia juga tidak memberinya kasih sayang yang bersifat kehaiwanan yang terhad sewaktu kejayaan dan untungnya, sebaliknya dia menghormati yang ikhlas dan berkekalan tidak setakat waktu muda dan cantiknya bahkan berkekalan hingga ke tua dan hilangnya kecantikan tersebut. Ini kerana isterinya itu adalah merupakan temannya dalam kehidupan yang kekal abadi. Oleh yang demikian seorang wanita itu juga haruslah mengkhususkan kecantikannya itu untuk suaminya semata-mata serta menghadkan cinta hanya untuknya sebagaimana yang dituntut oleh kemanusiaan. Jika tidak wanita itu akan kehilangan banyak perkara dan tidak mendapat apa-apa melainkan sedikit sahaja.

Kemudian apa yang dituntut oleh syara' ialah: Seorang



suami mestilah sekufu dengan wanita itu. Ia bermaksud kesesuaian dan persamaan. Sekufu yang paling penting pula ialah dari sudut agamanya sebagaimana yang telah sedia dimaklumi.

*Alangkah bahagianya sang suami* yang melihat kekuatan

pegangan agama isterinya lalu cuba mencontohinya, lalu dia pun menjadi seorang yang kuat beragama agar dengan itu dia tidak kehilangan sahabat sejatinya di dunia yang kekal abadi kelak!

*Dan alangkah bahagianya si isteri* yang melihat kekuatan

pegangan agama suaminya lalu dia berasa khuatir akan kehilangan teman sejatinya dalam kehidupan yang kekal abadi kelak, maka dia pun berpegang teguh dengan keimanan dan ketaqwaan.

*Dan celakalah bagi lelaki* yang tenggelam di dalam kebodohnya yang menyebabkannya kehilangan seorang isteri yang baik dan solehah.

*Alangkah sengsaranya wanita* yang tidak mencontohi suaminya yang bertakwa dan wara', lalu rugi akibat kehilangan teman abadinya yang mulia lagi berbahagia.

*Malah lebih celaka lagi dua suami isteri* yang mencontohi

satu sama lain dalam berbuat kefasikan dan kekejian, lalu mereka berlumba-lumba menolak temannya ke neraka.

### Hikmah Ketiga:

Sesungguhnya kebahagiaan keluarga dalam kehidupan dan berkekalan kerana saling percaya di antara suami isteri, serta rasa hormat yang sewajarnya dan kasih sayang yang sejati di antara mereka. Namun tabarruj dan pendedahan aurat merosakkan kepercayaan tersebut, serta memusnahkan rasa saling hormat dan sayang menyayangi tersebut. Di mana sembilan per sepuluh wanita yang suka berhias itu akan menemui lelaki-lelaki yang lebih kacak dari suami mereka dan hanya seorang dari mereka yang akan menemui lelaki yang kurang kacak dari suaminya dan dia tidak berasa cenderung terhadapnya. Begitu juga bagi lelaki, hanya satu dari dua puluh lelaki yang akan nampak seorang wanita yang kurang cantik dari isterinya, sedangkan yang lain akan melihat di hadapan mereka para wanita yang lebih cantik dan jelita dari isteri mereka. Keadaan ini akan menimbulkan rasa hina dan perasaan yang rendah lagi buruk di dalam jiwa di samping hilangnya rasa cinta sejati serta luputnya rasa hormat tersebut. Ini kerana:

Seorang manusia tidak mungkin secara fitrahnya memiliki rasa rendah kehaiwanan terhadap mahramnya – seperti adik perempuan – ini kerana tanda ikatan mahram itu menimbulkan rasa kasih sayang yang wujud disebabkan ikatan persaudaraan.

Perasaan yang mulia ini mengelakkan kecenderungan nafsu syahwat, melainkan sekiranya dipamerkan apa yang tidak sepatutnya dipamerkan seperti betis. Boleh jadi itu akan menimbulkan di dalam jiwa yang keji rasa yang rendah dan tercela kerana hilangnya rasa haram tersebut. Oleh kerana ciri-ciri para muhram tersebut mewujudkan rasa ikatan persaudaraan, mereka itu diharamkan dan juga berbeza dari



---

lebih suka untuk membujang dari berkahwin, yang mana itu mungkin akan membawa kepada kemaksiatan. Adapun wanita bukanlah seperti lelaki di mana dia tidak dapat menentukan pilihan calon suaminya.

Oleh kerana wanita itu tugasnya menguruskan urusan dalaman rumahtangga serta menjaga anak-anak suaminya, hartanya serta apa jua yang berkaitan dengannya, maka sifatnya yang terpenting ialah: kesetiaan dan kepercayaan. Namun sikapnya yang suka bertabarruj dan mendedahkan aurat itu merosakkan kesetiaan ini dan menggoncang kepercayaan suami terhadapnya, maka sang suami pun menelan kesakitan dan azab di dalam jiwanya.

Meskipun sikap berani dan pemurah merupakan dua sikap yang terpuji bagi lelaki namun bagi wanita ia dianggap sifat mazmumah kerana ia mencacatkan kepercayaan dan kesetiaan. Ia membawa kepada berkurangnya sifat malu dan pembaziran. Oleh kerana peranan suami tidak terhad kepada menjaga harta isterinya serta terikat dengannya bahkan termasuk menjaganya, mengasihinya serta menghormatinya, maka dia tidak dituntut melakukan apa yang dituntut terhadap isteri, di mana dia tidak terikat dengan seorang isteri tetapi dia boleh berkahwin dengan wanita lain.

Negara kita ini tidak boleh dibandingkan dengan Eropah. Di sana Terdapat cara-cara yang ketat untuk menjaga – ke satu tahap – kemuliaan dan kehormatan di kalangan orang-orang yang bertabarruj dan mendedahkan aurat, antaranya pertandingan-pertandingan dan sebagainya. Seseorang yang melihat dengan cara yang hina terhadap pasangan seorang yang terhormat dia harus mengikat kain kapan di lehernya sendiri terlebih dahulu.

Ini ditambah pula dengan tabiat orang-orang Eropah yang sejuk dan beku seperti cuaca mereka. Sedangkan di Asia di negara alam Islami khususnya, merupakan negara yang panas jika dibandingkan dengan Eropah dan kesan persekitaran kepada akhlak manusia itu ialah sesuatu yang telah sedia dimaklumi. Di bahagian-bahagian yang sejuk itu, dan di kalangan manusia ialah kesejaksaan bertaburur ketunggalan serta mengganggu keinginan syahwat yang boleh membawa kepada sesuatu yang melampaui batas sepertimana ia membawa kepada sesuatu yang melampaui batas di kalangan mereka yang sensitif dan mudah terangsang di negara-negara panas.

Bertabarruj dan tidak berhijab yang mencetuskan keinginan nafsu, serta melepaskan syahwat dari ikatannya sudah pasti akan membawa kepada lebih-lebih, melampaui batas dan lemahnya keturunan serta berkurangnya kekuatan. Di mana seorang lelaki mungkin boleh mengawal nafsunya sebulan atau dua puluh hari namun dia akan mendapati dirinya harus melepaskannya setiap beberapa hari. Di mana di sana terdapat halangan-halangan fitrah – seperti haid – yang menghalangnya dari mendekati isterinya, yang mungkin berpanjangan sehingga lima belas hari, kamu akan mendapatinya terdorong kepada kejahatan sekiranya dia tidak dapat mengawal dirinya.

Kemudian penduduk bandar tidak sepatutnya meniru penduduk kampung dalam kehidupan mereka bermasyarakat dan membuka hijab di kalangan mereka. Ini kerana penduduk kampung sibuk mencari kehidupan dan mereka terpaksa melakukan usaha dengan tubuh badan mereka untuk mencari rezeki. Ramai di kalangan para wanita juga turut serta dalam

---

pekerjaan yang memematkan. Oleh kerana itu apa yang terbuka daripada anggota tubuh mereka yang kasar tidak boleh mengganggu syahwat kehaiwanan pada orang lain. Tambahan pula di kampung-kampung tidak terdapat orang-orang hina yang menganggur seperti yang terdapat di bandar-bandar. Oleh itu kerosakannya tidak sampai satu per sepuluh dari kerosakan di bandar, jadi bandar tidak boleh dibandingkan dengan kampung.

# Persoalan Penting Yang Tiba-Tiba Terlintas Pada Hatiku

*Dipetik Daripada Buku Yang Bertajuk "Al-Maktubat" Surat Ketujuh*

بِإِلَهِ الْعِزَّةِ الْمَسْتُورِ  
 الَّذِي فَتَنَ قُلُوبَ الْمُؤْمِنِينَ  
 وَلَمْ يَجْعَلْ لِكُلِّ فِتْنَةٍ مِّنْهُمْ  
 حَافِظًا سَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ  
 رُبَّ مَكِيدٍ

Dengan namaNya yang Maha Suci Firman Allah S.W.T:

وَوَدَّ عَصِيَانِ آلِ فِرْعَوْنَ  
 أَن يَكُونُوا سُلَاطِمًا  
 عَلَى سُلَاطِمِ اللَّهِ قُلُوبُهُمْ  
 قُلُوبُهُمْ قُلُوبُهُمْ قُلُوبُهُمْ

Maksudnya: “Dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujinya”.

إِلَهِ الْعِزَّةِ الْمَسْتُورِ  
 الَّذِي فَتَنَ قُلُوبَ الْمُؤْمِنِينَ  
 وَلَمْ يَجْعَلْ لِكُلِّ فِتْنَةٍ مِّنْهُمْ  
 حَافِظًا سَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ  
 رُبَّ مَكِيدٍ

Salam yang berkekalan untuk kamu semua Saudara-saudariku yang mulia!

Kamu telah meminta Al-Hafiz Taufik As-Syaami<sup>16</sup> untuk membicarakan tentang dua permasalahan iaitu:

16. (1887-1965) Di kalangan penuntut Risalah an-Nur yang awal dan dari para penulis Risalah an-Nur. Digelar al-hafiz kerana beliau menghafaz al-Quran dan as-Syaami kerana beliau menetap lama di Syam mengikut ayahnya yang bertugas sebagai pegawai di sana. Dikenali dengan kesolehan, ilmu dan ketakwaannya. Sentiasa bertemu dengan Ustaz Nursi di Barla dan ketika di penjara-penjara Eskisehir dan Denizli. Semoga Allah S.W.T merahmatinya.

Pertama: Golongan yang sesat sekarang ini mendapati pada perkahwinan Rasulullah S.A.W dan Zainab r.a. kritikan ~~deperintahnya~~ yang dilakukan oleh para munafiqin yang terdahulu. Di mana mereka ini menganggap per- kahwinan tersebut adalah disebabkan syahwat dan hawa nafsu!

Jawapannya: Kami berlindung dengan Allah S.W.T, sekali-kali tidak! Seribu kali tidak! Tangan-tangan syubhah ini lebih rendah dari dapat menyentuh secebis dari makam yang tinggi dan mulia tersebut.

Ya! Barangsiapa yang memiliki sebesar zarah rasa keinsafan mengetahui bahawa Nabi Muhammad S.A.W dari umurnya lima belas tahun sehingga umurnya empat puluh tahun – satu tempoh di mana darah muda yang hangat sedang bergelora serta keinginan nafsu yang menyala – tetap teguh menjaga dan memelihara diri dari dosa. Ia diakui oleh kawan dan lawan. Baginda berpada dengan seorang isteri yang boleh dikatakan berusia iaitu Khadijah al-Kubra R.A. Oleh yang demikian, banyaknya perkahwinan Baginda yang mulia setelah usianya menjangkau lebih empat puluh tahun – satu tempoh di mana darah panas itu telah reda dan keinginan-keinginan itu telah mula dingin – bukanlah sesuatu yang menurut nafsu atau secara semulajadi tetapi ia disebabkan hikmah-hikmah tertentu yang penting, salah satunya ialah:

Sebagaimana kata-kata Rasulullah S.A.W, perbuatannya, keadaannya, pergerakannya dan diamnya adalah merupakan juga sumber agama dan punca hukum dan syariat.

Para sahabat yang mulia R.A. telah meriwayatkan hukum-







Sesungguhnya kata-kata orang tua kepada yang muda: Wahai anakku! Tidaklah haram, kerana ia tidak mengubah apa-apa hukum sepertimana seseorang yang menziharkan isterinya (di mana dia berkata kamu seperti ibuku).

Dan demikianlah para Nabi dan orang-orang tua itu ketika berbicara dengan umatnya atau orang yang di bawah jagaannya. Dia melihat kepada mereka itu dengan pandangan seorang ayah. Ia menunjukkan peri pentingnya risalah yang dibawa dan bukanlah berdasarkan diri manusia itu sendiri sehingga diharamkan berkahwin dengan mereka.

Lapisan manusia yang kedua pula memahaminya begini:

Seorang tuan yang agung dan pemerintah yang mentadbir memandang kepada rakyatnya dengan pandangan kebapaan. Ia mengasihinya sebagaimana kasih seorang bapa. Sekiranya pemerintah itu seorang raja di sudut rohaninya, zahir dan batin, maka di waktu itu rahmatnya akan bertambah melebihi kasih-sayang seorang bapa berlipat kali ganda. Dan setiap mereka itu pula memandang kepadanya sebagai seorang bapa, seolah-olah mereka itu anaknya yang sebenar. Oleh kerana pandangan kebapaan itu sukar untuk bertukar kepada pandangan sebagai seorang suami, dan pandangan seorang anak perempuan juga sukar untuk bertukar kepada pandangan sebagai seorang isteri, oleh itu ramai yang berasa sempit dada dengan perkahwinan Rasulullah S.A.W dengan anak orang-orang yang beriman. Al-Quran telah membetulkan pandangan mereka dengan menyatakan:

Sesungguhnya Nabi S.A.W mengasihi kamu serta melayan kamu ibarat layanan seorang bapa, dan memandang kamu dengan pandangan rahmat Ilahi. Kamu semua ibarat anak-anak berdasarkan risalah yang dibawanya. Namun baginda bukanlah bapa kamu yang sebenar sebagai seorang manusia, sehingga timbulnya kesulitan dalam urusan tersebut, iaitu urusan perkahwinan. Malah meskipun baginda memanggil kalian dengan panggilan wahai anak-anakku, kalian bukanlah anaknya menurut hukum- hukum syara', dan kamu pula tidak akan menjadi anaknya yang sebenar.

Hanya Allah S.W.T yang Maha Kekal.

Said Nursi

## Menolak Perkara-Perkara Syubhah

*Dipetik Daripada Buku Yang Bertajuk "Munazarat"*

Soalan17: Sekumpulan orang asing cuba menimbulkan keraguan berkaitan poligami dan hamba abdi, menggambarkan seolah-olah ia tidak seiring dengan kemodenan, maka mereka pun menimbulkan keraguan terhadap syariah.

Jawapan: Aku akan memberitahu kamu satu kaedah secara ringkas kerana aku berhasrat mengeluarkan perinciannya di dalam risalah yang berasingan.

Hukum-hukum Islam terbahagi dua:

Pertama: Terbina syariah di atasnya yang merupakan kecantikan yang hakiki dan kebaikan yang tulen.

Kedua: Syariah yang mengubah, di mana syariah itu datang dan mengeluarkan sesuatu dari rupanya yang buruk dan zalim kepada rupa yang bersesuaian dengan zaman dan persekitaran serta boleh diaplikasikan mengikut tabiat kemanusiaan, mengambil bentuk yang telah diubah sebagai pilihan yang lebih ringan keburukan dan kemudaratanya. Agar dengan itu akan memudahkan jalan untuk menuju kepada kebaikan yang hakiki secara sempurna. Ini kerana mencabut sesuatu yang mengakar di dalam tabiat semulajadi manusia memerlukan sifat semulajadi manusia itu sendiri diterbalikkan.

Oleh itu bukanlah syariah yang telah memperkenalkan

17. Soalan dikemukakan oleh salah seorang dari keluarga Albania.

hamba bahkan syariahlah yang telah memberinya jalan untuk menukarkan seorang hamba dari rupa bentuknya yang kasar kepada apa yang dapat membawanya secara mudah kepada kebebasan yang sempurna dan berpindah kepadanya. Di sini syariah telah menukar dan mengurangkan gambaran-gambaran buruk tersebut. Kemudian poligami setakat empat orang isteri, meskipun ia bersesuaian dengan tabiat manusia, dari sudut akal dan hikmah namun syariah bukanlah menjadikannya dari satu kepada empat tetapi menurunkannya dan mengurangkannya dari lapan atau sembilan isteri kepada empat, bahkan ia telah meletakkan syarat – dalam berpoligami – di mana meraikannya tidak seharusnya membawa kemudatan. Malah seandainya terjadi keburukan dari beberapa sudut, maka keburukan itu adalah lebih ringan, dan sering-ringang keburukan ialah keadilan tambahan (relatif), di mana kebaikan yang total tidak mungkin terjadi dalam setiap keadaan di alam ini.

## Rahsia Kecelakaan Orang Yang Sesat Dan Kebahagiaan Orang Yang Beriman

*Dipetik Daripada Buku Yang Bertajuk "Al-Kalimat".  
Perbahasan Kedua daripada Perhentian Kedua Kalimah  
Ketiga Puluh Dua.*

Ketika tidak menjumpai sebarang asas bagi membina kesesatannya dan ketika ketiadaan hujah dan dalil, wakil ahli kesesatan dan para penyeru kepada kesesatan akan berkata:

*"Sesungguhnya saya melihat kebahagiaan dunia dan bernikmat-nikmat dengan kelazatan kehidupan, kemajuan dan tamadun perindustrian hanya boleh dicapai dengan melupakan akhirat, dengan tidak mengenali Allah S.W.T, dengan cintakan dunia, dengan membebaskan diri daripada segala ikatan dan dengan bermegah serta kagum terhadap diri sendiri.. Oleh itu, saya memandu ramai orang hingga sekarang dengan semangat kesyaitanan agar mereka terus melalui jalan kesesatan ini."*

Jawapan:

Kita pula berkata dengan nama al-Quran al-Karim:

Wahai manusia yang celaka! Kembalilah kepada kewarasan! Janganlah engkau mendengar seruan ahli kesesatan. Jika engkau mendengarnya, engkau akan kerugian

---

besar sehingga menyebabkan roh, akal dan hati engkau

menggelestar ketakutan.

Di depan anda terdapat dua jalan:

Pertama: Jalan kecelakaan yang ditunjukkan oleh penyeru kesesatan.

Kedua: Jalan kebahagiaan yang dijelaskan oleh al-Quran al-Karim.

Sesungguhnya anda telah melihat banyak perbandingan telah dibuat di antara kedua-dua jalan tersebut dalam kebanyakan kalimah, terutamanya di dalam “Kalimah Ringkas”. Sekarang, bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan itu, marilah perhatikan salah satu daripada ribuan perbandingan dan pepadanan tersebut:

Sesungguhnya jalan kesyirikan, kesesatan, kemaksiatan dan kefasikan akan menyebabkan manusia terjerumus ke lembah yang paling rendah. Jalan tersebut juga akan mencampakkan satu bebanan yang amat berat ke atas bahunya yang lemah dan diselaputi dengan kesakitan yang tidak terhingga. Ini adalah kerana jika manusia tidak mengenali Allah S.W.T dan jika dia tidak bertawakkal kepada-Nya, maka dia adalah sama dengan darjat haiwan yang binasa. Dia akan sentiasa merasa sakit dan dukacita berpanjangan. Dia juga akan berada dalam kelemahan yang tidak berkesudahan. Dia meraung dalam kemiskinan dan kepapaan yang tidak berpenghujung. Dia juga terdedah kepada musibah-musibah yang tidak terkira. Dia juga akan meneguk kesakitan perpisahan daripada sesuatu yang dia kasihi dan dia jalini hubungan yang intim. Dia merasai kesakitan dan terus



merasainya, hingga akhirnya dia sendiri meninggalkan para kekasihnya yang masih hidup dan berpisah dengan mereka dalam keadaan berkeluh kesah, berseorangan dan terasing ke dalam kegelapan perkuburan.

Sepanjang hidupnya, dia mendapati dirinya sentiasa tidak dalam kesakitan dan pengharapan yang berakhir, sedangkan dia tidak memiliki kecuali sebuah iradah (kehendak) yang sekelumit, kudrat yang terhad, kehidupan yang pendek, umur yang binasa dan fikiran yang semakin berkurang. Usahanya untuk menenangkannya menjadi sia-sia. Dia berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi kehendak-kehendaknya yang tidak terbatas. Demikianlah bagaimana kehidupannya berlangsung tanpa dia memperoleh buah dan hasilnya.

ketika anda mendagginga bebadaanya sendiri, tetapi anda dapatinya menggantung pada tengkuk dan pada pundak kepalanya segala bebanan dunia yang maha besar ini. Ini menyebabkan dia terseksa dengan azab yang membakar dan menyakitkan sebelum dia menerima azab neraka jahim.

Sesungguhnya ahli kesesatan tidak merasai kesakitan yang pahit dan azab roh yang menakutkan ini, kerana mereka mencampakkan diri mereka ke pangkuan kealpaan untuk menghilangkan perasaan dan sensitiviti mereka dalam tempoh yang sementara dengan kemabukannya. Tetapi sebaik sahaja salah seorang daripada mereka mula mendekati tebing perkuburan, maka perasaannya akan menjadi halus dan perasaan sakitnya akan menjadi berganda-ganda secara tiba-tiba. Ini kerana jika dia bukan hamba Allah S.W.T yang ikhlas,

maka dia akan menyangka bahawa dia memiliki dirinya sendiri, sedangkan dia adalah lemah kerana hanya mempunyai kehendak yang sekelumit dan kudrat yang secebis, hingggakan kehendak dirinya sendiri juga adalah lemah ketika berhadapan dengan bencana alam di dunia ini. Dia melihat alam ini dipenuhi musuh yang melingkunginya, bermula daripada sehalus-halus kuman dan berakhir dengan bencana gempa bumi yang sentiasa bersedia untuk menerkam dan membinasakannya. Oleh itu, dia menggeletar ketakutan dan hatinya menggigil kebimbangan setiap kali dia mengkhayalkan keadaan kubur dan melihat kepadanya.

Sedang dia mengalami apa yang dialaminya, hal ehwal dunia yang berhubung dengan dia juga sentiasa memenatkannya. Begitu juga dengan hal ehwal manusia yang mempunyai hubungan dengannya. Ini kerana dia menyangka bahawa segala kejadian dan peristiwa yang berlaku lahir daripada permainan semulajadi dan pertunjukan kebetulan. Bukan datang daripada perbuatan Tuhan Yang Maha Bijaksana dan Lagi Maha Mengetahui. Bukan datang daripada perkiraan Tuhan Yang Maha Berkuasa, Lagi Maha Mengasihani dan Lagi Maha Mulia. Oleh itu, di samping kesakitan-kesakitannya sendiri, dia juga terpaksa mengalami kesakitan-kesakitan orang lain. Segala malapetaka seperti gempa bumi, penyakit taun, angin taufan, kemarau, peningkatan harga barang, kemusnahan, kebinasaan dan seumpamanya menjadi musibah besar dan bala menakutkan bagi dirinya.

Orang ini yang memilih sendiri untuk berada dalam situasi yang tragis tidak berhak untuk mendapat belas kasihan dan ratapan terhadap dirinya. Perumpamaan lelaki tersebut sama dengan seorang lelaki yang telah disebutkan ketika dibuat

perbandingan di antara dua orang bersaudara sebagaimana telah diceritakan di dalam Kalimah Kelapan. Di sana telah disebutkan bahawa seorang lelaki tidak berpuas hati dengan kenikmatan yang bersih, kegembiraan yang suci, hiburan yang manis dan perkelahan yang mulia lagi dibenarkan, di samping para kekasih yang sopan di dalam taman yang luas dan di tengah-tengah sambutan yang mesra. Namun dia memilih untuk meneguk najis arak bagi memperoleh kelazatan yang tidak dibenarkan. Lalu dia mapuk sehingga dia mula mengkhayalkan bahawa dia sedang berada di tempat yang kotor, di kalangan binatang-binatang buas. Dia menggeletar seolah-olah sedang berada pada musim dingin. Dia mula menjerit dan meminta pertolongan, namun tiada siapa yang mengasihannya, kerana dia menyangka makanan yang lazat dan pinggan mangkuk yang berada di bilik tamu sebagai batu batan yang bernajis, lalu dia terus memecahkannya. Dia menyangka buku-buku berharga dan surat-surat bernilai yang berada di tempat duduk sebagai ukiran-ukiran biasa dan perhiasan yang tidak mempunyai sebarang makna, lalu dia mula mengoyakkannya dan mencampakkannya di bawah tapak kakinya. Demikianlah keadaannya.

Lelaki ini dan orang-orang yang seumpamanya tidak berhak untuk mendapat rahmat dan belas kasihan, bahkan mereka lebih berhak untuk diajar dan dihukum. Begitu jugalah keadaannya dengan seseorang yang disebabkan oleh kemabukan kekufuran dan kegilaan kesesatan yang lahir akibat kesilapannya membuat pilihan, lalu dia menyangka bahawa dunia yang merupakan tempat persinggahan yang disediakan oleh Allah Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana hanya sebagai permainan kebetulan yang buta dan alat mainan semulajadi yang tuli. Dia melihat segala pembaharuan yang

berlaku kepada semua makhluk yang menjelmakan hakikat *al-Asma' al-Husna* dan perpindahannya ke alam ghaib kerana berlalunya masa setelah ia melaksanakan segala tugas-tugasnya dan memenuhi segala matlamat-matlamatnya, seolah-olah ia disumbatkan ke lautan ketiadaan dan hilang di tebing kemusnahan. Dia mengkhayalkan bahawa suara-suara tasbih dan tahmid yang memenuhi seluruh alam sebagai dengungan dan keluhan yang dikeluarkan oleh orang-orang yang telah tiada dan musnah di dalam perpisahan abadi mereka. Dia juga mengira lembaran-lembaran kewujudan ini yang merupakan risalah-risalah kudus dan indah hanya sebagai campuran dan sebatian yang tidak mempunyai sebarang makna dan tujuan. Dia juga menyangka pintu kubur yang membuka jalan kepada dunia kerahmatan yang luas hanya sebagai terowong yang membawa kepada kegelapan ketiadaan. Dia menggambarkan ajal yang merupakan panggilan untuk menyambung ikatan dan pertemuan dengan para kekasih sebenar sebagai saat perpisahan kekasih keseluruhannya!

Ya! Sesiapa yang hidup dalam putaran gambaran dan sangkaan ini, sebenarnya sedang mencampakkan dirinya ke dalam azab seksa dunia yang memedihkan. Di samping itu, dia juga tidak layak untuk mendapat rahmat dan belas kasihan. Dia hanya berhak untuk mendapat azab yang pedih, kerana dia menghina segala makhluk dengan menuduh mereka sebagai sia-sia, juga kerana dia memalsukan *al-Asma' al-Husna* dengan mengingkari penjelmaannya dan mengingkari risalah rabbani dengan menolak penyaksiannya terhadap keesaan Allah S.W.T.

Wahai orang-orang yang sesat! Wahai orang-orang yang celaka lagi sial!

Adakah ilmu kamu yang paling canggih, tamadun kamu yang paling gemilang, kepintaran kamu yang paling tinggi dan perancangan kamu yang paling lengkap dapat memberikan apa-apa kesan berhadapan dengan kejatuhan menakutkan yang dialami oleh manusia? Adakah ia mampu bertahan di hadapan kekecewaan yang memusnah, menakut dan menggerunkan manusia? Adakah apa yang kamu namakan sebagai 'semulajadi', sebab-sebab yang kamu sandarkan kepadanya kesan-kesan perbuatan Ilahi, sekutu kamu yang kamu sandarkan kepadanya kebaikan-kebaikan Rabbani, penemuan-penemuan yang kamu banggakan, perkauman yang kamu megahkan dan sembahkan kamu yang kamu sembah. Adakah semua itu mampu menyelamatkan kamu daripada kegelapan kematian yang merupakan ketiadaan abadi buat kamu? Adakah semua itu mampu melalukan kamu pada sempadan perkuburan dengan selamat, melalukan kamu pada batasan barzakh dengan aman, melalukan kamu pada dataran mahsyar dengan tenang, boleh menolong kamu menyeberang jambatan al-sirat dengan penuh kebijaksanaan dan menjadikan kamu ahli yang layak untuk mendapat kebahagiaan abadi dan kehidupan yang berkekalan?

Sesungguhnya kamu pasti akan melalui jalan ini, kerana kamu tidak akan mampu untuk menutup pintu kubur bagi sesiapa pun. Kamu pasti akan bermusafir pada jalan ini. Bagi sesiapa yang melalui jalan ini, dia pasti dan mesti bersandar dan bergantung kepada seseorang yang mempunyai ilmu menyeluruh dan tuntas dengan setiap lorong, jalan dan batasan sempadannya yang luas, bahkan kesemua lingkaran yang besar itu berada di bawah pengurusan, perintah dan kekuasaannya.

Wahai orang-orang yang sesat dan alpa!

Kasih sayang dan makrifat yang diletakkan di dalam fitrah kamu, instrumen kesyukuran dan sarana ibadat yang sepatutnya dikorbankan untuk Allah S.W.T sahaja, dan seharusnya dihalakan kepada sifat dan asma' Allah S.W.T yang Mulia lagi Tinggi, tetapi kamu telah mencurahkan secara tidak benar untuk diri kamu sendiri dan juga untuk dunia. Oleh itu, amatlah layak kamu merasai azabnya. Ini berdasarkan kaedah "*natijah memberikan kasih sayang kepada yang tidak dibenarkan ialah menanggung azab pedih tidak terperi tanpa belas kasihan*". Juga kerana kamu telah memberikan kasih sayang yang sepatutnya dicurahkan hanya kepada Allah S.W.T semata-mata, sebaliknya kamu telah mencurahkan kepada diri kamu sendiri, lalu kamu mendapat bala kekasih kamu itu yang tidak terkira kerana kamu tidak memberikannya kerehatan yang hakiki. Demikian juga kamu tidak menyerahkan urusannya dengan bertawakkal kepada kekasih sebenar iaitu Allah S.W.T yang mempunyai kuasa mutlak, lalu kamu akan merasai kesakitan secara berterusan. Kamu juga telah memberikan kasih sayang yang sepatutnya hanya untuk asma' dan sifat Allah Yang Maha Mulia dan Suci, tetapi kamu memberikannya kepada dunia, dan kamu bahagi-bahagikan kesan-kesan perbuatannya yang indah kepada sebab-sebab yang material. Maka kamu merasa kecelakaan akibat perbuatan kamu itu, kerana sebahagian daripada para kekasih kamu yang ramai itu berpaling meninggalkan kamu tanpa ucapan selamat tinggal. Antara mereka ada yang kamu tidak kenal langsung, bahkan jika mereka mengenali kamu sekalipun, maka mereka tidak mengasihi kamu, dan bahkan jika mereka mengasihi kamu sekalipun, mereka tidak memberikan apa-apa manfaat kepada kamu. Maka kamu akan terus berada dalam azab yang berkekalan yang terdiri daripada azab kerana perpisahan yang tidak terbatas dan kesakitan kerana kekecewaan serta putus

---

asa untuk dapat kembali semula ke dunia.

Inilah hakikat yang didakwa oleh ahli kesesatan sebagai ‘kebahagian hidup’, ‘kesempurnaan insan’, ‘keindahan tamadun’ dan ‘kelazatan kebebasan’.

Ketahuiilah betapa tebalnya hijab yang menutupi kebodohan dan kemabukan yang membius perasaan dan pertimbangan!

Katakanlah: Celaka buat akal mereka yang sesat!

Manakala jalan lurus atau lorong bercahaya al-Quran al-Karim pula maka ia dapat mengubati dan membalut kesemua luka-luka yang dialami oleh ahli kesesatan itu dengan hakikat-hakikat keimanan. Ia juga dapat menghancurkan semua kegelapan lalu yang berada pada jalan tersebut dan menutup segala pintu kesesatan dan kemusnahan, dengan cara-cara berikut:

Ia mengubati kelemahan, kedhaifan, kefakiran dan keberhajatan manusia dengan tawakkal kepada Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengasihani. Ia juga menyerahkan segala bebanan kehidupan dan dunia kepada qudrat dan rahmat Allah yang Maha Luas tanpa dibebankan ke atas bahu manusia, bahkan ia menjadikan manusia memiliki pemanduan diri dan kehidupannya sendiri. Ia juga mengadakan kedudukan yang merehatkan untuk manusia dan memperkenalkan bahawa manusia bukanlah haiwan yang berkata-berkata (berakal), bahkan dia adalah manusia sebenar dan tetamu mulia lagi dihormati di sisi Allah S.W.T, Tuhan yang Maha Memiliki lagi Maha Penyayang.

Ia juga merawat luka-luka kemanusiaan yang lahir daripada kemusnahan dunia, kehilangan segala benda dan kecintaan kepada benda-benda yang akan musnah. Ia merawatnya dengan lemah-lembut dan penuh simpati dengan memperlihatkan bahawa dunia hanyalah tempat persinggahan milik Tuhan *al-Rahman*. Ia juga menerangkan bahawa segala benda yang terdapat di dalamnya adalah cermin bagi *al-Asma' al-Husna* dan menjelaskan bahawa segala makhluk buaatannya adalah risalah Rabbani yang sering bertukar pada setiap ketika dengan keizinan Tuhannya, lalu ia menyelamatkan manusia daripada genggamannya kegelapan fantasi.

Ia juga merawat luka-luka yang diakibatkan oleh kematian, yang dianggap oleh ahli kesesatan sebagai perpisahan abadi daripada semua para kekasih dengan menjelaskan bahawa kematian sebenarnya adalah mukadimah kepada penyambungan dan pertemuan dengan para kekasih yang telah pergi ke alam barzakh dan mereka yang sekarang ini sedang berada di *alam baqa'*. Ia membuktikan bahawa perpisahan itu sebenarnya adalah pertemuan.

Ia juga menghilangkan ketakutan terbesar manusia dengan membuktikan bahawa kubur sebenarnya adalah sebuah pintu yang terbuka ke alam rahmat yang luas, negeri kebahagiaan yang abadi, taman-taman syurga, negeri-negeri cahaya milik Allah Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ia menerangkan bahawa pelancongan ke alam barzakh yang merupakan pelancongan yang amat menyakit dan mencelakakan buat ahli kesesatan sebenarnya adalah pelancongan yang paling menyeronok, mesra dan menggembirakan, kerana kubur bukanlah mulut ular yang menggerunkan, tetapi ia adalah sebuah taman daripada taman-



taman syurga.

Ia berkata kepada seseorang yang beriman:

Jika kehendak (iradat) dan pilihan engkau hanya sedikit dan sebahagian, maka serahkanlah urusan engkau kepada Tuhan yang memiliki iradat yang menyeluruh dan mutlak.

Jika kemampuan engkau adalah lemah, maka bergantunglah kepada *qudrat* (kekuasaan) Yang Maha Berkuasa dengan kekuasaan yang mutlak.

Jika kehidupan engkau akan binasa dan pendek, maka berfikirilah tentang kehidupan yang kekal abadi.

Jika umur engkau adalah pendek, maka janganlah engkau berdukacita kerana engkau memiliki umur yang panjang sebenarnya.

Jika fikiran engkau bertahap rendah, maka masuklah di bawah sinaran matahari al-Quran al-Karim, dan lihatlah dengan cahaya keimanan agar setiap ayat al-Quran mengurniakan cahaya umpama bintang yang bergemerlapan kepada engkau sebagai ganti daripada cahaya fikiran engkau yang malap.

Jika engkau mempunyai kesakitan-kesakitan yang tidak bersempadan, ingatlah sebenarnya engkau mempunyai balasan pahala yang tidak berpenghujung dan rahmat yang tidak bersempadan yang sedang menunggu engkau.

Jika engkau mempunyai matlamat-matlamat dan tujuan-

tujuan yang tidak berkesudahan, maka janganlah bimbang dengan sentiasa berfikir tentang- nya, kerana ia tidak akan dapat dihitung di dunia ini, bahkan tempatnya adalah di akhirat nanti, sedang Tuhan Yang Maha Mengurnia adalah Tuhan Yang Amat Pemurah, Mulia dan luas pemberian-Nya.

Ia juga berbicara dengan manusia seraya berkata:

Wahai manusia! Engkau tidak memiliki diri engkau. Bahkan engkau dimiliki oleh Tuhan Yang Maha Berkuasa dengan kuasa yang mutlak, Yang Maha Mengasihani dengan kerahmatan yang mutlak. Maka janganlah engkau memenatkan diri engkau dengan membebarkannya dengan bebanan kehidupan engkau. Kerana Tuhan yang memberikan kehidupan kepada engkau, Dialah yang mentadbirkannya.

Sesungguhnya dunia ini tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa pemilik, agar engkau tidak bimbang terhadapnya, tidak membebarkan diri engkau, dan tidak memenatkan fikiran engkau tentang hal ehwalnya. Ini kerana pemilik-Nya adalah Tuhan Yang Amat Bijaksana Lagi Maha Mengetahui. Engkau hanyalah tetamu-Nya, maka janganlah engkau campurtangan dalam urusan-urusan-Nya lantaran rasa ingin tahu engkau dan janganlah engkau mencampur adukkannya tanpa kefahaman yang jelas.

Sesungguhnya manusia dan haiwan bukanlah makhluk yang diabaikan dan dibiarkan begitu sahaja. Bahkan mereka sebenarnya sedang bertugas menurut perintah di bawah kekuasaan dan penyeliaan Tuhan Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengasihani. Maka janganlah engkau membiarkan roh engkau meneguk kesakitan dengan berfikir tentang kesulitan

dan kesakitan mereka, serta janganlah engkau mendahulukan perasaan belas kasihan engkau kepada mereka berhadapan dengan rahmat dan belas kasihan Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Mengasihani.

Sesungguhnya kuman, taun, taufan, kemarau dan gempa bumi serta lain-lain kejadian yang mengambil peranan sebagai musuh engkau pada zahirnya, kendaliannya berada pada tangan Tuhan Yang Maha Mengasihani Lagi Maha Mulia. Dia adalah Tuhan Yang Maha Bijaksana yang tidak terbit sebarang kesia-siaan daripada-Nya. Dia adalah Tuhan Yang Maha Mengasihani lagi luas rahmat-Nya. Setiap perkara yang dilakukannya, pasti terdapat kesan kelembutan dan belas kasihan-Nya.

Ia juga berkata:

Bahawa alam ini sekalipun ia akan binasa, namun ia disediakan dengan segala perkara yang membolehkannya kekal abadi ... sekalipun ia sementara dan akan hancur, namun ia boleh menghasilkan buah yang kekal abadi, dan memperlihatkan jelmaan-jelmaan indah daripada jelmaan-jelmaan *al-Asma al-Husna* yang kekal abadi ... sekalipun kelazatan-kelazatannya sedikit, namun kelembutan, kemuliaan dan kelebihan Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani adalah kelazatan hakiki yang tidak akan hilang atau binasa ... meskipun kesakitan-kesakitannya banyak, namun kesakitan-kesakitan itu sebenarnya melahirkan kelazatan maknawi dari sudut pembalasan ukhrawi. Oleh kerana lingkaran yang dibenarkan syarak sudah mencukupi untuk roh, hati dan jiwa mengambil kelazatan dan keseronokan masing-masing, maka tidak perlu lagi ia memasuki kawasan-kawasan terlarang, kerana jika satu

sahaja kelazatan dikecap daripada kawasan terlarang tersebut, maka ia mungkin akan menyebabkan seribu satu kesakitan. Tambahan pula ia akan menjadi sebab terhalangnya seseorang daripada mendapat kelazatan kemuliaan Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mulia, iaitu kelazatan yang murni, harum dan kekal abadi.

Jelas daripada apa yang telah diterangkan bahawa jalan kesesatan akan menghumban manusia ke jurang yang paling dalam sehingga melemahkan mana-mana tamadun atau mana-mana falsafah untuk mencari jalan penyelesaiannya, bahkan melemahkan kemajuan dan ketinggian ilmu yang dicapai mereka untuk mengeluarkan mereka daripada kepekatan kegelapan kesesatan itu.

Al-Quran al-Karim pula dapat memimpin manusia dengan iman dan amal salih serta meninggikan kedudukannya; daripada kedudukan yang rendah kepada kedudukan yang paling tinggi. Al-Quran menjelaskan bukti-bukti yang pasti dan membentangkan keterangan-keterangan yang jelas nyata tentangnya, lalu ia menimbus lubang yang dalam dengan peningkatan maknawi dan dengan peralatan penyempurnaan jiwa. Ia juga memudah dan meringankan manusia secara mutlak daripada segala kesulitan perjalanannya yang panjang, memenat dan menyusahkannya ketika menuju ke arah keabadian. Itu dilakukan dengan al-Quran menampilkan sarana dan perantara yang boleh digunakan bagi memintas jalan yang biasanya dilalui dalam tempoh seribu tahun, bahkan lima puluh ribu tahun, tetapi dapat dilalui dalam masa hanya sehari.

Al-Quran juga memakaikan jilbab ubudiyah kepada

manusia sehingga manusia layak berperanan sebagai hamba Allah yang menurut perintah, atau sebagai tetamu yang bertugas di sisi Tuhan Yang Maha Mulia. Iaitu dengan al-Quran memperkenalkan bahawa Allah S.WT adalah Tuhan Yang Memiliki Azali dan Abadi, dan Dia menjamin kerehatan yang sempurna ketika manusia bersiar-siar di dunia tempat pertemuan atau di alam barzakh serta di alam akhirat tempat kediaman.

Sebagaimana seseorang pegawai yang ikhlas bertugas untuk seorang sultan, dapat pergi ke mana-mana dengan segala kemudahan yang diberikan di dalam kawasan sempadan kekuasaannya dan dia boleh ke sana ke mari di dalam kawasan wilayah pemerintahannya dengan kenderaan yang laju seperti kapal terbang, kapal laut dan kereta api. Begitu juga keadaannya dengan seseorang yang dengan keimanannya dia mempunyai hubungan dengan Tuhan Pemilik Azali, maka dengan amalan salihnya dia dapat melalui kediaman-kediaman dunia tempat pertemuan ini dan kawasan-kawasan di alam barzakh dan alam akhirat serta antara sempadan kedua-duanya yang amat luas seluas mata memandang, tetapi dia dapat melaluinya sepantas kilat dan buraq, sehingga dia menemui kebahagiaan abadi. Al-Quran membuktikan hakikat-hakikat ini dengan pembuktian yang putus dan menampilkannya dengan jelas bagi para wali yang suci murni hati mereka.

Tambahan pula hakikat al-Qur'an berkata bahawa; Wahai mukmin!

Janganlah engkau menumpahkan kebolehan engkau yang tidak terbatas untuk berkasih sayang itu kepada diri engkau yang ammarah bisu' kerana ia adalah hodoh dan mempunyai

kekurangan, jahat dan ia juga menjeratkan engkau. Janganlah engkau menjadikannya kekasih dan buah hati engkau. Janganlah engkau menjadikan hawa nafsunya sebagai sembahanku. Tetapi jadikan kekasih engkau orang yang layak mendapat kasih sayang yang tidak berpenghujung. Iaitu Tuhan Yang Maha Berkuasa memberikan ihsan (kebaikan) yang tidak berkesudahan kepadamu. Tuhan Yang Maha Berkuasa membahagiakan engkau dengan kebahagiaan yang juga tidak berakhiran. Bahkan Dia juga boleh memberikan kebahagiaan kepadamu dengan Dia memperbanyakkan kebaikan-kebaikannya kepada semua orang yang mempunyai hubungan dengan engkau. Dialah Tuhan yang mempunyai kesempurnaan yang mutlak, keindahan yang kudus dan yang suci daripada sebarang kekurangan, ketidaksempurnaan, kehilangan dan kebinasaan. KeindahanNya tidak bersempadan dan kesemua namaNya adalah indah dan cantik.

Ya. Sesungguhnya pada setiap nama Allah Taala terdapat tala yang berkesudahan. Surga dan lain sebagainya hanyalah keindahan dan kenikmatannya hanyalah jelmaan bagi menzahirkan keindahan rahmat-Nya dan kerahmatan keindahan-Nya. Segala keindahan, kecantikan, kebaikan, kesempurnaan yang dikasihi dan disukai di dunia ini adalah isyarat kepada keindahan-Nya dan dalil yang menunjukkan kepada kesempurnaan-Nya.

Ia juga berkata:

Wahai manusia! Punca-punca kasih sayang yang terpancar daripada batin engkau, yang tertuju kepada Allah S.W.T, yang berkaitan dengan *al-Asma' al-Husna* dan yang terpesona dengan sifat-sifat-Nya yang mulia, maka janganlah engkau







tugas langit dan bumi dan menuduh bahawa kewujudan langit dan bumi hanyalah sia-sia sahaja. Ahli kesesatan juga tidak memahami tugas yang dilaksanakan oleh kedua-duanya, lalu mereka tidak memberikan hak yang seharusnya diberikan kepada kedua-duanya, bahkan mereka tidak mengenali Tuhan kedua-duanya dan tidak memahami bagaimana kedua-duanya menunjukkan kepada Tuhan yang membuat mereka berdua. Lalu mereka memusuhi, menghina dan mencemuh langit dan bumi. Oleh itu, amat sesuailah jika langit dan bumi tidak menangi pemergian dan kematian mereka, bahkan langit dan bumi bermohon agar mereka dicelakakan agar ia merasa kerehatan dengan kemusnahan mereka.

Berdasarkan mafhum mukhalif juga, ayat-ayat tersebut berkata bahawa langit dan bumi menangi kematian ahli iman kerana mereka mengetahui dan menghargai tugas-tugas langit dan bumi dengan selayaknya. Mereka juga membenarkan semua hakikat langit dan bumi serta mereka memahami berdasarkan keimanan mereka tentang apakah pengertian-pengertian yang ditunjukkan oleh langit dan bumi. Setiap kali mereka membuat pemerhatian kepada langit dan bumi, mereka berkata dengan penuh takjub: "*Alangkah indahnyaa tugas-tugas yang dilaksanakan oleh* Lalu mereka memberikan penghargaan dan penghormatan selayaknya kepada langit dan bumi. Mereka menyebarkan kasih sayang mereka kepada langit dan bumi berdasarkan kasih sayang mereka kepada Allah S.W.T, iaitu kerana Allah S.W.T, dengan menganggap langit dan bumi sebagai cermin yang memantulkan jelmaan nama-nama Allah S.W.T yang indah (*al-Asma' al-Husna*). Oleh itu, langit bergegar dan bumi berdukacita kerana kematian ahli iman seolah-olah kedua-duanya menangi kehilangan mereka.

## Satu Soalan Penting

Kamu berkata: Kasih sayang bukanlah suatu perkara yang kita mempunyai pilihan padanya. Ia tidak berada di bawah kehendak kita. Berdasarkan keperluan fitrah, saya sukakan makanan-makanan yang lazat dan buah-buahan yang enak. Saya cintakan ibu bapa, anak-anak dan isteri saya yang merupakan teman hidup saya. Saya cintakan para nabi yang dimuliakan dan para wali yang salih. Saya cintakan zaman muda dan kehidupan saya. Saya cintakan musim bunga dan semua benda yang indah. Dengan perkataan yang lebih ringkas, saya cintakan dunia ini. Bukankah saya boleh mencintai semua ini? Tetapi bagaimana saya boleh menukar semua jenis cinta ini kepada Allah S.W.T kepada nama-namaNya yang indah, sifat-sifat-Nya yang mulia dan zat diri-Nya yang suci? Apakah maknanya ini?

Jawapan: Anda hendaklah mendengar kepada empat noktah berikut:

### Noktah Pertama:

Meskipun kasih sayang atau cinta bukanlah suatu yang kita mempunyai pilihan padanya, tetapi ia boleh dialih dengan kehendak kita daripada seorang kekasih kepada kekasih yang lain.

Seperti ketika keburukan dan hakikat sebenar seseorang kekasih terdedah, atau diketahui bahawa kekasih itu hanya sebagai hijab atau tirai yang menutup kekasih sebenar lagi hakiki yang lebih berhak untuk dicintai, atau sebagai cermin

## Satu Soalan Penting

yang memantulkan keindahan kekasih sebenar itu. Ketika itu, kita boleh mengalihkan perasaan kecintaan itu daripada kekasih yang majazi (metafora) kepada kekasih yang hakiki.

### Noktah Kedua:

Kami tidak berkata kepada anda: Berikanlah kasih sayang dan kecintaan kepada semua yang anda telah sebutkan sebelum ini. Tetapi kami berkata jadikanlah kecintaan anda kepada semua yang anda telah sebutkan itu pada jalan Allah S.W.T dan juga kerana-Nya semata-mata:

Berlazat-lazat dengan makanan yang enak dan mengecapi buah-buahan yang sedap, dan dalam masa yang sama mengingati bahawa ia adalah kebaikan dan kenikmatan yang datang daripada Allah S.W.T Yang Maha Pemurah (*al-Rahman*) lagi Maha Mengasihani (*al-Rahim*), bermaksud kecintaan kepada nama Allah yang *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan nama Allah *al-Mun'im* (Yang Memberikan Nikmat). Lebih daripada itu, ia juga adalah kesyukuran berbentuk maknawi. Bukti bahawa kecintaan ini bukanlah untuk diri sendiri atau kerana nafsu bahkan untuk nama *al-Rahman* ialah bahawa untuk mendapatkannya, hanya jalan yang *halal* sahaja digunakan. Di samping sifat *qana'ah* (berpada dengan apa yang ada) yang tinggi bahawa nikmat-nikmat itu hendaklah hanya diambil daripada kawasan-kawasan yang dibenarkan sahaja. Dan ketika mengambilnya, hendaklah difikirkan bahawa ia adalah nikmat Allah S.W.T yang perlu disyukuri.

Kecintaan dan penghormatan anda kepada kedua ibu bapa sebenarnya berpunca daripada kecintaan anda kepada Allah S.W.T. Kerana Dia telah menanam di dalam diri kedua

Ibu bapa anda perasaan kasih sayang dan belas kasihan sehingga mereka berdua menjaga dan mendidik anda dengan perasaan penuh kasih sayang dan kebijaksanaan. Tanda yang menunjukkan bahawa ia adalah kasih sayang kerana Allah S.W.T, ialah bersangat mencintai dan menghormati keduanya apabila mereka mencapai umur tua yang ketika itu anda tidak mengharapkan apa-apa daripada mereka. Tetapi anda tetap melimpahkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan terhadap mereka meskipun anda sendiri mengalami pelbagai kesulitan yang membebankan. Firman Allah S.W.T (Surah al-Isra' ayat 23-24):

إِذَا بَلَغَ الْهُدَىٰ عَمَّا يُرِيدُ فَاغْلُظْ إِلَيْهَا وَاصْرُفْ وُجْهَكَ عَنْ آلِهَا وَالْحَاكِمِينَ لَقَدْ جَاءُوكُم بِالْحَقِّ لَكِن كَفَرْتُمْ بِهِ فَصَارَ صِدْقًا يَكْفُرُونَ

Maksudnya:

“ Jika salah seorang daripada keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan pemeliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ha”, dan janganlah engkau menengking dan menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). ”

Ayat di atas menyeru anak-anak agar memelihara hak kedua ibu bapa dalam lima peringkat. Ia juga menerangkan sejauhmana kepentingan berbuat baik kepada keduanya dan kejelekan menderhakai keduanya.

Seseorang tidak boleh menerima bahawa dia diatasi oleh

Satu Soalan Penting

orang lain, kecuali oleh anaknya sendiri. Kerana dari segi fitrah, seseorang bapa tidak menyimpan sebarang perasaan hasad dengki terhadap anaknya. Ini menyebabkan si anak tidak boleh menuntut sesuatu hak daripada ayahnya, kerana pertikaian biasanya berlaku daripada perasaan hasad dengki dan persaingan di antara dua individu, atau timbul daripada penafian hak orang lain. Seseorang bapa terselamat daripada kedua-duanya secara fitrah. Oleh sebab itu, seseorang anak tidak berhak untuk membuat dakwaan di mahkamah terhadap bapanya. Bahkan ketika dia melihat bapanya melakukan sesuatu di luar batasan, maka dia tetap tidak boleh menderhakainya. Maksudnya bahawa sesiapa yang menderhakai dan menyakiti kedua ibu bapanya, maka dia adalah seorang yang bertukar menjadi haiwan yang buas.

Kasih sayang dan kecintaan kepada anak-anak juga sebenarnya adalah kasih sayang kepada Allah S.W.T dan kembali kepada kecintaan-Nya, iaitu dengan menjaga mereka dengan penuh belas kasihan dan kasih sayang, dengan menganggap mereka sebagai kurniaan Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mulia. Manakala tanda yang menunjukkan bahawa kasih sayang tersebut adalah untuk Allah S.W.T dan pada jalanNya ialah kesabaran berserta dengan kesyukuran ketika berlaku bala bencana, terutamanya ketika kematian, tidak merasa kecewa, putus asa untuk terus berdoa, bahkan wajib berserah kepada Allah S.W.T dan memuji-Nya ketika berlaku ketentuan tersebut. Seolah-olah dia berkata: Sesungguhnya makhluk ini adalah kekasih dan dimiliki oleh Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia. Tuhannya telah mengamanahkannya kepadaku untuk suatu tempoh masa tertentu. Sekarang hikmat kebijaksanaan-Nya menuntut agar ia diambil dariku untuk dibawa ke tempat lain yang lebih

selamat dan lebih baik. Jika pada zahirnya aku hanya memiliki satu bahagian sahaja daripada makhluk tersebut, maka Allah S.W.T mempunyai seribu bahagian hakiki padanya. Oleh itu, kita mesti berserah kepada hukum ketentuan Allah S.W.T.

Manakala kasih sayang kepada rakan-rakan dan kawan-kawan pula, jika mereka terdiri daripada ahli iman dan taqwa, maka perasaan kasih dan sayang kepada mereka sebenarnya berada pada jalan Allah S.W.T dan berpunca daripada-Nya, kerana memenuhi tuntutan '*berkasih sayang kerana Allah S.W.T*'.<sup>19</sup>

Kemudian kasih sayang kepada isteri yang merupakan teman hidup anda, maka anda hendaklah mengasihinya sebagai suatu hadiah yang mesra dan bahagia daripada hadiah kerahmatan ilahi buat anda. Awaslah anda daripada mengaitkan kecintaan anda itu dengan ikatan kecantikan zahir yang segera hilang, bahkan anda hendaklah mengikat kasih sayang anda itu dengan keindahan yang tidak akan hilang, bahkan akan bertambah bersinar dari sehari ke sehari, iaitu keindahan akhlak, perilaku kehidupan yang baik yang tersemam di dalam kewanitaan dan kelembutannya. Keindahan paling manis dan murni yang terdapat pada seseorang isteri ialah perasaan belas kasihannya yang suci murni lagi bersinar. Keindahan belas kasihan dan keelokan perilaku ini akan berkekalan dan semakin bertambah hingga ke penghujung umur. Dengan mengasahi kedua-duanya, segala hak makhluk yang lembut dan lemah ini akan terpelihara dan terjaga. Tanpanya pula, segala hak makhluk tersebut akan hilang daripadanya pada waktu yang dia sangat berhajat kepadanya, iaitu ketika dia kehilangan kecantikan zahirnya.

<sup>19</sup>... Berkasih sayang kerana Allah S.W.T dan marah kerana Allah S.W.T adalah sebahagian daripada iman." Diriwayatkan oleh *al-Bukhari* di dalam kitab *al-Iman*.

Manakala kasih sayang kepada para nabi dan para wali yang salih, maka ia juga berlaku kerana Allah S.W.T dan pada jalanNya, dari sudut mereka adalah hamba Allah S.W.T yang ikhlas lagi diterima di sisiNya. Dari sudut ini, kasih sayang tersebut terjadi kerana Allah S.W.T.

Demikian juga dengan kehidupan ini yang dikurniakan Allah S.W.T kepada anda dan kepada manusia lain. Ia adalah modal besar yang dengannya anda mampu mendapat kehidupan akhirat yang kekal abadi. Ia juga adalah khazanah agung yang mengandungi segala kelengkapan dan kesempurnaan yang kekal. Oleh itu, menjaga dan mengasihi kehidupan dari sudut ini serta mempergunakannya demi kerana Allah S.W.T sahaja, adalah kembali kepada Allah S.W.T juga.

Demikian juga dengan kasih sayang kepada keremajaan, ketampanan dan kelembutan mereka, serta menghargainya sebagai satu daripada nikmat Allah S.W.T yang indah, kemudian berusaha untuk mempergunakannya dengan sebaik-baiknya, juga merupakan kasih sayang yang dibenarkan syarak, bahkan patut mendapat penghargaan.

Kemudian perasaan kasih sayang kepada musim bunga dan merinduinya adalah juga berlaku kerana Allah S.W.T dan tertuju kepada nama-nama-Nya yang indah (*al-Asma' al-Husna*), dari sudut bahawa ia adalah lembaran paling indah yang menampilkan cahaya jelmaan ukiran *al-Asma' al-Husna* dan bilik pameran paling agung bagi mempamerkan keindahan seni buatan Rabbani. Maka berfikir dan mengenang musim bunga dari sudut ini adalah kasih sayang yang tertuju kepada nama-nama Allah (*al-Asma' al-Husna*) yang Maha Indah.

Bahkan kecintaan dan keberahian kepada dunia akan bertukar menjadi kasih sayang kerana Allah S.W.T dari sudut jika dunia dipandang sebagai ladang akhirat, cerminan *al-Asma' al-Husna*, risalah Rabbani kepada seluruh makhluk dan rumah sebagai tempat persinggahan sementara para tetamu, tetapi dengan syarat tiada campur tangan jiwa yang sentiasa menyuruh kepada keburukan (*al-nafs al-ammarah bi al-su'*) ke dalam kasih sayang tersebut. Ringkasnya:

Jadikanlah kecintaan anda kepada dunia dan segala yang terdapat di dalamnya dengan maknanya yang harfi (literal), bukan dengan makna namanya, iaitu kerana suatu pengertian yang terdapat di dalamnya, bukan kerana dirinya semata-mata. Janganlah anda berkata tentang sesuatu: *"Alangkah indahya ia!"* Tetapi berkatalah: *"Alangkah indah Penciptaannya!"* Awaslah daripada batin hati anda dimasuki oleh kecintaan kepada selainNya walaupun sedikit, kerana batin hati anda adalah cermin dan khusus bagi Allah S.W.T sahaja. Katakanlah:

*"Ya Allah! Rezekikan kepada kami kecintaan kepada Engkau dan kecintaan kepada sesuatu yang boleh mendekatkan kami kepada Engkau.20"*

Demikianlah, jika segala jenis-jenis kecintaan yang telah kami sebutkan di atas dihalakan ke arah yang betul dalam bentuknya yang dinyatakan di atas, iaitu ia berlaku kerana Allah S.W.T dan pada jalanNya, maka ia akan memberikan

---

20. Terdapat banyak hadis daripada Rasulullah S.W.T berkenaan doa memohon kasih sayang Allah. Antaranya: Daripada Abdullah bin Yazid al-Khutami al-Ansari, daripada Rasulullah S.W.T bahawa baginda berkata di dalam doa baginda: *"Ya Allah! Rezekikan kepada kami kecintaan kepada Engkau dan kecintaan kepada orang yang ingin berakhlak baik."* (Tutukip (al-Ahul) 357) dan beliau diri Engk hadis ini adalah hadis hasan gharib."



---

kelazatan hakiki yang sedikitpun tidak mempunyai sebarang kesakitan.

Ia juga adalah penyambungan sebenar-benarnya, bukan kehilangan. Bahkan ia menambahkan kecintaan kita kepada Allah S.W.T. Lebih dari itu, ia juga adalah kecintaan yang dibenarkan, kesyukuran terhadap kelazatan kurniaan-Nya dan pemikiran terhadap nikmat-Nya, iaitu terhadap kecintaan itu sendiri.

Satu contoh perbandingan untuk penjelasan: Jika seorang raja yang berkuasa menghadihkan anda sebiji epal, sebagai contoh, maka anda akan menyimpan dua jenis kecintaan dan anda akan berlazat dengannya menerusi dua bentuk kelazatan:

Pertama: Kecintaan yang kembali kepada epal itu sendiri, dari sudut ia adalah buah yang enak dan lazat berdasarkan ciri- cirinya tersendiri. Kecintaan ini tidak kembali kepada raja. Bahkan sesiapa yang memakan epal itu dengan penuh lahap di hadapan raja, maka dia hanya memperlihatkan kecintaannya kepada epal itu, tidak kepada raja. Mungkin raja itu memandang jengkel perbuatan tersebut, dan tidak sukakan kecintaan yang bersangatan terhadap diri sendiri itu. Tambahan pula, kecintaan kepada epal itu hanyalah berbentuk sebahagian (*juz'ie*) dan ia akan hilang, kerana dengan semata-mata selesai memakannya, kelazatan akan hilang dan membuahkan perasaan dukacita.

Kedua: Iaitu kerana mendapat penghormatan diraja dan kurniaannya yang terhormat yang terjelma melalui pengurniaan buah epal tersebut. Seolah-olah buah epal itu adalah contoh bagaimana raja tersebut memberikan perhatian kepadanya, atau pemberian buah epal itu adalah pujian yang

---

berbentuk benda daripadanya. Maka orang yang menerima

haji adalah dengan penuh kasih sayang dan kemuliaan, sepatutnya melahirkan kasih sayangnya kepada raja tersebut, bukan kepada buah epal yang diperolehinya. Perlu dinyatakan bahawa buah epal yang menjadi jelmaan dan tanda penghormatan diraja itu memiliki seribu kali kelazatan lebih tinggi daripada mana-mana buah epal lain. Kelazatan ini ialah kesyukuran sebenarnya. Kecintaan ini pula adalah kecintaan yang mempunyai penghormatan dan penghargaan yang selayaknya bagi seseorang raja.

Demikianlah ketika seseorang menghalakan kecintaannya kepada nikmat dan buah-buahan itu sendiri dengan penuh kelalaian, dia hanya berlazat-lazat dengan kelazatannya yang material semata-mata, maka kecintaan nafsu itu hanya kembali kepada hawa nafsunya sahaja, dan kelazatan tersebut akan hilang dan menyakitkan. Manakala jika kecintaan tersebut tertuju kepada sudut kemuliaan yang dikurniakan Allah S.W.T, tertuju ke arah kelembutan rahmat-Nya, tertuju kepada buahan kebaikan-Nya, dengan menghargai segala tingkatan kebaikan dan kelembutan-Nya, meskipun mendapat kelazatan sepenuhnya, maka ia adalah kesyukuran maknawi, bahkan ia adalah kelazatan yang tidak akan menyebabkan kesakitan.

#### Noktah Ketiga:

Sesungguhnya kecintaan yang tertuju kepada *al-Asma' al-Husna* mempunyai beberapa tingkatan. Kadang-kadang kecintaan tersebut tertuju kepada *al-Asma' al-Husna* kerana kecintaan kepada kesan-kesan Ilahi yang banyak terdapat di seluruh alam maya ini, sebagaimana yang telah kami terangkan sebelum ini. Kadang-kadang ia tertuju kepada *al-Asma' al-*

*Husna* kerana ia adalah lambang kesempurnaan tertinggi Ilahi. Kadang-kadang seseorang manusia rindu kepada *al-Asma' al-Husna* kerana keperluannya yang bersangatan kepada-Nya. Ini kerana manusia pada hakikatnya adalah seseorang yang amat memerlukan dan keperluannya tidak terbatas, sementara *al-Asma' al-Husna* pula bersifat umum dan boleh merangkumi segalanya. Maksudnya manusia mencintai *al-Asma' al-Husna* dengan dorongan keperluan kepada *al-Asma' al-Husna* itu sendiri.

Kami akan jelaskan perkara ini dengan satu perumpamaan:

Bayangkan bahawa anda sedang berada dalam keadaan lemah dan amat memerlukan seseorang yang boleh membantu dan menyelamatkan kaum kerabat anda dan golongan fakir miskin, atau makhluk-makhluk lain yang lemah lagi memerlukan, yang anda sayang dan belas kasihan terhadap mereka. Tiba-tiba muncul seseorang di hadapan anda lalu memberikan kesenangan, kenikmatan dan kelazatan kepada mereka sebagaimana yang anda inginkan. Maka bayangkanlah betapa gembiranya hati anda dan betapa lapangnya dada anda terhadap nama orang tersebut yang bersifat *al-Mun'im* (yang Memberikan Nikmat) dan *al-Karim* (yang Pemurah). Bayangkanlah juga betapa gembira dan leganya perasaan anda daripada kedua-dua nama keramat tersebut. Bahkan orang tersebut sudah pasti mendapat kekaguman dan penghargaan tinggi anda, serta kecintaan anda akan tertuju kepadanya dengan dua nama (*al-Mun'im* dan *al-Karim*) tersebut!

Melalui perumpamaan ini, perhatikanlah dua nama sahaja daripada *al-Asma' al-Husna* iaitu *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani). Anda

akan dapati bahawa seluruh orang-orang beriman yang terdiri daripada para bapa, datuk terdahulu, semua orang yang dikasihi, kaum kerabat dan kawan-kawan, kesemua orang-orang yang anda sayangi, kasihi dan cintai itu diberikan pelbagai jenis nikmat yang lazat, kemudian mereka digembira dan dibahagiakan pula di akhirat dengan pengurniaan nikmat yang baik dan lazat, bahkan Allah S.W.T menambahkan lagi kenikmatan tersebut dengan memberikan kebahagiaan dan kenikmatan kerana dapat bertemu sesama sendiri dan dengan dapat melihat keindahan abadi di sana. Maka alangkah layaknya nama *al-Rahman* dan *al-Rahim* untuk dikasihi dan dicintai! Alangkah rindunya jiwa manusia kepada keduanya! Maka bandingkanlah sendiri untuk anda memahami sejauh mana kebenaran kata-kata kami di atas. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan Sekalian alam terhadap sifat pemurah dan kasih sayang-Nya.

Anda juga berkait dengan segala makhluk yang wujud bertebaran di seluruh alam. Anda merasa sakit dengan kesakitan yang dialami oleh mereka. Seolah-olah dunia keseluruhannya adalah kediaman anda yang cantik dan rumah anda yang disukai. Jika anda memerhatikan dengan mendalam, anda dapati kerinduan yang membara dan keperluan yang tinggi di dalam roh anda kepada sifat atau nama *al-Hakim* (Yang Maha Bijaksana) dan *al-Murabbi* (Yang Mendidik atau Mengasuh) bagi Tuhan yang Mentadbir makhluk-makhluk ini keseluruhannya dengan hikmat kebijaksanaan yang sempurna, susunan yang teliti, pentadbiran yang unggul dan pentarbiahan yang penyayang.

Kemudian, jika anda terus memerhatikan dengan pandangan yang mendalam, kepada kemanusiaan keseluruhannya, anda

### Satu Soalan Penting

akan dapati bahawa anda tertakluk kepada mereka, merasa sakit dengan keadaan mereka yang mendukacitakan dan merasa amat merana dengan kehilangan dan kematian mereka. Tiba-tiba ruh anda merindui nama atau sifat *al-Warith* (Yang Maha Mewarisi) dan *al-Ba'ith* (Yang Membangkitkan), serta memerlukan kepada nama *al-Baqi* (Yang Maha Kekal), *al-Karim* (Yang Maha Mulia), *al-Muhyi* (Yang Menghidupkan), *al-Muhsin* (Yang Berbuat Kebaikan) bagi Tuhan Yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia, yang menyelamatkan mereka daripada kegelapan ketiadaan dan meletakkan mereka di tempat tinggal yang lebih indah dan lebih baik daripada dunia ini.

Oleh kerana hakikat manusia adalah tinggi dan fitrahnya adalah bersifat memerlukan, maka ia memerlukan sebanyak seribu satu keperluan kepada seribu satu nama daripada *al-Asma' al-Husna* dan kepada pelbagai martabat daripada setiap nama itu. Keperluan yang berganda-ganda itu ialah kerinduan. Kerinduan yang berganda-ganda itu pula ialah kecintaan. Kecintaan yang berganda-ganda pula adalah keasyikan. Sekadar mana sempurnanya roh seseorang, maka sekadar itulah tertampalnya martabat kecintaan mengikut martabat nama-nama tersebut. Kecintaan kepada kesemua nama-nama tersebut juga akan bertukar kepada kecintaan kepada Allah yang Maha Mulia lagi Maha Suci, kerana nama-nama tersebut adalah tajuk dan penjelmaan diri Allah S.W.T itu sendiri.

Sekarang kami akan menerangkan satu martabat sahaja daripada seribu satu nama daripada *al-Asma' al-Husna*. Sebagai contoh, kami akan menerangkan satu martabat sahaja daripada seribu satu martabat yang terdapat pada nama-nama *al-'Adl* (Yang Adil), *al-Hakam* (Yang Bijaksana), *al-Haqq*

---

(Yang Benar) dan *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani).

Penjelasannya adalah seperti berikut:

Jika anda mahu menyaksikan bagaimana kebijaksanaan dan keadilan terkandung di dalam nama-nama *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah), *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani) dan *al-Haqq* (Yang Benar) di dalam lingkungan yang luas dan besar, maka perhatikanlah contoh berikut:

Terdapat satu angkatan tentera yang besar mengandungi empat ratus unit yang pelbagai. Setiap unit berbeza daripada unit yang lain dengan pakaian tersendiri, makanan tertentu dan alat senjata tersendiri yang mudah digunakan, begitu juga dengan jenis rawatan yang diterima. Meskipun perbezaan dalam semua perkara ini wujud, namun kesemua keempat-empat ratus unit tersebut tidak terpisah dan tidak terpecah kepada kumpulan-kumpulan dan puak-puak tersendiri. Bahkan kesemuanya bergabung sesama sendiri tanpa dapat dibezakan. Jika terdapat seorang pemerintah yang mampu memberikan bagi setiap unit tersebut pakaian yang sesuai, makanan yang menasabah, rawatan yang diperlukan, senjata yang berpadanan, tanpa terlupa, keliru dan berkecamuk, dan tanpa mempunyai penolong dan pembantu, bahkan dia sendiri yang mengagih-agihkannya kepada mereka, berdasarkan sifat rahmat, belas kasihan, *qudrat* (kekuatan), ilmu yang mengatasi dan pengetahuan yang meliputi segala perkara, di samping keadilan terunggul dan kebijaksanaan sempurna... ya jika terdapat seorang pemerintah yang demikian sifatnya yang tidak mempunyai bandingan, dan anda sendiri menyaksikan dengan mata kepala anda sendiri hasil kerjanya yang menakjub dan mengagumkan, maka pada ketika itu, anda akan mengetahui betapa besar kekuasaan, belas kasihan dan keadilannya. Ini

### Satu Soalan Penting

kerana penyediaan satu batalion tentera yang merangkumi sepuluh puak yang berbeza dengan alat kelengkapan yang berlainan serta pakaian yang beraneka, sudahpun merupakan satu tugas yang amat sukar dan sulit, sehingga terpaksa memperlengkapkan mereka dengan fesyen atau stail pakaian dan peralatan tertentu, meskipun setiap puak terdiri daripada satu bangsa tertentu sahaja.

Jika anda ingin melihat melalui perumpamaan ini bagaimana nama Allah *al-Haqq* (Yang Maha Benar), *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan *al-Rahim* (Yang Maha Penyayang) terkandung di dalam keadilan dan kebijaksanaan, maka layangkan dan terawangkan pandangan anda ketika musim luruh kepada khemah-khemah yang didirikan di atas permukaan bumi untuk didiami oleh empat ratus ribu bangsa yang pelbagai. Mereka mewakili angkatan tentera tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Tumpukan pandangan anda kepada mereka, nescaya anda akan dapati bahawa kesemua bangsa dan etnik tersebut adalah bercampur baur. Pakaian mereka pula berbeza. Rezeki mereka juga pelbagai. Senjata mereka adalah berbeza. Cara hidup mereka juga berlainan. Latihan yang dijalani dan taklimat serta arahan yang diberikan juga berbeza. Waktu kerahan kerja dan cuti mereka juga tidak sama. Dalam masa yang sama, mereka tidak mempunyai lidah yang boleh digunakan untuk memohon agar segala keperluan dan kehendak mereka dipenuhi dan disempurnakan. Meskipun demikian, setiap mereka diurus dan ditadbir dengan nama *al-Haqq*, *al-Rahman*, *al-Razzaq*, *al-Rahim* dan *al-Karim*, tanpa mengalami sebarang kecelaruan dan kelupaan dalam lingkungan kebijaksanaan dan keadilan berdasarkan neraca yang teliti dan sistem yang mantap. Saksikanlah penjelmaan ini (iaitu penjelmaan nama-nama Allah S.W.T tersebut dalam

apa yang berlaku). Adakah mungkin orang yang lain dari Allah S.W.T boleh campur tangan dalam aktiviti ini yang diuruskan dengan penuh tersusun dan sistematik serta berdasarkan pertimbangan yang amat teliti? Adakah mungkin orang lain boleh menghulurkan tangannya atas apa sebab sekalipun untuk turut serta dan campur tangan dalam perbuatan yang amat menakjubkan, pengurusan yang amat bijaksana, rububiyah yang amat pemurah dan pentadbiran yang menyeluruh itu selain daripada Allah S.W.T yang bersifat dengan Keesaan, bijaksana dan berkuasa di atas segala sesuatu?

Noktah Keempat:

Sesungguhnya saya juga mempunyai pelbagai jenis kasih sayang di dalam diri saya. Sama ada yang berkait dengan makanan yang lazat, yang berkait dengan diri saya sendiri, atau berkait dengan isteri dan anak-anak saya, yang berkait dengan ibu bapa saya, yang berkait dengan semua orang yang saya kasihi, yang berkait dengan kawan-kawan saya, yang berkait dengan para wali yang salih dan para nabi yang dimuliakan. Bahkan kasih sayang saya berkait dengan semua benda yang indah, khususnya musim luruh yang indah itu dan dunia ini secara umumnya. Jika pelbagai jenis kasih sayang tersebut berjalan sebagaimana diperintahkan oleh *al-Quran al-Karim*, maka apakah hasil dan faedahnya?

Jawapan: Sesungguhnya penerangan tentang semua hasilnya serta penjelasan tentang semua faedahnya memerlukan kepada penulisan sebuah kitab yang besar. Oleh itu, kami hanya akan menyebutkan satu atau dua sahaja hasilnya secara ringkas. Pertamanya, kami akan menerangkan hasil-hasilnya yang diperolehi di dunia, kemudian selepas itu, kami akan



---

menerangkan pula hasil-hasil yang akan lahir di akhirat. Ia adalah seperti berikut:

Kami telah sebutkan sebelum ini bahawa pelbagai jenis kasih sayang yang terdapat di sisi golongan yang lalai dan yang hanya mementingkan keduniaan sahaja, yang kasih sayang mereka lahir hanya untuk memenuhi kehendak-kehendak nafsu mereka sahaja, mempunyai hasil yang menyakitkan dan akibat yang mencelakakan, yang terdiri daripada pelbagai macam bala bencana dan kesulitan. Di samping itu, mereka hanya memperoleh sedikit kenikmatan dan secebis kerehatan daripadanya.

Sebagai contoh: Belas kasihan akan bertukar menjadi bala bencana yang menyeksakan akibat kelemahan. Kasih sayang akan bertukar menjadi kebimbangan dan kerinduan yang memudaratkan akibat berlaku perpisahan. Kelazatan akan bertukar menjadi minuman yang penuh beracun dengan sebab kehilangan. Manakala di akhirat kesemuanya kekal tanpa memberikan sebarang faedah dan manfaat, kerana ia tidak berlaku kerana Allah S.W.T, bukan setakat itu sahaja, bahkan ia akan bertukar menjadi azab yang pedih jika ia menjatuhkan seseorang kepada perkara-perkara yang haram.

Pertanyaan: Bagaimana kasih sayang kepada para nabi yang mulia dan para wali yang salih boleh menjadi suatu yang tidak bermanfaat dan tidak berfaedah?

Jawapan: Ia sebagaimana kasih sayang orang-orang Kristian terhadap Nabi Isa a.s. yang percaya kepada konsep trinititi, dan sebagaimana kasih sayang golongan *al-Rafidah* terhadap Sayyidina Ali R.A.! Kasih sayang mereka tidak

---

---

memberikan sebarang manfaat dan faedah.

Jika pelbagai jenis kasih sayang yang engkau telah sebutkan sebelum ini adalah mengikut petunjuk *al-Quran al-Karim* dan berjalan pada jalan Allah S.W.T dan kerana kecintaan kepadaNya, maka hasilnya yang baik akan berbuah semenjak di dunia lagi, apatah lagi hasilnya yang baik akan berkekalan di akhirat nanti.

Manakala hasilnya di dunia ialah: Kecintaan anda terhadap makanan yang lazat dan buah-buahan yang enak merupakan nikmat Ilahi yang tidak dicemari oleh sebarang kesakitan. Kelazatan juga terdapat pada perbuatan bersyukur itu sendiri.

Kasih sayang anda terhadap diri anda sendiri iaitu belas kasihan anda terhadapnya, serta usaha keras anda mendidik dan membersihkannya, serta menahannya daripada menuruti segala hawa nafsunya yang ingin melakukan segala kehinaan, menjadikannya mematuhi perintah anda. Maka ia tidak dapat menggoda dan mengongkang anda dengan hawa nafsunya, bahkan ia memimpin dan menuntun anda kepada petunjuk, bukan kepada hawa nafsu.

Jika kecintaan anda kepada isteri anda yang merupakan rakan perjalanan dalam kehidupan di dunia ini adalah berasaskan kepada keindahan akhlak dan ketinggian belas kasihannya, serta kerana dia adalah pemberian daripada rahmat Ilahi, maka anda akan memberikan kasih sayang sejati dan kecintaan yang mendalam kepadanya. Isteri anda pula akan membalas kasih sayang tersebut, di samping mempunyai perasaan penghormatan dan penghargaan yang tinggi terhadap anda. Situasi ini akan sentiasa menyubur selagimana anda berdua

### Satu Soalan Penting

semakin berusia. Dengan itu, anda berdua akan terus hidup di dalam kebahagiaan dan keindahan dengan izin Allah S.W.T. Tetapi jika kasih sayang tersebut dibina di atas kecantikan luaran yang menjadi sasaran hawa nafsu sahaja, maka ia akan segera layu dan kering, maka kehidupan bersuami isteri juga akan turut terjejas.

Manakala kasih sayang anda kepada ayah dan ibu anda, maka ia adalah ibarat ibadat yang anda diberikan pahala kerananya selama mana ia berlaku pada jalan Allah S.W.T. Tidak syak lagi, kasih sayang dan penghormatan anda kepada kedua-dua mereka akan bertambah ketika kedua-duanya mencapai usia yang lanjut. Anda juga akan memperoleh kelazatan rohani yang murni dan kesenangan hati yang sempurna ketika anda memberikan khidmat kepada mereka, ketika anda mencium tangan mereka berdua dan ketika anda memberikan penghormatan yang sepatutnya kepada mereka dengan penuh keikhlasan. Ketika mempunyai perasaan yang tinggi dan keazaman yang kuat ini, anda menuju kepada Allah S.W.T yang Maha Berkuasa dengan memanjatkan doa agar Allah S.W.T memanjangkan umur mereka agar anda mendapat balasan pahala yang berlebihan. Tetapi jika kasih sayang dan penghormatan tersebut hanya kerana ingin mendapat habuan dunia semata-mata dan hanya lahir daripada hawa nafsu, maka ia akan melahirkan kesakitan rohani yang kelam hasil daripada perasaan dan semangat yang rendah lagi hina, iaitu hanya ingin menjauhkan diri daripada mereka berdua, sedangkan mereka berdua adalah sebab kepada kewujudan dan kehidupan anda. Perasaan buruk itu juga lahir daripada perasaan berat menerima mereka berdua ketika usia mereka yang telah lanjut sehingga menjadi beban yang besar. Bahkan lebih dahsyat lagi jika anda bercita-cita mereka cepat mati dan

---

sentiasa menunggu-nunggu bila berlakunya!

Manakala kasih sayang anda kepada anak-anak anda, maka ia adalah kasih sayang terhadap barang amanah yang Allah S.W.T amanahkan kepada anda, agar anda mendidik dan menjaga mereka sebaik-baiknya. Kasih sayang kepada mereka adalah kasih sayang yang diselubungi dengan kebahagiaan dan kegirangan. Dalam masa yang sama, ia juga adalah nikmat Ilahi. Jika inilah perasaan anda, maka janganlah pula anda merasa dukacita terhadap musibah yang menimpa mereka dan janganlah anda menjerit dengan penuh penyesalan jika mereka meninggal dunia. Kerana sebagaimana yang telah kami nyatakan terdahulu, Tuhan yang Mencipta mereka amat mengasihani mereka dan amat bijaksana dalam mengatur urusan mereka. Ketika itu anda hendaklah berkata bahawa sesungguhnya kematian bagi mereka adalah kebahagiaan buat mereka. Jika ini yang anda lakukan, maka anda akan terselamat daripada kesakitan kerana berpisah dengan mereka dan anda akan terfikir bahawa anda sentiasa akan dinaungi dengan rahmat Allah S.W.T.

Manakala kasih sayang anda kepada rakan-rakan dan kaum kerabat, oleh kerana ia berlaku kerana Allah S.W.T semata-mata, maka perpisahan dan kematian mereka tidak sekali-kali dapat menghalang persahabatan, persaudaraan, kasih sayang dan keintiman yang abadi dengan mereka. Ini adalah kerana hubungan kerohanian dan kasih sayang maknawi yang tulus itu akan berterusan dan berkekalan yang menyebabkan kelazatan pertemuan dan kenikmatan perjumpaan seolah-olahnya terus berlaku. Tetapi jika kasih sayang tersebut tidak berlaku kerana Allah S.W.T dan bukan pada jalanNya, maka kelazatan pertemuan yang berlaku satu hari sahaja akan menyebabkan

Manakala kasih sayang anda kepada para Nabi A.S. dan para wali yang salih akan menjadikan alam barzakh yang merupakan alam yang gelap dan sepi pada pandangan orang-orang yang sesat dan lalai, sebagai beberapa buah rumah yang memperoleh cahaya daripada mereka. Ketika itu, anda tidak lagi merasa sepi untuk turut menyertai mereka dan tidak lagi merasa takut kepada alam barzakh, bahkan sentiasa rindu kepadanya tanpa mengeruhkan kenikmatan dan kelazatan kehidupan dunia anda. Tetapi jika kasih sayang anda kepada mereka sama seperti kasih sayang kepada golongan-golongan tersohor dan glamor keduniaan yang lain, maka dengan semata-mata terfikir tentang kematian para wali yang mempunyai kesempurnaan itu dan bagaimana jasad mereka akan dimamah oleh bumi di dalam perkuburan agung masa lalu, maka ia akan menambahkan kesakitan kepada kesakitan kehidupan yang telah sedia ada. Ia juga akan mendorong seseorang untuk menggambarkan bahawa dia akan mati dan binasa dengan berkata: *“Suatu hari nanti, aku juga akan masuk ke dalam kubur ini yang telah menghancurkan tulang orang-orang yang besar dan agung!”* Dia berkata demikian dengan penuh penyesalan dan kebimbangan. Sedangkan pada pandangan pertama, dia melihat mereka sedang berehat dan ceria di alam barzakh yang mempunyai dewan dan serambi masa depan, setelah mereka meninggalkan pakaian jasadiyah masa lalu mereka. Dengan itu, dia akan melihat kepada tanah perkuburan dengan pandangan penuh kerinduan dan kemesraan.

---


21. Pertemuan sesaat yang berlaku pada jalan Allah S.W.T akan dikira sebagai setahun, manakala pertemuan setahun kerana dunia yang akan binasa ini tidak menyamai sesaatpun.

Manakala kasih sayang anda kepada benda-benda yang indah dan cantik itu hendaklah ia berlaku kerana Allah S.W.T dan pada jalanNya, juga bagi mengenali Tuhan yang Mulia yang telah membuatnya sehinggakan anda berkata: “*Alangkah indah ciptaan-Nya!*” Kasih sayang ini sendiri adalah tafakkur yang mempunyai kelazatan dan kenikmatan, bahkan ia akan membuka jalan bagi merasai pelbagai kasih sayang kepada sebarang keindahan dan rindu kepada sebarang ketaktihan sebagai martabat seperti biasa yang tinggi dan indah. Ia juga akan memperlihatkan kepada anda khazanah berharga yang tersimpan lalu orang yang melihatnya akan tenggelam di dalam kelazatan yang tinggi dan indah. Ini adalah kerana kasih sayang tersebut membuka penglihatan mata hati yang memindahkannya daripada hanya melihat kesan perbuatan Tuhan Yang Maha Membuat lagi Maha Mulia itu kepada melihat keindahan perbuatan-perbuatan-Nya yang menawan, juga memindahkannya daripada hanya melihat keindahan perbuatan kepada keindahan *al-Asma’ al-Husna* Allah S.W.T, juga daripada hanya melihat keindahan *al-Asma’ al-Husna* kepada keindahan sifat-sifat-Nya yang mulia, juga daripada hanya melihat kepada keindahan sifat-sifatNya yang mulia kepada keindahan zat-Nya yang suci itu sendiri. Maka kasih sayang dengan cara yang dinyatakan itu adalah ibadat yang mendatangkan kelazatan dan ia juga adalah takaffur pada martabat yang tinggi serta mendatangkan kenikmatan dalam masa yang sama.

Manakala kasih sayang anda kepada remaja maka adalah kerana anda menyukai zaman muda anda kerana ia adalah nikmat indah yang dikurniakan Allah S.W.T. Tidak ragu lagi bahawa anda akan mempergunakan zaman muda anda

## Satu Soalan Penting

itu untuk beribadat kepada Allah S.W.T bukan dengan membazirkannya dalam perkara-perkara bodoh dan tenggelam di dalam kesesatan. Ini adalah kerana ibadat-ibadat yang anda laksanakan pada zaman muda, ia sebenarnya adalah buah yang enak dan kekal abadi yang dihasilkan oleh zaman yang telah berlalu itu. Oleh itu, selepas anda melangkaui zaman tersebut dan usia anda telah lanjut, maka anda memperoleh hasil yang bertambah-tambah dan bertimbun-timbun serta berkekalan, serta secara berperingkat-peringkat anda terselamat daripada segala penyakit jiwa yang sentiasa memerintahkan kepada ~~perbuatan-perbuatan~~ ~~perbuatan-perbuatan~~ yang biasa dilakukan oleh kenakalan zaman muda. Anda berharap kepada Allah S.W.T agar memberikan taufiq kepada anda supaya dapat melakukan ibadat yang lebih banyak pada zaman tua agar anda layak untuk mendapat rahmat Allah S.W.T yang Maha Luas itu. Anda merasa janggal jika diri anda menjadi seperti golongan-golongan lalai yang hanya menghabiskan lima puluh tahun umur zaman muda dan zaman tua mereka dengan menyesali terhadap apa yang telah terluput daripada zaman muda mereka yang penuh kenikmatan itu yang hanya berlangsung selama lima atau sepuluh tahun sahaja. Ini menyebabkan ada penyair menggambarkan penyelasan dan penderitaan mereka dengan berkata:


 لِيُتَيَسَّرَ لِلشَّبَابِ الْعِبَادَةُ

Maksudnya: “Alangkah baik zaman muda kembali sehari  
Untukku beritahu kelaku orang yang beruban.”

Manakala kecintaan anda kepada pemandangan-pemandangan yang indah terutamanya pemandangan pada musim bunga, maka ia adalah kerana anda berkeinginan

untuk melihat dan mengintai-ngintai keindahan perbuatan Allah S.W.T. Meskipun musim bunga berakhir, namun kelazatan dan kenikmatan menyaksikan serta memandangnya tidak hilang, kerana gambarannya tetap kekal. Maka musim bunga itu serupa dengan surat indah rabbani yang dibuka untuk tatapan para makhluk-Nya. Maka khayalan anda dan musim tersebut sama seperti pita rakaman yang mengekalkan kelazatan menyaksikan pemandangan tersebut dan sentiasa memperbaharui gambaran-gambaran indah yang dibawa oleh musim bunga tersebut. Oleh itu, kasih sayang dan kecintaan anda tidaklah bersifat sementara atau diseliputi dengan dukacita dan penyesalan, bahkan ia adalah kasih sayang dan kecintaan yang murni, suci, lazat dan penuh kenikmatan.

Manakala kasih sayang dan kecintaan anda kepada dunia, maka ia adalah kerana kecintaan anda kepada Allah S.W.T dan demi kerana-Nya semata-mata. Dengan itu, segala benda yang menimbulkan ketakutan dan kegerunan yang ada di atas dunia menjadi kawan yang baik bagi anda. Anda juga boleh mengasihi dunia ini atas dasar bahawa ia adalah ladang untuk akhirat. Dengan itu anda boleh memetik setiap benda yang ada di dalamnya, yang boleh dijadikan sebagai buah yang enak di akhirat kelak, atau anda mendapatkan apa sahaja yang ada di dalamnya yang boleh dijadikan sebagai modal anda di akhirat kelak. Segala musibah dunia yang menimpa tidak sedikitpun menakutkan anda. Begitu juga kehilangan dan kemusnahannya sedikitpun tidak membimbangkan anda. Dengan itu, anda menghabiskan tempoh pemukiman anda di dunia sebagai tetamu yang dimuliakan. Tetapi jika kecintaan anda kepada dunia sama seperti kecintaan oleh golongan yang lalai, maka kami telah berkata kepada anda berkali-kali: Diri anda akan tenggelam dan musnah lantaran kecintaan melampau yang



---

mengcekik anda. Kecintaan itu juga akan hilang lenyap dan tidak akan mendatangkan sebarang faedah serta manfaat!

Demikianlah kami cuba untuk memperlihatkan kepada anda satu sahaja daripada ratusan akibat bagi setiap perkara yang kami telah sebutkan, ketika kecintaan dan kasih sayang anda berlaku sesuai dengan petunjuk al-Quran yang mulia. Dalam masa yang sama, kami juga telah menyebutkan secara tidak langsung tentang satu sahaja daripada ratusan kemudaratannya kasih sayang dan kecintaan tersebut jika ia tidak berlaku selaras dengan perintah al-Quran al-Karim.

Jika anda ingin mengetahui hasil-hasil daripada pelbagai jenis kasih sayang dan kecintaan tersebut di alam akhirat yang kekal abadi, sebagaimana yang disebutkan secara tidak langsung oleh ayat-ayat al-Quran yang terang dan nyata, maka di sini kami akan menerangkan kepada anda secara ringkas satu sahaja daripada faedah-faedah akhirat yang diperolehi daripada pelbagai jenis kasih sayang dan kecintaan yang dibenarkan syarak itu. Penerangan itu kami akan lakukan melalui sembilan isyarat, setelah kami mengemukakan satu pendahuluan, sebagaimana berikut:

## Mukadimah

Sesungguhnya Allah S.W.T dengan *Uluhiyyah-Nya* yang mulia, dengan rahmat-Nya yang indah, dengan *Rububiyyah-Nya* yang besar, dengan belas kasihan-Nya yang mulia, dengan kudrat-Nya yang agung dan dengan hikmat-Nya yang halus telah menghiasi manusia yang kecil ini dengan pancaindera dan perasaan yang banyak serta beragam. Allah S.W.T mengindahkannya dengan anggota, organ dan kelengkapan yang pelbagai agar manusia merasa dan mengecapi semua lapisan rahmat-Nya yang luas dan pelbagai nikmat-Nya yang tidak terhitung. Allah S.W.T juga mahu memperkenalkan manusia dengan pelbagai kebaikan-Nya yang tidak terkira. Di samping itu, melalui anggota dan organ yang banyak itu, Allah S.W.T juga mahu agar manusia melihat pelbagai jenis jelmaan ribuan nama-Nya daripada *al-Asma' al-Husna* yang tidak terhad itu, agar manusia mengasihinya dan memberikan penghargaan yang sepatutnya.

Setiap anggota, setiap kelengkapan dan setiap alat yang ada pada manusia mempunyai tugas yang tersendiri, tugas ibadat yang khusus, kesakitan yang berlainan dan balasan pahala yang berbeza.

Sebagai contoh:

Mata: Tugasnya melihat kepada keindahan. Ia dapat melihat mukjizat qudrat Ilahi yang indah yang terdapat pada alam penyaksian, lalu ia menunaikan tugasnya dengan

memperssembahkan kesyukuran kepada Allah S.W.T melalui pandangan-pandangannya yang mengandungi kesedaran. Setiap orang tahu betapa besarnya kelazatan yang ada pada pancaindera pandangan dan betapa sengsaranya jika kehilangannya. Oleh itu, tidak perlulah dijelaskan lagi tentang kelazatan melihat dan kesakitan kehilangannya.

Telinga: Tugasnya mengesan isyarat-isyarat halus rahmat Ilahi yang berlegar di dunia pendengaran. Ia mendengar pelbagai jenis suara dan alunannya yang lembut dan berbagai-bagai. Ia mempunyai tugas ibadat khusus, kelazatan tersendiri dan balasan pahala yang tertentu.

Deria hidu: Yang dapat mengesan isyarat-isyarat halus rahmat Ilahi yang merebak melalui haruman pelbagai jenis wangian dan bau. Ia memiliki kelazatannya yang tersendiri dalam rangka ia melaksanakan kesyukurannya yang khusus, dan sudah pasti ia juga mempunyai balasan pahala yang tertentu baginya.

Deria rasa: Yang terdapat pada mulut. Ia menunaikan tugasnya dan memperssembahkan kesyukuran maknawi dalam pelbagai bentuk melalui rasaannya terhadap pelbagai jenis makanan dan kelazatannya.

Demikianlah setiap anggota, deria dan organ manusia serta setiap anggota dalamannya yang utama seperti jantung, roh, akal dan lainnya memiliki tugasannya yang tersendiri dan mempunyai pelbagai kelazatan yang khusus baginya sahaja.

Dan satu perkara yang tidak diragukan lagi ialah bahawa Allah Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Bijaksana yang telah mempermudah anggota-anggota tersebut

---

bagi melaksanakan tugasnya masing-masing pasti akan memberikan balasan yang sesuai dan yang berhak diperolehi oleh setiap anggota tersebut.

Sesungguhnya hasil segera bagi setiap jenis kasih sayang sebagaimana yang telah disebutkan dapat dirasai oleh setiap orang melalui perasaan dalamannya. Dia pasti dapat merasakannya dan meyakinkannya melalui gerak hatinya yang benar.

Hasilnya di akhirat pula telah dibuktikan oleh dua belas hakikat yang bersinar daripada Kalimah Kesepuluh dan enam asas cemerlang daripada Kalimah Kedua Puluh Sembilan.

Manakala huraianya juga telah terbukti melalui al-Quran al-Karim yang merupakan perkataan paling benar dan susunan kata-kata yang paling indah. Ia adalah kata-kata Allah Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengetahui. Semuanya terbukti sama ada melalui perkataannya yang jelas, atau melalui perlambangan, kiasan dan isyarat. Oleh itu, kami berpendapat adalah tidak perlu untuk membawa bukti-bukti yang panjang berkenaan perkara ini. Perlu dinyatakan juga bahawa kami telah pun membawa bukti-bukti yang amat banyak di dalam beberapa Kalimah yang lain, juga di dalam Maqam Kedua Arab daripada Kalimah Kedua Puluh Lapan yang khusus mengenai syurga dan juga di dalam Kalimah Kedua Puluh Sembilan.

#### Isyarat Pertama:

Sesungguhnya kecintaan yang dibenarkan dan diberkati dengan kesyukuran kepada Allah S.W.T terhadap segala

makanan yang lazat dan buah-buahan yang enak di dunia ini, balasannya di akhirat kelak ialah makanan dan buah-buahan yang baik dan selayaknya dengan syurga yang kekal abadi.. sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran al-Karim. Kecintaan tersebut mempunyai perasaan kerinduan dan kesukaan kepada syurga dan buah-buahan yang terdapat di dalamnya. Seheinggakan buah-buahan yang anda makan di dunia dengan menyebut Alhamdulillah akan terbentuk di dalam syurga sebagai buah-buahan yang khusus dan mempersembahkan kepada anda satu keenakan daripada keenakan-keenakan syurga. Di sini (di dunia) anda memakan sebiji buah, dan di sana (di akhirat) buah tersebut akan terbentuk sebagai sebiji buah daripada buahan syurga. Oleh kerana anda telah mempersembahkan kesyukuran maknawi yang lazat dengan anda melihat pemberian nikmat Ilahi dan sapaan Ketuhanan pada makanan dan buahan yang anda makan di sini (di dunia), maka di sana (di akhirat) iaitu di dalam syurga akan diserahkan kepada anda pelbagai jenis makanan dan buahan yang lazat dan enak. Ini sebagaimana dinyatakan di dalam hadis dan juga melalui isyarat-isyarat di dalam al-Quran al-Karim, juga berdasarkan kehendak hikmat Ilahi dan rahmat-Nya yang Maha Luas.

### Isyarat Kedua:

Kecintaan yang dibenarkan syarak terhadap jiwa, iaitu menyintainya semasa di dunia dengan melihat kepada kekurangan bukan keindahannya, serta percubaan untuk menyempurna, menyucikan, menjaga, mengasih dan mendorongnya kepada kebaikan, akan membuahkan hasil di akhirat nanti. Hasilnya ialah Allah S.W.T akan memberikan para kekasih yang selayaknya dengan perbuatan-perbuatan

tersebut dan juga syurga-Nya. Maka jiwa yang semasa di dunia membenci dirinya sendiri dan juga membenci syahwatnya serta meninggalkan segala kesukaannya kerana Allah S.W.T, dan menggunakan pelbagai peralatan yang ada padanya dengan cara yang paling baik dan sempurna, maka Allah S.W.T akan mengurniakan kepadanya pembalasan terhadap kecintaan yang dibenar dan disertai dengan ubudiyah kepada Allah itu dengan bidadari yang memakai tujuh puluh perhiasan syurga dengan pelbagai perhiasannya, yang bersolek dengan tujuh puluh jenis kecantikan dan keindahan, sehingga mereka kelihatan seolah-olah syurga mini yang mempunyai denyutan ruh dan kehidupan. Dengan itu, jiwa dan perasaan yang taat akan merasa tenang dan tenteram kepada perintah-perintah Allah S.W.T. Hasil ini tidak diragukan lagi akan berlaku, kerana banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskannya dengan penuh yakin.

Kemudian hasil kasih sayang yang tertuju kepada pemuda di dunia, iaitu dengan menghalakan kekuatan zaman muda dan kecergasannya kepada ibadat dan taqwa akan membuahkan kemudaan yang berterusan di dalam dunia yang kekal abadi dan kenikmatan yang berkekalan.

### Isyarat Ketiga:

Manakala natijah yang diperoleh di akhirat hasil daripada kasih sayang kepada isteri yang berdasarkan kepada kebaikan perilaku hidupnya, keindahan sifat peribadinya dan kelembutan kasih sayangnya, yang kesemuanya memeliharanya daripada menderhaka kepada suami dan menjauhkannya daripada kesalahan dan dosa, maka natijahnya ialah:

itu ~~Itu menjadi~~ ~~kebaikan~~ yang dicintai, rakan yang benar dan teman yang manja di dalam syurga. Kecantikannya lebih indah daripada bidadari. Perhiasannya lebih ketara daripada perhiasan bidadari. Kecantikannya mengatasi kecantikan bidadari. Dia sentiasa berbual-bual bersama-sama dengan suaminya, mengenangkan kembali saat-saat manis semasa di dunia. Demikianlah janji Tuhan Yang Maha Mengasihani dan Maha Mulia. Oleh kerana Allah S.W.T telah berjanji, maka Dia pasti akan menunaikan janjinya.

#### Isyarat Keempat:

Manakala natijah yang diperoleh daripada kecintaan kepada kedua ibu-bapa dan anak-anak, maka balasannya ialah bahawa Allah S.W.T yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani akan memberikan kebaikan kepada keluarga yang bahagia dan bernasib baik itu sekalipun terdapat perbezaan kedudukan mereka di dalam syurga. Mereka akan sentiasa bertemu, bergaul, bermesra dan berbual-bual sesama mereka dengan sesuatu yang selayaknya dengan syurga dan negeri yang kekal abadi itu, sebagaimana dinyatakan oleh nas al-Quran al-Karim. Para bapa juga dapat bermesra dengan anak-anak mereka yang telah meninggal dunia sebelum umur baligh dan anak-anak mereka itu kekal menjadi anak-anak di dalam syurga, iaitu dalam keadaan yang amat mesra dan dikasihi oleh jiwa. Dengan demikian, keinginan untuk bermesra dengan anak-anak yang tertanam di dalam fitrah manusia akan menjadi tenang. Mereka akan menikmati suatu kelazatan yang kekal dan perasaan yang berterusan di dalam syurga. Anak-anak mereka itu dikekalkan dalam keadaan kecil iaitu pada umur kecil sebelum mencapai umur baligh. Ada orang menyangka bahawa di dalam syurga

tidak ada peluang untuk bermesra dengan anak-anak, kerana syurga bukan tempat untuk melahirkan anak. Tetapi, oleh kerana syurga mengandungi kelazatan dunia yang paling baik, maka bermesra dan bergurau senda dengan anak-anak sudah pasti ada di dalam syurga dalam keadaan dan bentuknya yang paling baik dan indah. Alangkah bahagiannya para bapa yang kehilangan anak-anak mereka di dunia!

#### Isyarat Kelima:

Sesungguhnya natijah daripada kecintaan kepada rakan-rakan dan kaum keluarga yang salih sebagaimana dituntut oleh 'kecintaan kerana Allah S.W.T' ialah bahawa anda akan dapat duduk bersama-sama mereka di atas kerusi dalam keadaan berhadapan serta berbual-bual tentang kenangan-kenangan manis yang berlaku semasa di dunia. Masa yang indah dihabisi dengan perbualan yang dipenuhi kemesraan, sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran al-Karim.

#### Isyarat Keenam:

Manakala natijah kasih sayang kepada para Nabi A.S. dan para salihin sebagaimana diterangkan oleh al-Quran ialah bahawa anda akan memperoleh syafaat para Nabi dan para wali yang mulia tersebut di alam barzakh, dan juga ketika berlaku kebangkitan besar di Padang Mahsyar. Di samping itu, hasil daripada kasih sayang tersebut, anda juga akan memperoleh limpahan-limpahan daripada maqam dan kedudukan serta martabat mereka yang tinggi dan selayaknya bagi mereka.

Ya, sesungguhnya hadis Rasulullah S.A.W. ada menerangkan bahawa seseorang akan bersama-sama dengan sesiapa yang



dikasihinya.<sup>22</sup> Oleh itu, seseorang boleh meningkat ke maqam dan kedudukan paling tinggi berdasarkan hubungan kasih sayang yang jalannya dengan rakannya, keterikatannya dan ikutannya kepada rakannya itu.

### Isyarat Ketujuh:

Kecintaan anda terhadap sesuatu yang cantik, juga kecintaan anda terhadap musim bunga, iaitu pandangan anda terhadapnya dengan anda berkata: “*Alangkah indahnya ciptaan Allah S.W.T*”, serta anda menunjukan kasih sayang itu kepada sesuatu yang berada di sebalik sesuatu benda yang cantik dan indah yang terdiri daripada keindahan perbuatan dan bagaimana ia dilakukan dengan penuh tersusun, juga pandangan anda terhadap apa yang berada di sebalik perbuatan yang disegani dan diperihai sebagai keindahan penjelmaan *al-Asma’ al-Husna*, dan juga pandangan anda terhadap penjelmaan sifat-sifat yang mulia yang berada di sebalik *al-Asma’ al-Husna* itu, maka natijah kecintaan yang dibenarkan ini ialah:

Anda akan dapat menyaksikan keindahan yang ribuan kali ganda lebih indah daripada keindahan yang anda telah saksikan pada makhluk-makhluk tersebut. Iaitu anda akan dapat menyaksikan penjelmaan *al-Asma’ al-Husna* dan keindahan sifat-sifat yang mulia yang selayaknya dengan syurga dan negeri yang kekal abadi. Imam al-Sirhindi berkata: “*Sesungguhnya segala keindahan syurga hanyalah merupakan jelmaan bagi al-Asma’ al-Husna.*” Maka perhatikanlah ia

22. Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam al-Adab 69, dan Muslim dengan nombor 2640 daripada Abu Musa al-Ash’ari, dikeluarkan oleh Imam Ahmad 4/392, 395, 398, 405, dan Ibn Hibban 577 – Penterjemah (Ihsan Qasim al-Salihi).

---

kerana Allah S.W.T!

### Isyarat Kelapan:

Manakala kasih sayang anda terhadap dunia dengan kasih sayang yang dibenarkan oleh syarak, iaitu kasih sayang anda terhadapnya yang disertakan dengan pemerhatian dan pemikiran bahawa keindahannya adalah kerana ia adalah ladang bercucuk tanam untuk akhirat dan cerminan jelmaan bagi *al-Asma' al-Husna*, maka natijahnya di akhirat adalah:

Anda akan dikurniakan syurga seluas dunia keseluruhannya, tetapi ia tidak akan hancur sebagaimana hancurnya dunia, bahkan ia akan terus kekal abadi. Pada cerminan syurga tersebut akan diperlihatkan jelmaan-jelmaan *al-Asma' al-Husna* dalam keadaan paling bersinar dan bercahaya, yang sebahagian sinaran dan cahayanya yang lemah telah dapat anda saksikan semasa di dunia lagi.

Manakala kasih sayang anda terhadap dunia sebagai ladang bercucuk tanam untuk akhirat, iaitu dengan menganggap ia sebagai tapak semaian yang amat kecil bagi menumbuhkan biji-biji benih agar ia bertangkai dan berbuah di akhirat, maka natijahnya ialah:

Anda akan memperoleh buah-buahan syurga yang luas seluas dunia ini seluruhnya. Di situ, segala pancaindera dan perasaan kemanusiaan yang dibawa manusia di dunia akan terbuka umpama biji-biji benih kecil itu yang pecah dan membesar dengan sempurna, kemudiannya biji-biji benih kecil itu bertangkai sebagaimana kesediaan fitrah yang menanggung keseluruhan kelazatan dan kesempurnaan. Natijah ini

dinyatakan dengan kehendak rahmat Allah S.W.T yang Maha Luas dan hikmatNya yang mutlak. Ia juga dinyatakan secara langsung oleh hadis dan juga secara tidak langsung oleh al-Quran al-Karim.

Oleh kerana kasih sayang anda terhadap dunia bukan berdasarkan sudutnya yang hina yang merupakan punca segala kesalahan, tetapi ia adalah kasih sayang yang ditujukan kepada sudutnya yang lain, iaitu kepada *al-Asma' al-Husna* dan akhirat itu sendiri, maka anda telah menjalin hubungan kasih sayang sebenar dengan dunia dan anda telah memakmurkan sudut tersebut dengan niat beribadat, sehingga seolah-olah anda melakukan ibadat dengan keseluruhan dunia ini. Oleh itu, sudah pasti balasan pahala yang terhasil daripada kecintaan ini adalah balasan pahala yang lebih luas daripada dunia ini seluruhnya. Ini berdasarkan tuntutan rahmat dan hikmat Ilahi.

Kemudian oleh kerana kasih sayang kepada dunia itu menghasilkan kasih sayang kepada akhirat dan kerana dunia adalah ladang untuk akhirat, juga kerana kecintaan kepada Allah S.W.T, juga kerana ia adalah cerminan bagi jelmaan *al-Asma' al-Husna*, maka tidak syak lagi kasih sayang atau kecintaan ini akan dibalasi dengan sesuatu yang amat dikasihi yang lebih luas daripada dunia ini, iaitulah syurga yang luasnya adalah seluas langit dan bumi.

Soalan: Apakah faedah syurga yang keluasannya seluas dunia ini?

Jawapan: Jika anda boleh bersiar-siar dengan kelajuan khayalan di seluruh pelusuk bumi ini, dan anda mampu melawat kebanyakan bintang yang berada di langit, nescaya

ketika itu anda akan berkata: *“Sesungguhnya dunia ini seluruhnya adalah milik saya.”* Ketika itu, tidak ada orang lain yang berkongsi kuasa dengan anda, meskipun terdapat malaikat, manusia lain dan binatang bersama-sama anda di dalam dunia yang luas itu.

Maka begitu juga anda boleh berkata: *“Sesungguhnya syurga itu adalah milik saya”*, meskipun ia dipenuhi dengan orang-orang yang mendatangnya.

Kami telah jelaskan di dalam Risalah Syurga (*al- Jannah*) iaitu Kalimah Kedua Puluh Lapan, makna sebuah hadis bahawa beberapa orang ahli syurga dikurniakan sebuah syurga yang keluasanya seluas lima ratus tahun perjalanan, dan demikian juga kami telah jelaskan di dalam Risalah al-Ikhlâs.

### Isyarat Kesembilan:

Sesungguhnya natijah daripada kecintaan kepada Allah S.W.T ialah:

Dapat melihat keindahan kudus dan kesempurnaan suci bagi Zat Yang Mulia S.W.T, sebagaimana dinyatakan oleh sebuah hadis yang sahih<sup>23</sup> dan al-Quran al-Karim. Satu saat daripada penglihatan itu menyamai ribuan tahun nikmat syurga.<sup>24</sup> Satu 23. Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa beberapa orang bertanya: *“Wahai Rasulullah! Adakah kami boleh melihat tuhan – Tuhan – kami pada hari kiamat?”* Lalu Rasulullah saw menjawab: *“Adakah kamu merasa sangsi pada melihat anak bulan pada malam bulan purnama?”* Mereka berkata: *“Tidak wahai Rasulullah.”* Rasulullah berkata lagi: *“Adakah kamu merasa sangsi pada melihat matahari pada hari yang tidak mempunyai awan?”* Mereka menjawab: *“Tidak wahai Rasulullah.”* Rasulullah berkata lagi: *“Sesungguhnya kamu akan melihatNya demikianlah.”* Hadis keseluruhannya diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.  
24. Terdapat di dalam hadis: *“... Sabda Rasulullah saw: Lalu Allah S.W.T*

saat nikmat syurga itu pula mengatasi ribuan tahun kehidupan dunia yang indah, sebagaimana dibuktikan secara sepakat oleh ahli ilmu dan kasyaf.

Anda mungkin boleh membandingkan sejauhmana kerinduan dan kelahapan yang dirangkumi oleh fitrah manusia untuk melihat keindahan kudus dan kesempurnaan suci itu, serta sejauhmana keinginan membuak-buak dan betapa kepinginnya manusia untuk menyaksikannya dengan perumpamaan berikut:

Setiap orang pasti sangat berkeinginan di dalam hatinya untuk bertemu dengan Sayyidina Sulaiman A.S. yang telah dikurniakan kesempurnaan. Seseorang itu juga merasa amat rindu untuk melihat Sayyidina Yusuf A.S. yang dikurniakan setengah daripada ketampanan. Maka bayangkanlah bagaimana pula besarnya kerinduan dan keinginan seseorang manusia untuk melihat keindahan kudus dan kesempurnaan suci, yang mana antara punca jelmaan keindahan dan kesempurnaan tersebut ialah syurga kekal abadi dengan segala keindahan, nikmat dan kesempurnaannya yang tidak terkira mengatasi

menyingkapkan hijab, dan Dia menjelma untuk mereka, lalu Dia meliputi mereka dengan nurNya. Jika tidak kerana sudah ditetapkan bahawa mereka tidak akan terbakar, nescaya mereka akan terbakar kerana cahaya yang meliputi mereka itu. Kemudian dikatakan kepada mereka: *“Kembalilah kamu ke rumah-rumah kamu.”* Lalu mereka kembali ke rumah-rumah mereka dalam keadaan isteri-isteri mereka tidak dapat melihat mereka dan mereka tidak dapat melihat isteri-isteri mereka kesan cahaya yang meliputi mereka (semasa melihat Allah S.W.T). Setelah mereka berada di rumah-rumah mereka, dan cahaya tersebut hilang dan mereka kembali kepada keadaan asal mereka, para isteri mereka berkata: *“Kenapa kamu keluar dari sisi kami dalam satu keadaan dan kamu kembali dalam keadaan yang lain?”* Mereka menjawab: *“Ia adalah kerana Allah S.W.T telah menjelma bagi kami dan kami melihat kepadaNya. Itulah yang menjadikan kami tidak dapat dilihat oleh kamu...”* (Diriwayatkan oleh al-Bazzar. Lihat al-Tarhib wa al-Tarhib oleh al-Hafiz al- Munziri 4/556). – Pengarang.






Saudaraku! Saya amat merasa dukacita mendengarkan berita kematian anak saudara. Tetapi ketetapan terletak pada tangan Allah S.W.T. Redha dan menerima qadar yang telah ditetapkan merupakan salah satu syiar Islam.

Saya berdoa kepada Allah S.W.T agar mengurniakan kesabaran kepada saudara. Saya juga berdoa agar anak saudara yang meninggal itu menjadi pembantu saudara di akhirat dan pemberi syafaat pada hari kiamat.

Dalam menjelakan berita-peristiwa yang berikut, saya akan berkongsi kepada saudara dan memberikan hiburan hakiki kepada saudara dan kepada orang-orang mukmin seumpama saudara.

Noktah Pertama:


 Furqan Allah S.W.T. Maksudnya:

“... anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya)...” (al-Waqi’ah: 17)

Makna dan rahsia ayat di atas adalah sebagaimana berikut: Sesungguhnya anak-anak orang beriman yang meninggal dunia sebelum baligh akan dikekalkan di dalam syurga sebagai kanak-kanak yang disenangi dan disayangi sebagaimana selayaknya dengan syurga. Mereka juga akan menjadi punca kegembiraan abadi di dalam dakapan ibubapa mereka yang dapat memasuki syurga. Mereka juga akan menjadi jaminan kepada perasaan kasih sayang abadi bagi kedua ibubapa iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak-anak serta bermanjaan dengan mereka.



Oleh kerana semua perkara yang lazat terdapat dalam syurga, maka tidak benarlah mereka yang mengatakan bahawa tiada tempat bagi kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka di dalam syurga, dengan alasan kerana tiada proses kelahiran dan proses penerusan zuriat di dalam syurga. Tetapi di dalam syurga terdapat kejayaan besar dengan sebab kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka sepanjang jutaan tahun tanpa diselaputi oleh sebarang kesakitan atau kekeruhan, jika dibandingkan dengan kasih sayang dan bermain-main dengan mereka dalam tempoh sepuluh tahun di dunia yang singkat dan diselubungi dengan pelbagai kesakitan.

Semua perkara ini direalisasikan oleh ayat tersebut. Ayat

ini  $\text{وَوَوَوَلِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ الْمَمِيِّمِ خَلْءٌ كَثِيرٌ مِّنْ أَوْلِيَائِهِمْ يُؤْمِنُونَ} \text{وَوَوَوَلِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ الْمَمِيِّمِ خَلْءٌ كَثِيرٌ مِّنْ أَوْلِيَائِهِمْ يُؤْمِنُونَ}$  kebahagiaan dan khabar gembira kepada orang-orang yang beriman.

### Noktah Kedua:

Pada suatu ketika, seorang lelaki yang baik dimasukkan ke dalam penjara. Anaknya yang disayangi juga dimasukkan bersama-samanya ke dalam penjara. Lelaki itu amat merasa sukar kerana kelemahannya menyediakan keselesaan yang sepatutnya bagi anaknya, di samping kesakitan-kesakitan peribadi yang dihadapinya.

Pada suatu hari, raja menghantar seorang utusan kepada lelaki tersebut untuk memberitahu bagi pihak raja. Utusan itu pun berkata: “ *meskipun anak itu adalah anak anda, namun dia tetap salah seorang daripada rakyatku. Saya akan mengambilnya daripada anda untuk dididik di bawah*

*naungan istana yang indah dan besar”*. Lelaki itu mula menangis, berdukacita dan berkeluh kesah. Dia berkata: *“Tidak. Saya tidak akan memberikan anak saya dan tidak akan menyerahkannya. Dia adalah penghibur bagiku!”*

Kawan-kawannya di dalam penjara membantah. Mereka berkata: *“ Wahai saudara! Janganlah anda terlalu mengambil kira tentang dukacita dan kesakitan anda. Jika anda berdukacita bagi anak anda, itu tidak memberikan apa-apa pengertian kerana dia akan tinggal di dalam istana yang luas dan dipenuhi dengan pelbagai kemewahan. Dia akan meninggalkan penjara yang tercemar, sempit dan berbau busuk ini. Jika anda berdukacita bagi diri anda sendiri, kerana anda mahu mendapatkan kemanfaatan peribadi sahaja, maka anak anda akan mengalami pelbagai kesulitan di samping kesempitan dan kesakitan yang hebat jika dia terus tinggal bersama anda di sini demi untuk memenuhi kemanfaatan sementara yang tidak dapat dipastikan bagi diri anda. Tetapi jika anak anda tinggal di istana, itu akan menjadi salah satu daripada ribuan cara yang akan mendatangkan manfaat dan faedah kepada diri anda, kerana dia akan menjadi sebab yang menurunkan rahmat raja terhadap anda. Anak anda itu akan menjadi umpama pemberi syafaat. Sudah pasti suatu hari nanti, raja akan memberikan peluang kepada anda untuk menemui anak anda agar anda merasa gembira. Raja tidak akan mahu agar anda bersedia untuk menerima kunjungan anak anda di penjara, dan raja tidak akan menghantar anak anda ke penjara untuk menemui anda, bahkan raja akan mengutus seseorang untuk menjemput anda ke istana bagi menemui anak anda. Itupun jika anda memberikan ketaatan dan kepercayaan kepada-Nya”*.

Berdasarkan perumpamaan ini wahai saudaraku yang mulia, anda dan orang-orang beriman seumpama anda hendaklah berfikir ketika mengalami kematian anak. Mereka hendaklah berkata: Anak itu tidak bersalah. PenciptaNya amat mengasihi dan amat mulia. Sebagai ganti daripada perasaan belas kasihanku dan pendidikanku yang tidak sempurna, dia sebenarnya telah didakap oleh naungan rahmat Ilahi yang maha luas. Rahmat Ilahi juga telah mengeluarkannya daripada penjara kesulitan dan kesakitan keduniaan, dan menghantarnya menuju kepada naungan syurga firdaus yang luas terbentang. Kegembiraan yang besar telah diperolehi oleh anak tersebut.

Tiada siapa yang tahu apakah yang akan dilakukan oleh anak tersebut jika dia terus hidup di dunia. Oleh itu, saya tidak merasa dukacita terhadap kematiannya. Bahkan saya berpendapat dia adalah berbahagia dan bernasib baik. Tinggal lagi, saya memikirkan tentang kenikmatan peribadi bagi diri saya. Jika anak itu terus hidup di atas dunia ini, terdapat jaminan bagi saya untuk memberikan kasih sayang terhadap anak-anak dan bergurau senda dengan mereka dalam tempoh yang sementara selama lebih kurang sepuluh tahun. Dalam tempoh tersebut, sudah pasti ia diselubungi dengan pelbagai kesakitan, meskipun anak itu menjadi seorang yang salih lagi berbakti. Dia mungkin mempunyai kemampuan dalam urusan dunia yang membolehkannya membantu dan bekerjasama dengan saya. Tetapi dengan kematiannya, dia menjamin agar saya dapat merasakan nikmat kasih sayang terhadap anak-anak dalam tempoh ratusan juta tahun di dalam syurga yang abadi. Dia juga akan menjadi pemberi syafaat untuk saya memasuki kebahagiaan abadi. Oleh itu, saya tidak akan merasa sangat sakit kerana kehilangannya walaupun saya terpaksa mengeneipkan kemaslahatan saya sendiri. Kerana

sesiapa yang kehilangan kemantaaan segera yang belum lagi dapat dipastikan keberhasilannya, dalam masa yang sama dia akan mendapat seribu keuntungan pada masa akan datang yang sudah pasti akan dicapainya. Dia sepatutnya tidak akan memperlihatkan kedukacitaan yang menyimpannya kepada orang lain dan tidak akan mengeluh serta menyesal sama sekali!

### Noktah Ketiga:

Semua kanak-kanak yang meninggal merupakan makhluk yang diciptakan oleh Tuhan yang Maha Mencipta dan Maha Mengasihani. Untuk-Nya Bahkita seluruh jasad dan rohaninya merupakan salah satu daripada kejadian ciptaan Allah S.W.T. Dia juga adalah sahabat atau kawan yang dipinjamkan kepada kedua ibubapa untuk dipelihara dan dijaga dengan baik oleh mereka. Allah S.W.T telah menjadikan kedua ibubapa sebagai khadam yang setia kepadanya. Allah S.W.T juga mengurniakan kepada kedua ibubapa perasaan belas kasihan dan kelazatan sebagai ganjaran segera terhadap segala perkhidmatan yang mereka lakukan terhadap anak mereka.

Tetapi sekarang, setelah tiba masanya, Tuhan yang Maha Mencipta dan Maha Mengasihani itu yang juga menjadi pemilik hakiki kepada anak tersebut telah mengambilnya daripada anda berdasarkan rahmat dan hikmatNya yang tersendiri dengan menamatkan khidmat anda terhadap anak itu. Dia adalah Tuhan yang memiliki sembilan ratus sembilan puluh sembilan daripada seribu bahagian anak itu jika dibandingkan dengan satu bahagian sahaja yang dimiliki oleh anda. Itu pun jika kita dapat mengatakan ia adalah bahagian

## Takziah Kerana Kematian Anak

yang selayaknya bagi kedua ibubapa. Oleh itu, adalah tidak layak bagi ahli iman untuk berdukacita, berkeluh kesah dan bertempik-tempik ketika kehilangan anak, kerana perbuatan tersebut akan menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap Tuhan yang memilikinya dengan pemilikan yang mutlak. Perbuatan tersebut hanya layak bagi ahli kealpaan dan kesesatan.

### Noktah Keempat:

Jika dunia ini adalah kekal abadi ... jika manusia hidup selama-lamanya ... atau jika perpisahan adalah abadi, maka barulah ketika itu kesedihan dan kekecewaan mempunyai sedikit pengertian dan faedah.

Tetapi, oleh kerana dunia ini hanyalah tempat persinggahan, maka ke mana sahaja anak yang meninggal itu pergi, semua kita pasti akan ke sana suatu hari nanti.

Kematian pula tidak hanya dihadapi olehnya seorang, tetapi ia merupakan jalan yang akan ditempuhi oleh semua orang. Semua orang yang berada di atas muka bumi pasti akan melaluinya pada suatu hari nanti.

Oleh kerana kehidupan ini tidak abadi, bahkan akan berlaku pertemuan pada hari-hari yang mendatang, di alam barzakh dan di dalam syurga, oleh itu kita sepatutnya berkata:

*“ Segala keputusan dan ketetapan adalah pada tangan Allah S.W.T. Allah memiliki segala yang diberikan kepada kita dan segala yang diambilnya daripada kita. Kita hendaklah mengharap kan ganjaran daripada Allah S.W.T, penuh kesabaran dan bersyukur dengan berkata: Segala puji bagi*

---

---

Allah S.W.T pada setiap keadaan ”.

### Noktah Kelima:

Sesungguhnya belas kasihan dan mengasihani merupakan jelmaan dan manifestasi rahmat ilahi yang paling lembut, indah, baik dan manis. Ia juga adalah hakikat nurani yang lebih tajam dan lebih menembus daripada perasaan cinta dan asyik.

Keasyikan palsu dan kecintaan keduniaan yang menghadapi pelbagai kesulitan yang amat banyak boleh bertukar menjadi keasyikan hakiki lalu seseorang yang mengalami keasyikan ini akan menemui Allah S.W.T. Begitu juga dengan perasaan belas kasihan atau rahmat ini yang tidak menghadapi apa-apa kesulitan pun dapat menghubungkan hati manusia dengan Allah S.W.T melalui jalan yang paling singkat dan dalam bentuk yang paling suci.

Ibu atau bapa mengasihi anak mereka dengan perasaan kasih sayang yang memenuhi dunia ini. Ketika anak mereka diambil, jika mereka tetap merasa bahagia kerana mereka terdiri daripada ahli iman, maka mereka akan memalingkan muka daripada dunia. Ketika itu mereka akan mendapati Allah Tuhan Pemberi Nikmat yang hakiki berada di samping mereka. Mereka juga akan berkata: *“Oleh kerana dunia ini akan fana’ dan binasa, maka adalah tidak layak kita mengikatkan hati dengannya.”* Mereka akan memperolehi ikatan teguh di sebalik kematian anak mereka dan memperolehi keadaan kerohanian maknawi yang tinggi.

Sesungguhnya ahli kealpaan dan kesesatan terhalang

daripada mendapat kebahagiaan dan kegembiraan di sebalik

**kegila**-lima hakikat ini. Bandingkanlah dengan keadaan kesakitan yang dialami iaitu ketika salah seorang daripada mereka kehilangan satu-satunya anak mereka yang amat dikasihi. Pemikirannya akan terus memikirkan tentang tanah kubur, bukan tentang tempat tidurnya yang selesa, kerana dia menggambarkan kematian sebagai suatu yang 'tiada' dan 'perpisahan yang abadi'. Ini adalah kerana dia menyangka bahawa keabadian itu hanyalah di dunia dan natijah daripada perasaan kealpaan dan kesesatan yang menyelaputinya. Oleh itu, tidak terlintas di dalam pemikirannya rahmat ilahi, syurga-Nya dan nikmat syurga firdaus-Nya yang kekal abadi.

Dengan itu, anda boleh bayangkan betapa kekecewaan, penderitaan dan kedukacitaan yang dialami oleh ahli kealpaan dan kesesatan sehingga tidak lagi mempunyai sebarang pengharapan.

Sementara Islam dan iman yang merupakan dua wasilah untuk memperolehi kebahagiaan abadi berkata kepada orang yang beriman:

*Segala kesakitan ketika sakaratul maut itu akan dikirim oleh Penciptanya yang maha mengasihani kepada kesucian syurgaNya setelah dia dikeluarkan daripada dunia yang jijik ini. Lebih dari itu, Allah S.W.T akan menjadikannya sebagai pemberi syafaat kepada anda, sebagaimana Allah S.W.T juga akan menjadikannya sebagai anak anda yang abadi. Oleh itu, janganlah anda merasa gundah gelana dan janganlah berdukacita, kerana perpisahan hanya sementara. Bersabarlah dan berkatalah: Segala ketetapan adalah dalam tangan Allah S.W.T."*



*“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” (al-Baqarah: 156)*

Yang akan tetap kekal hanyalah Allah S.W.T yang maha kekal.

Said Nursi



## Tentang Anak-Anak Muda Dalam Syurga

بِأَسْمَائِهِمْ مِمَّا كَانُوا يَعْبُدُونَ  
 Dengan nama-Nya Yang Maha Suci

Disebutkan dalam soalan saudara kita: Dinyatakan dalam beberapa tafsir tentang ayat yang mulia:

يَطَّطَّرُونَ فِيهَا مِنْ غُلَامٍ مُطَهَّرِينَ  
 وَنِعْمَ الْوَجْدُ لِلَّذِينَ هُمْ عَنْ أَسْمَائِهِمْ سَائِمُونَ

“Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka”. Al-Insaan : 19

Bahawa semua ahli syurga, dari kecil hingga tua akan berada pada umur tiga puluh tahun.

Hakikatnya adalah: (Namun hanya Allahlah yang lebih mengetahui.)

وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ أَسْمَائِهِمْ سَائِمُونَ  
 ini dengan iman

menunjukkan bahawa anak-anak yang tidak melaksanakan kewajipan syariat yang merupakan perkara sunat bagi mereka – di mana semua itu tidak diwajibkan ke atas mereka – dan mereka meninggal dunia sebelum baligh maka mereka akan kekal di dalam syurga sebagai anak-anak kecil yang dikasihi sebagaimana selayaknya keadaan di syurga.

Sebagaimana disebutkan dalam syariat: Perintah kedua ibu bapa agar anaknya mendirikan solat dan berpuasa serta menggalakkan mereka solat menjelang umur mereka tujuh tahun serta memaksa mereka melakukannya apabila umur mereka mencapai sepuluh tahun adalah untuk pendidikan dan latihan.

Ertinya, kanak-kanak dari umur tujuh hingga sepuluh tahun yang menunaikan perkara-perkara fardhu seperti solat dan puasa – walaupun hukumnya adalah sunat – disebabkan semua itu masih belum diwajibkan ke atas mereka – akan dijadikan berumur 33 tahun di dalam syurga agar mereka mendapat ganjaran sebagaimana yang dikurniakan kepada orang-orang dewasa yang berpegang teguh dengan agama.

Sebahagian tafsir tidak membezakan antara perkara ini, mereka menafsirkan ia adalah umum ke atas semua kanak-kanak. Mereka menyangka ia suatu hukum yang umum sedangkan hakikatnya ia merupakan satu yang hukum yang khusus.

# Persoalan Penting Yang Tiba-Tiba Muncul

Dipetik Daripada Risalah Yang Bertajuk ‘ *Panduan Untuk Para Pemuda* ’

## Peringatan:

Manhaj Risalah an-Nur mengandungi sifat rahmat, belas kasihan dan kasih sayang. Sesungguhnya para wanita yang sememangnya terkenal dengan belas kasihan dan kasih sayang lebih terikat dengannya berbanding lelaki. Adapun kajian ini ditujukan kepada para wanita yang meniru wanita-wanita asing secara buta, kerana itu anda akan dapati padanya kekerasan dalam berbicara. Semua itu adalah untuk menarik perhatian orang-orang yang. Adapun saudari-saudari kami yang merupakan peneraju belas kasihan dan kasih sayang maka kami berharap agar kekerasan dalam percakapan itu tidak menyinggung perasaan mereka.

Difahami dari riwayat hadith Nabi S.A.W. bahawa wanita dan fitnahnya akan membawa kepada peranan yang paling merbahaya serta menakutkan di antara fitnah akhir zaman.

Ya, sebagaimana yang diceritakan di dalam buku-buku sejarah: bahawa di kurun-kurun yang awal terdapat sekumpulan para wanita yang terkenal dengan sifat berani dan memikul senjata dikenali sebagai (wanita Amazon) sehingga tertubuh di kalangan mereka satu kumpulan tentera yang masuk ke dalam peperangan yang memudaratkan. Begitu juga di zaman

kita ini, dalam penentangan kesesatan atheis terhadap Islam serta berperang dengannya, sesungguhnya satu kumpulan yang sangat mencemburui Islam serta berjalan di atas landasan yang mengikut hawa nafsu ammarah bis suu' (nafsu yang sentiasa mengarah kepada kejahatan), serta menyerahkan kepimpinannya dan urusannya kepada syaitan, ialah satu kumpulan wanita yang tidak berpakaian serta bertelanjang, yang mendedahkan betis-betis mereka serta menjadikannya senjata yang kuat dan melukakan yang turut menikam ahli-ahli iman! Dengan itu mereka menutup pintu nikah dan membuka pintu pembunuhan. Di mana ia menawan dengan sekelip mata jiwa ramai orang dan melukakan mereka dengan luka yang mendalam di dalam hati dan jiwa mereka dengan terlibatnya mereka melakukan dosa-dosa besar, malah boleh jadi mereka menawan sebahagian hati mereka itu serta memusnahkannya.

Adalah merupakan satu balasan yang adil bagi mereka apabila kaki-kaki mereka yang diberati dengan senjata fitnah yang melukakan itu menjadi kayu neraka jahannam dan menjadi yang pertama dibakar di dalamnya. Ini kerana mereka telah mendedahkan betis-betis mereka itu bertahun-tahun di hadapan orang diharamkan.

Di samping itu juga mereka telah kehilangan suami yang sesuai bagi mereka, malah mereka tidak berjaya mendapatkannya sedangkan mereka secara fitrah dan kejadiannya amat memerlukannya. Ini disebabkan mereka telah mensia-siakan kepercayaan dan kesetiaan di dunia ini, bahkan mereka sampai kepada satu keadaan di mana mereka dicuaikan, kehilangan penjagaan dan kepentingan. Akibat hilangnya keinginan terhadap perkahwinan dan tidak menjaga hak-hak perkahwinan itu sendiri. Seorang lelaki menjadi

bernilai bagi empat puluh wanita seperti yang dinyatakan di dalam hadith yang mulia:25

Oleh kerana hakikatnya begitu, dan oleh kerana semua yang cantik itu sukakan kecantikannya, dan berusaha untuk mempertahankannya, maka ia bertukar kepada kebodohan kerana kecantikan itu merupakan suatu nikmat yang dianugerahkan dan nikmat itu pula sekiranya disyukuri akan bertambah dan sekiranya ditingkari ia akan bertukar wajah... maka tidak syak lagi bahawa wanita yang memiliki kesedaran yang tinggi akan melarikan diri sejauh- jauhnya dengan menggunakan segala daya dan tenaga yang ada padanya dari menjadikan kecantikannya sebagai satu jalan untuk menempa kesalahan dan dosa serta menarik orang lain kepadanya. Dia pastinya akan mengelak dari menjadikan kecantikannya bertukar kepada kehodohan yang sangat buruk serta kecantikan yang malang dan meracuni. Dia akan tewas tanpa ragu dari menjadikan keingkarannya terhadap nikmat yang dianugerahkan itu punca azab dan balasan.

Oleh itu seorang wanita yang cantik hendaklah menggunakan kecantikannya dengan cara yang disyariatkan agar kecantikan yang tidak kekal itu akan kekal abadi, daripada kecantikan yang tidak bertahan melainkan cuma untuk beberapa tahun. Maka saat itu dia telah mensyukuri nikmat yang dikurniakan itu. Sekiranya tidak, maka dia akan meneguk kesakitan dan azab di waktu tuanya. Dia akan menngisi dirinya serta berputus asa dan kesal apabila melihat dirinya menjadi beban

25. Dari Anas r.a berkata: Aku akan memberitahu kamu sesuatu yang tidak akan diberitahu oleh sesiapa pun selepasku. Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Antara tanda-tanda kiamat ialah sedikitnya ilmu, meluasnya zina dan golongan wanita menjadi ramai serta berkurangnya lelaki sehingga bagi setiap lima puluh wanita hanya terdapat seorang lelaki" al-Bulkhari- Kitab al-ilm- bab terangkatnya ilmu dan terzahirnya kejahilan.

---

kepada orang lain dan mereka berpaling daripadanya.

Adapun sekiranya kecantikan itu dihiasi dengan adab al-Quran serta dijaga dengan cara yang sepatutnya berdasarkan pendidikan Islam, maka kecantikan yang tidak kekal itu akan menjadi kekal – secara maknawinya – serta akan dikurniakan kepada wanita itu kecantikan yang lebih cantik, lebih gemilang serta lebih manis dari kecantikan seorang bidadari syurga di dalam syurga yang kekal abadi, sepertimana yang disebutkan dalam sebuah hadith yang mulia<sup>26</sup>. Sekiranya wanita itu seorang yang berakal, maka dia pasti tidak mahu kehilangan natijah yang cemerlang dan abadi ini meskipun sedikit.

---

26. Terdapat banyak hadith dalam bab ini, kami sebutkan antaranya: Dari Ummi Salamah Isteri Nabi S.A.W berkata: (dalam satu hadith yang panjang) Aku berkata: Wahai Rasulullah S.A.W, adakah wanita dunia lebih baik dari bidadari syurga? Berkata Rasulullah S.A.W: Wanita dunia lebih baik dari bidadari syurga seperti kelebihan az-ziharah dari al-bitanah\*. Aku berkata: Wahai Rasulullah S.A.W. Dengan apa itu semua? Jawab baginda: Dengan solat mereka, puasa mereka dan ibadat mereka kepada Allah S.W.T, maka Allah S.W.T memakaikan ke wajah mereka cahaya dan pada tubuh mereka sutera, putih warnanya, hijau pakaiannya, kuning perhiasannya... sehingga akhir hadith. Diriwayatkan oleh At-Tabrani didalam al-Kabir wal Awsat dan ini ialah lafaznya (dari At-Targhiib wa at-Tarhiib oleh Al- Munziri 4/537).

\* az-Ziharah ialah lapisan luar baju dan al-bitanah lapisan bawah baju.

## Keperluan Fitrah

*Dipetik Daripada Buku Yang Bertajuk "Emirdag Lahikasi"*

Saudara-saudaraku yang mulia lagi benar,

Sesungguhnya anak-anak yang suci itu letaknya di hadapan dari kalangan mereka yang akan menjadi para penuntut yang hakiki bagi Risalah an-Nur. Ini bersesuaian dengan tuntutan fitrah dan keadaan mereka. Ini kerana seorang anak yang sewaktu kecilnya tidak mendapat pelajaran keimanan yang kuat adalah sukar baginya selepas itu untuk teguh di dalam jiwanya berkaitan rukun-rukun iman dan Islam. Malah itu menjadi sukar bagi mereka. Keadaan mereka umpama penerimaan seorang yang bukan Islam terhadap Islam. Malah dia lebih terasa asingnya Islam itu berbanding orang yang bukan Islam tersebut. Apatah lagi seandainya dia tidak melihat kedua ibu bapanya berada dalam agama dan ketaqwaan. Dia hanya mendidik pemikirannya dengan ilmu dunia semata-mata.

Dalam situasi ini, anak tersebut berasa terbeban dengan kedua ibu bapanya dan bukan berbakti kepada keduanya. Dia menjadi bala ke atas kedua ibu bapanya, dan menunggu-nunggu kematian keduanya! Manakala di akhirat pula dia tidak menjadi syafaat bagi kedua ibu bapanya, bahkan dia akan mendakwa keduanya dengan berkata: *"Kenapa kalian tidak menyelamatkan keimanan saya dengan tarbiah Islam?"*

Berdasarkan hakikat ini: Alangkah bahagianya anak-anak yang masuk ke dalam daerah Risalah an-Nur lalu mereka menjadi anak-anak yang taat kepada kedua ibu bapanya dan menjadi khadam yang jujur untuk mereka. Mereka berdiri di hadapan kedua ibu bapa mereka dengan penuh hormat dan kemuliaan yang selayaknya bagi mereka. Dengan amalan soleh yang dilakukan, mereka mencatat kebaikan di dalam catatan kebaikan kedua ibu bapa mereka setelah mereka wafat. Di akhirat pula mereka menjadi syafaat buat keduanya, semua itu bergantung kepada darjat mereka.

Kelompok kedua dari kalangan para pelajar an-Nur ialah mereka yang berasakan perlunya mereka kepada Risalah an-Nur secara fitrahnya. Khususnya mereka yang menjauhkan diri dari dunia, atau boleh jadi yang terus meninggalkannya kerana umur mereka yang telah lanjut.

Bagi mereka Risalah an-Nur ibarat makanan hakiki kepada jiwa, kerana salah satu asas Risalah an-Nur ialah belas kasihan yang merupakan penzahiran nama Allah (*Al-Rahim*) dan itu ialah permata khas yang tertanam di dalam fitrah wanita dan ciri-cirinya yang asli.

Kelompok ketiga: Mereka yang sakit dan tua yang berhajat kepada Risalah an-Nur – walaupun bukan secara fitrah – seperti hajat mereka terhadap roti dan ubat. Ini kerana Risalah an-Nur menerangkan kepada mereka tentang kehidupan yang abadi dengan jelas sejelas matahari di waktu tengahari, di samping penerangannya tentang keadaan dunia ini yang fana. Maka mereka yang menderita kesakitan di dunia akibat penyakit atau tua dan yang menyangka bahawa kematian itu satu kehilangan yang abadi, kerana apa yang mengelilingi mereka



Keperluan Fitrah

dari kelalaian dan kesesatan, maka mereka semua itu perlu kepada Risalah an-Nur disebabkan apa yang mereka dapati padanya dari kemanisan, keselesaan dan cahaya harapan, sehinggakan mereka lebih menyukai kesakitan dan ketuaaan dari kesihatan dan kemudahan.

Said Nursi

